

Jilid I
Bil 31



Hari Rabu
24hb November, 1982

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 3911]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
[Ruangan 3942]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1983

Jawatankuasa (Hari Kesebelas)—

Jadual:

Maksud B. 35 [Ruangan 3944]

Maksud B. 36 hingga B. 44 [Ruangan 3980]

Maksud B. 45 hingga B. 47 [Ruangan 4033]

USUL-USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat
[Ruangan 3942]

Anggaran Pembangunan, 1983:

Jawatankuasa (Hari Kesebelas)—

Maksud P. 35 [Ruangan 3944]

Maksud P. 36, P. 37, P. 38, P. 41, P. 42 dan P. 43 [Ruangan 3940]

Maksud P. 45 hingga P. 47 [Ruangan 4033]

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT YANG KEENAM

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, DATO MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,
S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR
MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J.,
D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T. (Kubang
Pasu).

.. Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam
Negeri, DATO MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M.,
S.P.N.S. (Panti).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' LEE SAN CHOON, S.P.M.J.,
S.S.I.J., K.M.N. (Seremban).

.. Menteri luar Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN
SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

.. Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI
HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).

.. Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.M. TENGKU DATO'
AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P.,
S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

.. Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH
HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu
Kelantan).

.. Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N.
(Batu Berendam).

.. Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG,
D.P.C.M. (Taiping).

.. Menteri Pertanian, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN,
D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).

.. Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK
IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

.. Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO
YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).

.. Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO'
S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei
Siput).

- Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM, D.S.N.S. (Tampin).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Pelajaran, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).
- „ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).
- „ Menteri Penerangan, TUAN MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM (Alor Gajah).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).
- „ Menteri, DATO MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., P.N.B.S., J.M.N. (Pulai).
- „ Tuan (Timbalan) Yang Dipertua, DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO' DR NIK HUSSEIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian, DATO' CHIN HON NGIAN, D.S.I.J. (Rengam).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K., A.S.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO' HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WÁN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFAH DORA BINTI SYED MOHAMED, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN HAJI MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SUBRAMANIAM (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DR TAN TIONG HONG (Raub).
- „ Timbalan Menteri Penerangan PUAN RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' MOHAMED KHALIL YAAKOB (Maran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN SABBARUDDIN CHIK (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Anwar bin Haji Ibrahim (Permatang Pau).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikie).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN
JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN
HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATO' LEE BOON
PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos,
TUAN AU HOW CHEONG, P.M.P. (Telok Intan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan
Sukan, TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN ABDUL
KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan
Kemajuan Wilayah, TUAN ZAINAL ABIDIN BIN ZIN (Bagan
Serai).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan
Luar Bandar, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K. (Kinabatangan).
- „ DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, A.M.N., S.M.P.
(Kuantan).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULAIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A.,
S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ DATO' HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota
Setar).
- „ TUAN HAJI AFFENDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS
(Marudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS (Parit).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG (Betong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Terengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P.
(Batang Padang).
- „ TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- „ TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).

- Yang Berhormat DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
- „ TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).
- „ TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beruas).
- „ TUAN PETER CHIN GAN OON (Ipoh).
- „ TUAN DAUD BIN DATO HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI HASHIM BIN HAJI ENDUT, A.M.K. (Ulu Muda).
- „ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- „ TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED (Rantau Panjang).
- „ TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ DATO JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JUSTINE ANAK JINGGOT (Ulu Rajang).
- „ DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ TUAN KAN YAU FA (Tawau).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- „ DATO LEE KIM SAI (Ulu Selangor).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S, J.B.S. (Kapit).

- Yang Berhormat TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM LIANG SENG (Kinta).
- „ TUAN LING SIE MING (Sibu).
- „ TUAN MAMAT BIN ABDUL RAHMAN (Ulu Nerus).
- „ TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB (Hilir Perak).
- „ TUAN AHMAD SHAH BIN DATO HUSSEIN TAMBAKAU (Keningau).
- „ TUAN MOHAMAD RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID (Matang).
- „ TUAN MOHAMED TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD (Pekan).
- „ DATO HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASARI (Setapak).
- „ TUAN MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN (Pontian).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD (Sri Gading).
- „ TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- „ DATO' NGAH BIN A. RAHMAN (Ledang).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATUK JAMES PETER ONGKILI, D.I.M.P. (Tuaran).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K., S.D.K., J.P. (Alor Setar).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN QUAH WEE LIAM (Kluang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH (Padang Rengas).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON (Baling).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).

- Yang Berhormat TAN SRI DATO SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ P.S.M.,
S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang
Terap).
- „ TUAN TAN KOON SWAN (Damansara).
- „ TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).
- „ WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).
- „ Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA (Bagan Datok).
- „ TUAN YEOH POH SAN (Petaling).
- „ TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).
- „ DATIN PADUKA ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S. (Tanjong
Karang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Rabu, 24hb November, 1982

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

**JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI PERTAYAAN-
PERTANYAAN**

DASAR PERTANIAN NASIONAL

1. Dato' Michael Chen Wing Sum minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada suatu dasar Pertanian Nasional yang komprehensif telah disusun, jika benar bilakah boleh diperolehi oleh rakyat.

Timbalan Menteri Pertanian (Dato' Chin Hon Ngian): Tuan Yang Dipertua, memang benar satu dasar pertanian negara sedang digubal.

Tuan Daud bin Haji Taha: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan

Tuan Yang Dipertua: Nanti sekejap, saya tidak jemput bercakap, saya terkejut, cepat sangat jawapan itu. Saya menunggu kalau ada jawapan yang panjang lagi. Ya, silakan!

Tuan Daud bin Haji Taha: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Adakah polisi Kerajaan itu akan menjamin supaya keperluan makanan bagi negara ini akan berkemampuan sekiranya peperangan berlaku dan sekiranya ada untuk berapa lamakah keperluan makanan itu boleh disediakan.

Dato' Chin Hon Ngian: Tuan Yang Dipertua, seperti saya mengatakan satu dasar pertanian sedang digubal, perkara yang ditimbulkan itu akan ditimbang oleh Kementerian.

Tuan Haji Saidin bin Mat Piah: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menerangkan bahawa satu dasar pertanian nasional sedang di dalam pertimbangan. Saya ingin bertanya adakah di dalam dasar itu telah dimasukkan satu daripada tujuannya atau objektifnya untuk menjamin makanan yang cukup, terutama makanan yang perlu seperti beras yang dikeluarkan oleh negara ini.

Dato' Chin Hon Ngian: Tuan Yang Dipertua, perkara ini memang salah satu daripada perkara yang ditimbang.

Tuan Khadri bin Sabran: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya ingin hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah bentuk dasar pertanian yang sedang digubal itu ada juga memasukkan Land Reform ataupun Reformasi Tanah di dalam dasar yang sedang digubal itu ataupun memasukkan juga suatu dasar memandang ke darat bagi kaum nelayan yang ada di dalam negara ini.

Dato' Chin Hon Ngian: Tuan Yang Dipertua, suka saya menegaskan di sini iaitu satu dasar sedang digubal, jadi barangkali perkara-perkara yang ditimbulkan akan jadi perkara yang akan ditimbang oleh Kementerian.

Tuan Yang Dipertua: Perkara itu sedang ditibangkan.

Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Satu dasar pertanian negara yang akan dilaksanakan. Satu konsep gerak tani telah keluar beberapa tahun dahulu. Adakah gerak tani ini satu daripada konsep atau dasar pertanian dan apakah kemajuan yang telah dicapai.

Dato' Chin Hon Ngian: Tuan Yang Dipertua, seperti saya katakan perkara-perkara yang ditimbulkan itu semua dalam timbangan Kementerian saya.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Sepertimana dimaklumkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian satu dasar pertanian kebangsaan sedang digubal. Saya ingin bertanya apakah unsur-unsur atau ciri-ciri yang dititikberatkan dalam penggubalan dasar ini.

Dato' Chin Hon Ngian: Tuan Yang Dipertua, oleh kerana belum ada keputusan-keputusan muktamad yang dibuat, jadi sukar di sini untuk mengatakan apakah ciri-ciri yang penting yang diambil oleh Kementerian.

RANCANGAN TV WARNA

2. Tuan Ahmad Hambal bin Yeop Majlis minta Menteri Penerangan menyatakan peratus rancangan TV yang masih dalam hitam putih dan bilakah semua rancangan akan disiarkan dalam warna.

Timbalan Menteri Penerangan (Dato' Chan Siang Sun): Tuan Yang Dipertua, hitung panjang pada masa in TV Malaysia menyiarkan 87.7% rancangan-rancangan warna dan 12.3% dalam hitam putih. Penerbitan berwarna rancangan-rancangan

tempat akan dapat ditingkatkan lagi apabila tiba van dan alat-alat rakaman dan siaran luar EFP, dengan izin, Electronic Field Production, awal tahun hadapan. Namun demikian, RTM tidak mungkin menyiarkan 100% rancangannya dalam warna kerana akan terdapat filem-filem lama seperti filem P. Ramlee dan filem-filem kelasik tempatan dan barat yang berupa filem hitam putih yang masih tinggi mutunya dan masih banyak yang meminatinya.

Dr Koh Tsu Koon: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri yang berkenaan, apakah ongkos pada hitung panjangnya untuk rancangan warna kalau dibandingkan dengan rancangan hitam putih iaitu apakah ongkos yang terlibat sekiranya kita memindahkan satu-satu rancangan yang berada dalam hitam putih, misalnya "Empat Sekawan" ke dalam rancangan warna?

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Speaker, saya tidak ada angka yang terperinci di sini tetapi jikalau kita hendak mengubahkan satu rancangan daripada hitam putih, kosnya tentulah banyak.

Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud: Adakah Timbalan Menteri yang berkenaan sedar bahawa ada ura-ura pihak swasta berminat untuk mengadakan stesyen TV warnanya sendiri. Soalan saya, adakah Timbalan Menteri boleh membenarkan Saluran Tiga TV warna dikelolakan oleh swasta di negara ini? Jika tidak, apakah sebab-sebabnya?

Tuan Yang Dipertua: Itu soalan lain, bukan soalan berbangkit.

Tuan Mohamad Razlan bin Haji Abdul Hamid: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Timbalan Menteri Penerangan, adakah Kementerian Penerangan bercadang hendak mengadakan

rancangan TV warna ini termasuk juga kepada rancangan-rancangan TV ke sekolah-sekolah rendah dan juga sekolah-sekolah menengah?

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Speaker, buat masa ini kita belum ada rancangan berwarna untuk sekolah-sekolah tetapi seperti saya katakan tadi dengan van-van atau alatan-alatan yang kita akan memperolehi dan bila pada satu masa jika ada keupayaan dan dari segi teknikal dan sebagainya, kita sudah meningkat kepada satu peringkat, kita akan berikan pertimbangan kepada rancangan-rancangan untuk siaran ETV.

Tuan Ahmad Hambal bin Yeop Majlis: Tuan Yang Dipertua, di dalam perayaan-perayaan Hari Kebangsaan ataupun lain-lain perayaan kaum-kaum pihak RTM telah begitu berjaya mempersembahkan tayangan-tayangannya dengan gambar yang berwarna-warni dengan begitu menarik tetapi mengapakah rancangan-rancangan yang biasanya diminati ramai sehingga hari ini selalunya ditayangkan dalam keadaan hitam putih?

Dato' Chan Siang Sun: Sila ulang sekali lagi, maaf.

Tuan Ahmad Hambal bin Yeop Majlis: Tuan Yang Dipertua, pihak RTM telah begitu berjaya membuat persembahan dalam warna-warni semasa membuat rakaman-rakaman untuk tayangan hari-hari perayaan, hari-hari besar sama ada kaum yang beragama Islam atau lain-lain kaum tetapi mengapakah rancangan-rancangan yang begitu menarik hati, yang menarik penonton-penonton masih banyak lagi yang dipersembahkan dalam keadaan hitam putih?

Tuan Yang Dipertua: Umpamanya.

Tuan Ahmad Hambal bin Yeop Majlis: "Drama Minggu Ini" dan sebagainya.

Dato' Chan Siang Sun: Ini barangkali salah satu sebab kita buat pada masa yang lampau dan setakat hari ini kita belum ada cukup alatan-alatan dan juga dari segi teknik dan sebagainya. Jadi, seperti saya katakan dalam pokok jawapan saya tadi iaitu bila kita mendapatkan van-van atau siaran luar itu, rancangan-rancangan dan juga alatan-alatan dan sebagainya dan juga mengubahsuaikan studio-studio kita, kita akan dapat menambahkan program-program yang berwarna itu. Jadi, ini tentu kita akan menjalankan program kita atau kerja kita ke arah pencapaian matlamat ini.

EKSPORT MALAYSIA KE PASARAN PERSATUAN EKONOMI EROPAH

3. **Tuan Oo Gin Sun** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan memandangkan kepada kemerosotan yang berlanjutan dan berpanjangan di pasaran dunia dan sikap perlindungan oleh negara-negara yang telah maju; apakah langkah-langkah yang sedang diambil bagi mengadakan rundingan dengan Persatuan Ekonomi Eropah untuk mendapatkan kemasukan eksport-eksport Malaysia dengan lebih banyak lagi ke dalam pasaran mereka.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Shahrir bin Abdul Samad): Tuan Yang Dipertua, Malaysia sentiasa mengambil daya usaha mengadakan rundingan-rundingan dengan Kesatuan Ekonomi Eropah untuk mendapatkan pasaran bagi barangan eksport kita. Usaha-usaha ini dipergiatkan lagi memandangkan keadaan pasaran dunia yang merosot dan sikap perlindungan negara-negara maju.

Rundingan di antara Malaysia dengan negara-negara Kesatuan Ekonomi Eropah dilakukan pertamanya di peringkat dua hala; kedua di peringkat serantau melalui Dialog ASEAN-Kesatuan Ekonomi

Eropah; dan ketiga semasa mesyuarat dan persidangan antarabangsa seperti mesyuarat badan-badan perdagangan seperti GATT dan UNCTAD.

Isu-isu perdagangan yang dirundingkan ialah:

- (i) Langkah-langkah tarif dan bukan tarif yang menyekat kemasukan eksport Malaysia ke pasaran Kesatuan Ekonomi Eropah;
- (ii) Memperbaiki lagi skim GSP Kesatuan Ekonomi Eropah dengan meluaskan pengliputan skim ini dan mengurangkan kadar tarif keutamaan skim ini; dan
- (iii) Langkah-langkah penggalakan eksport.

Rundingan-rundingan ini telah menghasilkan pengurangan kadar tarif dan penambahan kuota kepada eksport Malaysia dan ASEAN, dan juga pembiayaan Kesatuan Ekonomi Eropah untuk pameran dan rombongan perdagangan ke pasarannya dan juga pasaran-pasaran lain. Dailog ASEAN-Kesatuan Ekonomi Eropah telah diadakan sejak tahun 1972, dan pada tahun ini Dailog ini telah diadakan pada 2hb - 4hb November, 1982 di Bangkok.

Hasil yang telah dicapai oleh Malaysia termasuklah:

- (i) Pengurangan kadar tarif ke atas eksport Malaysia melalui Rundingan Berbagai Hala GATT di Tokyo (Tokyo Rounds) dalam tahun 1973 - 1979. Hasil dari rundingan ini negara-negara maju termasuk Kesatuan Ekonomi Eropah telah memberikan pengurangan tarif purata sebanyak 30% dalam tempoh 7 tahun mulai 1hb Januari, 1980.
- (ii) Penubuhan skim GSP Kesatuan Ekonomi Eropah di bawah UNCTAD memberi layanan

keutamaan kepada keluaran Malaysia dan kesemua negara-negara sedang membangun ke pasaran Kesatuan Ekonomi Eropah dan juga pasaran negara-negara maju. Secara amnya kebanyakan barang-barang perkilangan dari Malaysia seperti getah, plywood, kayu gergaji, barang-barang letrik dan tekstail dibenarkan masuk tanpa duti di pasaran Ekonomi Eropah. (Walau bagaimanapun ke masukan ini telah dihadkan oleh kuota di mana apabila kuota telah dipenuhi kemasukan barang-barang ini adalah tertakluk kepada kadar tarif biasa). Kemasukan barang-barang keluaran pertanian di pasaran Kesatuan Ekonomi Eropah diberi layanan keutamaan di bawah GSP dengan mengenakan kadar tarif yang lebih rendah dari kadar tarif biasa.

Tuan Tan Kok Hooi: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Timbalan Menteri yang berkenaan pada waktu ini apa sekatan-sekatan atau halangan-halangan utama Kesatuan Ekonomi Eropah terhadap eksport-eksport Malaysia ke dalam pasaran mereka?

Dato' Shahrir bin Abdul Samad: Tuan Yang Dipertua, halangan yang dikenakan kepada barangan-barangan yang dieksport oleh Malaysia kepada pasaran Kesatuan Ekonomi Eropah berbentuk secara tarif dan bukan tarif dan ini bermaksud bahawa halangan ini berbentuk sama ada secara duti yang dikenakan kepada barang-barang keluaran negara kita ataupun berbentuk bukan tarif iaitu dengan secara kuota kepada barangan-barangan yang dieksportkan oleh negara kita.

Dalam keadaan ini bermaknalah bahawa dalam rundingan-rundingan kita dengan Kesatuan Ekonomi Eropah ialah pertamanya untuk mendapatkan pengurangan duti import di sebelah negara-negara Eropah dan Kesatuan Ekonomi Eropah untuk barang-barang kita ataupun untuk menambahkan jumlah kuota yang dikenakan kepada pengeksportan barang-barang kita ke negara tersebut.

Sepertimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, dalam masa soal-jawab pada hari semalam Yang Berhormat Mulia Menteri Perdagangan dan Perindustrian telahpun menerangkan tentang masalah yang dihadapi mengenai dengan pengeksportan tekstail ke negara-negara Eropah dan perkara ini pun sedang dirundingkan di Brussels di mana kami mempunyai harapan yang cerah untuk mencapai satu persetujuan bagi menambahkan pengeksportan keluaran tekstail negara ini untuk 4 tahun yang akan datang.

Suka saya menegaskan juga, Tuan Yang Dipertua, bahawa selain daripada kita menghadapi masalah mengenai sekatan ataupun halangan berbentuk tarif dan bukan tarif daripada Kesatuan Ekonomi Eropah, Kesatuan Ekonomi Eropah ada memberi bantuan kepada Malaysia dan juga kepada ASEAN pada keseluruhannya dari segi memberi pembiayaan kepada usaha-usaha kita untuk menambahkan pengeksportan kita secara amnya, pertama kepada negara EEC sendiri dan kedua kepada pasaran-pasaran yang lain. Ada beberapa misi-misi dagangan dan juga seminar-seminar yang bertujuan untuk menggalakkan pengeksportan barangan-barangan kita telah dibiayai oleh Kesatuan Ekonomi Eropah untuk menggalakkan perdagangan antarabangsa di antara Malaysia, khususnya dan negara-negara ASEAN

dan juga selain daripada Kesatuan Ekonomi Eropah dengan negara-negara lain.

Tuan Haji Saidin bin Haji Mat Piah:
Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Tadi Timbalan Menteri telah menerangkan bahawa beberapa ikhtiar telah diusahakan bagi mempertingkatkan lagi eksport kita ke pasaran Kesatuan Ekonomi Eropah menerusi perundingan dialog peringkat dua hala bagi negara-negara Asean dan juga mesyuarat peringkat antarabangsa. Pada pandangan saya salah satu sebab yang menjadikan kemerosotan eksport negara kita ke negara-negara Kesatuan Ekonomi Eropah ialah kerana adanya sikap perlindungan negara-negara yang berkenaan. Menerusi perundingan-perundingan yang dibuat itu bagaimanakah kesannya terhadap sikap perlindungan negara-negara yang berkenaan terhadap barang-barang eksport dari Malaysia?

Dato' Shahrir bin Abdul Samad:
Tuan Yang Dipertua, mungkin pandangan Ahli Yang Berhormat ini agak boleh dikatakan benar bahawa salah satu sebab daripada sebab yang menyebabkan kemerosotan ekonomi ialah hasil daripada perlindungan yang sedang berlaku. Soal perlindungan di dalam perdagangan antarabangsa merupakan salah satu perkara ataupun tajuk yang sedang dibincangkan di dalam mesyuarat GATT yang sedang berjalan di Geneva pada masa hari ini di mana negara kita turut diwakili dan sekiranya dapat diputuskan dimesyuarat GATT yang sedang berjalan itu satu sikap politik yang sanggup untuk mengurangkan perlindungan yang sedang berlaku di seluruh dunia pada masa ini ada kemungkinan bahawa keadaan dan masalah ekonomi antarabangsa akan dapat dipulihkan kepada tahap yang pada masa-masa yang lampau. Adalah benar bahawa bagi dunia untuk pulih semula kepada keadaan yang lama.

Apa yang penting ialah bagi negara-negara maju terutamanya mempunyai kemampuan dan kesanggupan politik untuk melaksanakan dasar-dasar ekonomi yang akan menggalakkan perdagangan antarabangsa secara bebas dan secara adil dan bagi negara Malaysia inilah harapan kita dan juga saya rasa harapan kesemua negara di dunia ini, termasuk terutama sekali negara-negara membangun yang mengharapkan bagi sistem perdagangan antarabangsa dunia ini dipulihkan kepada keadaan yang dahulu untuk membolehkan keadaan kemelesetan dan kemerosotan ekonomi ini diatasi untuk membolehkan perkembangan dan keadaan ekonomi terus berjalan dengan lancar.

Tuan Hassan bin Haji Mohamed: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Apakah Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat memberitahu dalam Dewan ini jumlah puklura peratusan barang-barang daripada Malaysia yang kita eksport ke negara-negara Eropah kalau dibandingkan dengan barangan Malaysia yang dieksport ke negara-negara Timur.

Soalan kedua, oleh sebab jawapan daripada Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian kelmarin tidak begitu jelas, apakah sikap negara-negara Eropah terhadap Malaysia mengenai barangan yang kita eksport ini ada hubungannya dengan sikap Kerajaan Malaysia dalam "Dasar Pandang ke Timur", apakah ini juga merupakan tindak balas daripada pihak negara-negara Eropah?

Dato' Shahrir bin Abdul Samad: Tuan Yang Dipertua, kesatuan Ekonomi Eropah merupakan salah satu rakan dagangan kita yang mustahak, kedua selepas Singapura dan juga negara Jepun.

Untuk menjawab kepada soalan bahagian kedua, pertamanya saya rasa Ahli Yang Berhormat itu kalau tak

jelas pada hari semalam patutlah bertanya lagi soalan tambahan, tetapi jawapannya kalau masih lagi belum jelas ialah tidak.

HASIL MINYAK SARAWAK

4. Dr George Chan Hong Nam minta Menteri Kewangan menyatakan berapakah jumlahnya hasil minyak didapati bagi tahun 1980 dan 1981 daripada negeri Sarawak.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Sabbaruddin Chik): Tuan Yang Dipertua, jawapan kepada pertanyaan ini telah pun beri semasa menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Julau di dalam Dewan yang mulia ini pada 19hb November, 1982. Saya cadangkan kepada Ahli Yang Berhormat supaya merujuk kembali kepada jawapan yang telah diberi itu.

KES-KES PENGADUAN—JUMLAH

5. Tuan Ng Cheng Kuai minta Perdana Menteri menyatakan jumlah kes-kes pengaduan yang diterima pada tahun 1979, 1980, 1981 dan 1982 dan nyatakan apakah tindakan yang akan diambil terhadap ketua pejabat yang tidak membalas pengaduan-pengaduan yang berkenaan dengan berkesan dan memuaskan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dr Goh Cheng Teik): Tuan Yang Dipertua, jumlah kes pengaduan yang diterima oleh Biro Pengaduan Awam pada tahun-tahun 1979, 1980, 1981 dan 1982 ialah seperti berikut:

1979	2,384
1980	2,423
1981	5,308
1982 hingga 30hb September	3,071

Jika ada aduan-aduan yang tidak diterima jawapan dan jika diterima didapati tidak berkesan atau

memuaskan, orang yang berkenaan boleh mengadu kepada Biro Pengaduan Awam untuk tindakan selanjutnya. Aduan-aduan yang diterima oleh Biro akan ditapis dengan teliti sebelum tindakan selanjutnya diambil. Jika didapati butir-butir tidak jelas atau cukup, aduan perlu dirujuk semula kepada pengadu untuk dibekalkan penjelasan olehnya kepada Biro. Tindakan dan jagaan sebegitu juga akan diambil oleh Biro mengenai jawapan-jawapan yang diterima daripada Ketua-ketua Jabatan sebelum ianya diberi kepada pengadu-pengadu, iaitu jika didapati butir-butir tidak jelas atau cukup Ketua-ketua Jabatan perlu dirujuk semula untuk dibekalkan penjelasan dan butir-butir tambahan yang dikehendaki itu. Pada masa-masa kebelakangan, pengadu-pengadu telah berpuas hati dengan jawapan-jawapan yang telah diberikan oleh Biro kepada mereka.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Speaker, dari angka yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi tidak dapat dinafikan bahawa Biro Pengaduan Awam memainkan satu peranan yang penting. Saya suka bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah langkah-langkah yang telah diambil sehingga hari ini tentang menjadikan Biro ini sebagai satu badan yang benar-benar dapat mengatasi masalah ataupun pengaduan yang disampaikan oleh rakyat dan bukan satu agensi yang hanya dapat menerima aduan sahaja?

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang Dipertua, seperti saya katakan tadi apabila menerima aduan daripada seorang pengadu, Biro Pengaduan Awam berhubung dengan Jabatan yang berkenaan dan saya berasa gembira melaporkan bahawa sehingga masa ini kerjasama yang diberi oleh Ketua-ketua Jabatan sangatlah memuaskan.

Sebagai contoh, izinkan saya sebutkan kerjasama yang telah diberi oleh Jabatan Imigresen dan Jabatan Pendaftaran. Biro Pengaduan Awam pada masa yang lalu telah menerima banyak aduan, kemudian pegawai-pegawai Biro berhubung dengan Jabatan-jabatan yang berkenaan berbincang dengan mereka dan kebanyakan syor-syor yang dikemukakan oleh Biro diterima oleh Jabatan-jabatan yang berkenaan.

Mengikut makluman balas yang diterima oleh Biro, nampaknya kecekapan Jabatan Imigresen dan Jabatan Pendaftaran sangatlah memuaskan pada masa ini.

Tuan Yew Foo Weng: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada memberikan bilangan pengaduan. Di antara pengaduan ini apakah perkara yang biasa diadukan oleh pengadu dan apakah tindakan yang biasanya diambil untuk menyasat perkara tersebut.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang Dipertua, aduan-aduan yang diterima pada satu tahun adalah dicategorisedkan mengikut Negeri atau Persekutuan dan sekiranya Persekutuan, adalah mengikut Kementerian-kementerian. Sukalah saya di sini sebutkan, misalnya, pada tahun 1981 4,184 aduan telah diterima berkenaan dengan Kementerian-kementerian Persekutuan dan di antara Kementerian yang telah dapat aduan yang banyak ialah Hal Ehwal Dalam Negeri sebanyak 804; Tenaga, Telekom dan Pos sebanyak 562; Pengangkutan sebanyak 579 dan sebagainya.

Dr Koh Tsu Koon: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Nampaknya Biro Pengaduan Awam ini disambut baik oleh orang awam. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah

prestasi Biro setakat ini dari segi peratusan pengaduan yang telah diselesaikan pada keseluruhannya.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang Dipertua, bagi tahun 1980 peratusan aduan-aduan berkenaan dengan Jabatan Persekutuan yang diselesaikan pada tahun itu ialah 69.2% dan bagi tahun 1981; Persekutuan ialah 55%. Di sini saya ingin menerangkan bahawa pada tahun 1981, pada penghujung tahun itu, bilangan aduan yang diterima naik dengan secara dramatik selepas lawatan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ke Biro dan publisiti yang diberi kepada lawatan itu.

Dato' Lee Kim Sai: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Adakah benar pendapat orang ramai bahawa pengaduan yang dibuat melalui ruangan "Hot Line" dalam suratkhbar-suratkhbar itu lebih berkesan.

Kedua, adakah pengaduan yang dibuat melalui "Hot Line" dalam suratkhbar-suratkhbar itu juga diambil kira dalam akaun banyak kes pengaduan yang diberi perhatian dan diambil tindakan seterusnya?

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang Dipertua, Jabatan Perdana Menteri tidak mengawal "Hot Line", jadi saya tidak dapat membandingkan peratusan kejayaan yang dicapai oleh "Hot Line" itu. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Ulu Selangor, aduan-aduan yang dilaporkan dalam suratkhbar pun diambil perhatian oleh Biro Pengaduan Awam.

Tuan Haji Seroji bin Haji Haron: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Adakah pihak Biro Pengaduan Awam menerima pengaduan yang dibuat dengan secara mulut, terutama sekali bagi mereka yang buta huruf?

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang Dipertua, sekiranya pengadu datang ke Pejabat Biro dan melaporkan secara lisan, laporan itu dicatat dan diambil tindakan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, atas arahan Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Biro Pengaduan Awam telahpun keluar pagar Jabatan Perdana Menteri dan sekarang berkhidmat di Bangunan Waheeda, Jalan Chow Kit, Kuala Lumpur.

Tuan Haji Saidin bin Mat Piah: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menerangkan dari segi prestasinya kes-kes yang dapat diselesaikan oleh Biro Pengaduan Awam ini, kalau tidak salah saya, dalam tahun 1979 sebanyak 69.2% dan dalam tahun 1981 sebanyak 55%. Ini bermakna angkanya telah menurun. Apakah faktor-faktor yang menyebabkan prestasinya semakin tahun semakin menurun.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang Dipertua sekiranya kes tidak diselesaikan pada satu tahun, proses penyelesaian diteruskan pada tahun hadapan. Berkenaan dengan tahun 1981 saya telahpun jawab iaitu pada penghujung tahun 1981 Timbalan Perdana Menteri melawat ke Pejabat Biro dan akibat publisiti yang diberi ke Biro itu, bilangan aduan adalah bertambah dengan secara dramatik. Walau bagaimanapun, kes-kes yang tidak diselesaikan pada 1981 diteruskan untuk penyelesaian tahun ini.

BANK ISLAM — PENUBUHAN

6. Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed minta Menteri Kewangan menyatakan setakat manakah kejayaan yang telah dicapai oleh Kerajaan dalam penubuhan Bank Islam di negara kita dan sejauh manakah penubuhannya akan menjejaskan atau menggalakkan

pertumbuhan ekonomi negara kita serta peluang-peluang penglibatan Bumiputera yang lebih berkesan lagi di dalam dasar ekonomi Bank Islam itu.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Sabbaruddin Chik): Tuan Yang Dipertua, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Rang Undang-undang Bank Islam dan Rang Undang-undang Pelaburan Kerajaan telahpun dibentangkan bagi bacaan kali pertama dan akan dibawa di semua peringkat dalam persidangan Dewan ini untuk membolehkan penubuhan Bank Islam sewajarnya. Bank ini akan dinamakan Bank Islam Malaysia dan dijangka akan memulakan operasinya pada pertengahan tahun 1983. Persiapan awal sedang dibuat untuk menubuhkan Bank ini sebagai sebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, persiapan-persiapan lain seperti menyediakan sistem peraturan, mencari ruang pejabat dan melantik kakitangan sedang dijalankan berperingkat-peringkat dan dijangka selesai sedikit masa lagi. Seorang Pengarah Urusan telahpun dilantik dan beberapa orang pegawai yang lain akan diambil tidak berapa lama lagi. Sementara itu dua orang bakal pegawai Bank kini sedang mengikut satu kursus Diploma di Institut Latihan Bank dan Ekonomi Islam di Cyprus.

Penubuhan Bank Islam di negeri ini tidak akan menjejaskan pertumbuhan ekonomi negara, malah akan menggalakkannya, memandangkan bahawa Bank Islam dijangka akan dapat menarik simpanan-simpanan yang ada pada orang-orang perseorangan yang kini barangkali menyimpan di rumah sahaja. Sejajar dengan itu Bank ini sudah tentu merupakan sebuah Institusi kewangan

yang penting bagi menggalakkan pertumbuhan ekonomi orang-orang Islam.

Tuan Daud bin Dato' Haji Taha: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini di bawah Kementerian manakah Bank Islam ini akan diselenggarakan? Kedua, memandangkan Bank Islam yang akan ditubuhkan ini sebagai satu ujian kepada kejayaan Bank Islam dan akan menentukan maruah orang-orang Islam sendiri, apakah langkah-langkah Kerajaan untuk menentukan supaya tiada sabotaj kepada Bank Islam ini dan menentukan supaya Bank ini akan berjaya supaya maruah Islam dan maruah orang-orang Islam tidak terjejas.

Tuan Sabbaruddin Chik: Tuan Yang Dipertua, Bank Islam seperti juga dengan lain-lain Bank adalah di bawah kawalan Kementerian Kewangan.

Berkenaan dengan soalan kedua, berkaitan dengan sabotaj dan sebagainya, saya rasa adalah lebih baik saya tidak menjawab soalan ini, kerana Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan akan membentangkan Rang Undang-undang untuk bacaan pada kali kedua dan kalau saya menyatakan di sini nanti barangkali tidak baik dan agak sukar beliau hendak membentangkan nanti.

Tuan Khadri bin Sabran: Soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai bentuk operasi Bank Islam yang akan ditubuhkan itu. Adakah ianya berbentuk baru mengikut lunas-lunas Islam yang sebenarnya seperti tidak membenarkan amalan-amalan riba di dalamnya seperti yang terdapat di setengah-setengah negeri di Timur Tengah ataupun berbentuk Bank

Islam yang terdapat di Pakistan di mana pada awal operasinya mengamalkan dua dasar iaitu dasar Islam tulen, dan satu dasar yang membolehkan interest di dalamnya, di mana kemudian Bank Islam di Pakistan ini secara perlahan-lahan menuju ke arah dasar Islam tulen.

Tuan Yang Dipertua: Saya fikir elok kita baca Undang-undang ataupun Bil Bank Islam yang akan dibentangkan itu, kita tahu semua jawapannya ada di situ.

Dr Koh Tsu Koon: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri yang berkenaan sama ada orang bukan Islam juga akan diambil sebagai pekerja atau pegawai bagi Bank Islam?

Tuan Sabbaruddin Chik: Tuan Yang Dipertua, Bank Islam yang akan ditubuhkan nanti hanya dari segi perjalanan bank. Kalau orang bukan Islam hendak bekerja dengan bank ini—tak ada hal, tidak semestinya masuk Islam dahulu, tetapi kalau dia masuk Islam pun tidak apa. (*Ketawa*).

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang Dipertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah benar Bank Islam merupakan bank perdagangan yang penyimpanannya merupakan pemegang saham dan keuntungan ataupun kerugian dibahagi mengikut saham pelaburan Si Penyimpan. Sekiranya benar, bagaimana pula pemberian pinjaman oleh Bank Islam ini kepada pelanggannya?

Tuan Yang Dipertua: Saya fikir lebih baik kita tunggu masa kita membahaskan Bil Bank Islam ini. Saya fikir masa itu kita ada masa yang banyak.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang Dipertua, saya ada satu soalan lagi yang berkait dengan itu, saya akan teruskan. Sekiranya benar bagaimanakah pemberian pinjaman balik Bank Islam ini kepada pelanggannya? Adakah mengikut pembahagian keuntungan ataupun kerugian sebagaimana yang tersebut itu, dan adakah dasar seperti ini juga dijalankan di semua bank-bank di Saudi Arabia dan di negara-negara Islam yang lain?

Tuan Yang Dipertua: Saya fikir kita tunggu masa membahaskan bil yang tersebut. Di dalam masa itu Yang Berhormat-Yang Berhormat akan diberi masa yang banyak untuk membahaskannya.

MAHKAMAH TINGGI/DAERAH DI SARAWAK—PERBICARAAN

7. **Datuk Edwin anak Tangkun** minta Perdana Menteri menyatakan mengapakah masih banyak kes-kes yang menunggu perbicaraan di Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rendah di Sarawak di mana surat-surat saman telah terdapat di fail hampir dua dan tiga tahun dan apakah tindakan telah diambil untuk mempercepatkan perbicaraan kes-kes ini.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Haji Mohamed Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin): Tuan Yang Dipertua, untuk mengetahui kenapa sesuatu kes itu mengambil masa untuk dibicarakan di Mahkamah Tinggi di Sarawak pada satu ketika dahulu, perlulah ditinjau asas sistem perundangan yang berlaku di Sarawak sebelum 1hb Jun, 1981. Sebelum 1hb Jun, 1981 semua kes yang dibicarakan sama ada di Mahkamah Tinggi atau di Mahkamah Daerah (District Court) adalah bergantung kepada kes berkenaan. Dalam kes sivil semua tuntutan yang melebihi \$3,000 adalah dibicarakan di

Mahkamah Tinggi oleh kerana Mahkamah Daerah mempunyai bidang kuasa untuk membicarakan tuntutan sehingga \$3,000 sahaja. Di dalam kes-kes jenayah pula, kesalahan-kesalahan yang berat adalah dibicarakan oleh Mahkamah Tinggi setelah dijalankan penyiasatan awal oleh Majistret. Oleh hal yang demikian Mahkamah Tinggi di Sarawak ketika itu telah menghadapi bebanan tanggungan kerja yang berat.

Untuk mengatasi bilangan kes-kes yang terbelakangan di Mahkamah Tinggi di Sarawak, Kerajaan telah memperluaskan bidang kuasa Akta Mahkamah-Mahkamah Rendah (Subordinate Courts Act) 1948 ke Sarawak dengan berjalan kuatkuasa mulai pada 1hb Jun, 1981. Di bawah Akta ini Mahkamah-mahkamah Sesyen boleh ditubuhkan di semua ibu daerah di Sarawak dan empat orang Yang Dipertua Mahkamah Sesyen telahpun dilantik dan dipusatkan di Kuching, Sibul, Miri dan Sri Aman. Yang Dipertua-Yang Dipertua Mahkamah Sesyen itu mempunyai bidang kuasa untuk membicarakan tuntutan-tuntutan sivil sehingga \$25,000 dan membicarakan semua kes jenayah selain daripada kesalahan yang boleh dihukum mati.

Dengan keadaan yang sedemikian, semenjak 1hb Jun, 1981, tuntutan sivil yang bernilai sehingga \$25,000 tidak lagi dimasukkan di Mahkamah Tinggi dan dengan sebab itu bilangan kes sivil dan jenayah yang dimasukkan ke Mahkamah Tinggi telah berkurangan. Keadaan ini telah membolehkan Mahkamah Tinggi menyelesaikan kes-kes yang terbelakangan itu. Dengan tertubuhnya Mahkamah Sesyen di Sarawak maka keadaan pra-1981 telah tidak berlaku lagi. Contohnya terdapat hanya 15 kes jenayah yang masih menunggu perbicaraan di Mahkamah Tinggi dan di Mahkamah Sesyen pula tiada lagi kes sivil yang

terpaksa menunggu perbicaraan sehingga lebih daripada dua tahun.

Datuk Leonard Linggi anak Jugah: Soalan tambahan. Saya ingin bertanya dari Timbalan Menteri berkenaan sama ada Kerajaan ada cadangan untuk melantik Hakim-hakim baru di Sarawak untuk mengatasi masalah ini?

Dato' Haji Mohamed Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin: Tuan Yang Dipertua, sepertimana yang telah saya nyatakan tadi perkara ini tidak lagi menjadi masalah, maka soal yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat itu tidak timbul.

SISTEM PERAKAUNAN KEWANGAN

8. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Kewangan menyatakan apakah langkah yang telah diambil oleh Kementeriannya untuk memperkemaskan sistem perakaunan kewangan semua Jabatan Kerajaan supaya kawalan dan pengurusan kewangan rakyat menjadi lebih berkesan.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Dr Ling Liong Sik): Tuan Yang Dipertua, Kerajaan memang sentiasa mengambil langkah untuk memperkemaskan lagi sistem perakaunan kewangannya dari semasa ke semasa. Satu daripada langkah penting yang sedang diambil ialah untuk mengemaskinikan manual aturcara perakaunan. Selain daripada itu, langkah-langkah juga diambil untuk memperkemaskan lagi pelaksanaan dan pengawasan sistem tersebut di semua peringkat supaya kawalan dan pengurusan kewangan negara menjadi lebih berkesan.

Antara langkah-langkah tersebut termasuklah:

- (a) meningkatkan lagi program latihan di bidang kewangan dan perakaunan supaya semua peringkat kakitangan disemai dengan pengetahuan dan teknik-teknik pengurusan perakaunan awam;
- (b) meluaskan lagi penubuhan "Unit Audit Dalam" bagi meliputi lebih banyak agensi Kerajaan bagi tujuan memperkemaskan "Sistem Kawalan Dalam" agensi Kerajaan;
- (c) mengadakan beberapa siri seminar, dailog dan perbincangan untuk menyedarkan pegawai-pegawai peranan secara langsung dan berkesan dalam pengurusan perakaunan;
- (d) meluaskan peluang-peluang kemajuan kerjaya dalam perkhidmatan perakaunan supaya lebih ramai lagi akauntan memasuki perkhidmatan Kerajaan; dan
- (e) mempertingkatkan lagi sistem perakaunan berkomputer untuk memperkemaskan kawalan perakaunan dan mempercepatkan proses mengumpul dan menganalisa data perakaunan.

Tuan Yew Foo Weng: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Menurut laporan dari Timbalan Menteri Kewangan beliau akan memperkemaskan sistem perakaunan kewangan bagi semua jabatan Kerajaan dan agensi di bawah kawalan Kerajaan. Saya ada di sini laporan yang terlambat sekali dari satu Perbadanan dan nampaknya semua ini ada perbelanjaan yang tinggi sekali kerana kertas yang digunakan adalah mahal. Apakah langkah yang diadakan oleh pihak Kementerian

Kewangan untuk menjimatkan dan memperkemaskan segala aktiviti berkaitan dengan laporan tahunan akaun?

Dato' Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang Dipertua, bolehkah saya tahu apa laporan itu.

Tuan Yew Foo Weng: Misalnya dengan izin, Laporan KEJORA, KESEDAR, Lembaga-lembaga Kemajuan; itu untuk misalnya sahaja.

Dato' Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang Dipertua, saya tidak berapa faham apa maksud soalan itu.

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat bertanya adakah kertas itu digunakan kertas-kertas mahal.

Tuan Yew Foo Weng: Tuan Yang Dipertua, soalan saya ialah di antara langkah untuk berjimat cermat juga berkenaan laporan ini yang ada memperkemaskan sistem adakah langkah untuk berjimat cermat juga berkenaan laporan ini, yang ada perbelanjaan yang tinggi sekali. Apa langkah akan diambil untuk menjimat misalnya mengambil cara yang boleh mengurangkan perbelanjaan?

Tuan Yang Dipertua: Untuk menjimat cermat adakah langkah-langkah diambil.

Dato' Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang Dipertua, itu adalah soalan lain oleh kerana kerja perakaunan tidak memasuki jimat cermat itu. Dan penjimatan itu saya percaya terpulanglah kepada badan-badan yang berkenaan.

SEKOLAH MENENGAH SAINS BUKIT MERTAJAM— BILANGAN LULUSAN SPM

9. Tuan Seow Hun Khim minta Menteri Pelajaran menyatakan bilangan murid-murid mengikut kaum yang telah lulus Peperiksaan SPM di Sekolah Menengah Sains Bukit

Mertajam pada tahun 1981 dan apakah sebab-sebab munasabah tidak ada seseorang pun murid keturunan Cina telah dipilih untuk melanjutkan pelajaran ke kelas "Matrikulasi" di sekolah itu bagi tahun 1982.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dr Tan Tiong Hong): Tuan Yang Dipertua, bilangan pelajar-pelajar Sekolah Menengah Sains Pulau Pinang, Bukit Mertajam yang lulus Sijil Pelajaran Malaysia mengikut kaum ialah:

Melayu	105 orang
Cina	7 orang
India	1 orang
JUMLAH ..	<u>113 orang</u>

Adalah tidak benar kenyataan yang mengatakan tidak ada seorangpun pelajar keturunan Cina ditawarkan ke Kelas Matrikulasi. Terdapat 5 orang pelajar bukan Bumiputera termasuk pelajar Cina dari sekolah itu telah dipilih ke Kelas Matrikulasi. Penempatan mereka ialah seorang di Sekolah Menengah Sains Kedah, Sungai Petani, 2 orang di Sekolah Menengah Sains Pulau Pinang, Bukit Mertajam dan seorang di Sekolah Tunku Abdul Rahman, Ipoh. Seorang pelajar yang ditawarkan ke Sekolah Tuanku Abdul Rahman, Ipoh telah tidak melaporkan diri.

PERKHIDMATAN BOMBA DI SARAWAK

10. Tuan Richard Dampeng anak Laki minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan apakah langkah-langkah yang Kerajaan telah ambil untuk memperbaiki keadaan perkhidmatan bomba di Sarawak, khususnya di Binatang dan Sarikei dan lain-lain bandar kecil, dan bilakah kereta-kereta bomba yang baru akan dibekalkan untuk Binatang dan Sarikei, memandangkan suatu kebakaran yang besar telah berlaku di

Binatang baru-baru ini yang mengakibatkan kehilangan harta-benda yang bernilai berjuta-juta ringgit?

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Puan Napsiah binti Omar): Tuan Yang Dipertua, sebenarnya saya pernah menyatakan di dalam Dewan yang mulia ini tentang langkah-langkah yang Kerajaan akan ambil dan langkah-langkah yang telah dilaksanakan untuk memperbaiki prestasi perkhidmatan bomba di Sarawak. Walau bagaimanapun, saya ingin menambah iaitu sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia ketahui bahawa Perkhidmatan Bomba Sarawak dahulunya ditadbirkan oleh Penguasa-penguasa dan Majlis-majlis Tempatan Negeri tersebut dan telah diambilalih dan ditadbirkan secara fizikal oleh Kerajaan Persekutuan mulai 1hb Januari, 1982. Kerajaan pada masa itu memang sedar tentang keadaan Perkhidmatan Bomba di Sarawak. Oleh kerana itu satu kajian telah pun dibuat untuk mempertingkatkan lagi prestasi perkhidmatan Bomba di Sarawak.

Di antara langkah-langkah yang perlu dilaksanakan dengan segera untuk memperbaiki keadaan perkhidmatan itu adalah seperti berikut:

- (1) Menubuhkan Ibu Pejabat Perkhidmatan Bomba Cawangan Negeri Sarawak untuk mentadbir Perkhidmatan Bomba di seluruh Sarawak.
- (2) Melatih anggota-anggota bomba yang lama yang dipercayai tidak mendapat latihan kebombaannya secukupnya pada masa-masa yang lampau.
- (3) Mewujudkan jawatan-jawatan tambahan selaras dengan formula yang digunakan di Semenanjung Malaysia.

- (4) Menambah alat-alat kelengkapan kebombaian dan jentera-jentera bomba.

Setakat ini tindakan menubuhkan Ibu Pejabat Cawangan Negeri Sarawak telah dilaksanakan manakala tindakan melatih anggota-anggota bomba yang tidak pernah mendapat latihan kebombaian dahulu sedang dikendalikan di Kuching, Sarawak. Berkaitan dengan mewujudkan jawatan-jawatan tambahan tidaklah dapat dilaksanakan sekarang oleh kerana dasar berjimat cermat yang diputuskan oleh Kerajaan sekarang. Berhubung dengan tambahan alat-alat kelengkapan kebombaian dan jentera-jentera bomba pula, ianya sedang diuruskan dengan Perbendaharaan dan apakala pembekalannya diterima kelak jentera-jentera bomba tersebut akan ditempatkan di tempat-tempat yang mendesak seperti Binatang dan Sarikei.

BEKALAN ELEKTRIK LUAR BANDAR DI SARAWAK

11. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Pembangunan Negara dan luar bandar menyatakan sama ada wang gaji anggaran yang diserahkan dalam tahun 1981 telah diberikan kepada Perbadanan Perbekalan Letrik Sarawak bagi perlaksanaan projek pembekalan letrik ke luar bandar; jika ya, berikan butir-butirnya, jika tidak mengapa.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad): Tuan Yang Dipertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 1981 Kerajaan Negeri Sarawak telah diperuntukkan sebanyak \$12 juta untuk melaksanakan program bekalan elektrik luar bandar. Peruntukan tersebut disalurkan melalui Perbadanan Pembekalan Elektrik Sarawak. Sungguhpun begitu

Perbadanan tersebut telah dapat melaksanakan 92 projek dalam tahun 1981 dengan perbelanjaan sebanyak \$19,704,480. Bayaran yang telah dibuat dengan Perbadanan Pembekalan Elektrik Sarawak oleh Kerajaan Pusat ialah sebanyak \$11,999,830 dalam tahun 1981 dan bakinya sebanyak \$7,704,650 telah dijelaskán pada tahun ini.

PERUNTUKAN KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN

12. Tuan Thomas Salang Siden minta Menteri Kewangan menyatakan peratus peruntukan Kumpulan wang Pembangunan negara yang dipotong akibat kemerosotan ekonomi dunia dan sama ada beliau akan mengkaji semula pemotongan ini apabila keadaan ekonomi negara pulih semula.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato Dr Ling Liong Sik): Tuan Yang Dipertua, Kerajaan telah mengurangkan peruntukan asal Anggaran Pembangunan 1982 yang berjumlah \$14,632 juta itu kepada \$12,881 juta. Jumlah pengurangan itu merupakan kira-kira 12% daripada jumlah anggaran asal. Kerajaan tidak bercadang untuk mengkaji semula peruntukan tersebut oleh kerana tidak ada tanda-tanda yang menunjukkan ekonomi negara akan pulih menjelang akhir tahun ini. Walau bagaimanapun, Kerajaan akan mengkaji semula peruntukan Anggaran Pembangunan Tahun 1983 jika didapati perlu, setelah mengambilkira keadaan ekonomi negara pada ketika itu.

AKTA KERJA 1955—PERLUASAN KE SABAH/SARAWAK

13. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan sebab-sebab Ordinan Pekerjaan 1955 tidak dijalankan di Sabah dan Sarawak seperti yang di

jadualkan pada 1-7-1982 dan bilakah Ordinan tersebut akan dijalankan di Sabah dan Sarawak supaya pekerja-pekerja kedua negeri tersebut dapat menikmati faedah yang sama sepertimana rakan-rakan mereka di Semenanjung Malaysia.

Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Datuk William Lye Chee Hien): Tuan Yang Dipertua, kajian mengenai ubahsuaian-ubahsuaian kepada Akta Kerja 1955 perlu dibuat dengan teliti dengan mengambilkira peruntukan-peruntukan khas yang terdapat dalam Ordinan Buruh Sabah dan Ordinan Buruh Sarawak sebelum Akta itu diperluaskan ke Sabah dan Sarawak. Kerajaan juga perlu membincangkan perkara ini dengan pihak-pihak yang berkenaan. Kajian ini masih dijalankan. Dan oleh itu Akta Kerja 1955 tidak dapat diperluaskan kedua-dua negeri itu mulai 1hb Julai, 1982 ini seperti yang dicadangkan. Tarikh baharu akan ditetapkan kemudian apabila kajian ini selesai kelak.

MENTERI/PEGAWAI ATASAN KERAJAAN—PENGISYTIHARAN HARTA

14. Tuan Karpal Singh minta Perdana Menteri menyatakan apakah sebabnya Menteri-menteri dan Pegawai Kerajaan atasan tidak perlu mengisytiharkan harta-benda mereka.

Menteri di Jabatan Menteri Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang Dipertua, adalah tidak benar dakwaan Ahli Yang Berhormat dari Jelutong bahawa Menteri-menteri dan Pegawai-pegawai atasan tidak mengisytiharkan harta mereka.

Dr Tan Seng Giaw: Soalan tambahan. Jikalau itu tidak benar, adakah pengisytiharan ini diumumkan kepada pihak khalayak ramai supaya di Dewan ini kita dapat menyaksikan.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang Dipertua, tidak perlu bahawasanya pengisytiharan harta itu diumumkan untuk pengetahuan ramai.

PERUNTUKAN PEMBANGUNAN SARAWAK

15. Tuan Ling Sie Ming minta Menteri Kewangan menyatakan berapa jumlah perbelanjaan pembangunan (Development Fund) yang diperuntukkan bagi negeri Sarawak yang telah dipotong kerana kemelesetan ekonomi.

Datuk Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang Dipertua, apabila Kerajaan mengkaji semula Anggaran Perbelanjaan 1982 baru-baru ini, Kerajaan tidak mengurangkan peruntukan bagi negeri Sarawak. Sebaliknya, peruntukan asal bagi negeri tersebut telah ditambah dari \$841.9 juta kepada \$925.7 juta iaitu tambahan sebanyak \$83.8 juta.

PADERI-PADERI ASING DI MALAYSIA

16. Tuan Chan Kok Kit minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada benar Kementerianya telah menetapkan bahawa paderi-paderi katolik asing hanya boleh berada di Malaysia selama 10 tahun sahaja; jika ya nyatakan sama ada beliau bersedia mengulangkaji ketetapan itu kerana para penganut agama katolik kini menghadapi kekurangan paderi-paderi dan juga kerana masa yang diambil untuk melatih seorang paderi tempatan mengambil masa yang panjang iaitu di antara 8 hingga 14 tahun.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed): Tuan Yang Dipertua, Kerajaan tidak bercadang untuk meminda dasar kemasukan paderi

asing ke negara ini kerana Kerajaan berpendapat tempoh masa yang dibenarkan itu adalah mencukupi untuk melatih warganegara Malaysia bagi mengambilalih jawatan tersebut.

Tuan Haji Dasuki bin Haji Ahmad: Tuan Yang Dipertua, saya ingin tahu apakah keistimewaannya paderi-paderi berbanding dengan orang lain di mana mereka dibenarkan tinggal sampai 10 tahun sedangkan dia warganegara (rakyat) asing.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang Dipertua, tujuan kita membenarkan mereka datang ke sini ialah untuk memberi peluang kepada mereka melatih penganut-penganut Kristian tempatan untuk menggantikan mereka satu hari nanti.

PROJEK DAYABUMI— PEMBINAAN

17. **Dato' Lee Kim Sai** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan bilakah pembinaan Dayabumi siap, apakah kadar pembahagiannya di dalam kedai-kedai dan ruangan pejabat untuk berbagai kaum.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam (Tuan Hussein bin Mahmud): Tuan Yang Dipertua, tarikh pembinaan Dayabumi siap ialah pada 13-4-84 dan setakat ini pembinaannya telah sampai tingkat ketiga bagi pembinaan podium dan kemajuan kerja-kerja adalah 38 hari lebih awal daripada jadual. Bagi pembinaan blok menara pula, kemajuan-kemajuan kerja adalah 23 hari lebih awal daripada jadual dan telah siap hingga ke tingkat 15. Setakat masa ini pihak UDA masih sedang mengkaji pembahagian-pembahagian ruang niaga dan ruang pejabat di dalam Kompleks tersebut dan belum lagi mencapai perangkaan-perangkaan yang muktamad mengenainya. Walau bagaimanapun, pembahagian-pembahagian kedai dan

ruang pejabat di tempat tersebut akan berpandukan kepada pembahagian yang mencerminkan Dasar Kerajaan pada masa ini.

Tuan Yang Dipertua: Masa sudah cukup, saya tidak benarkan soalan tambahan.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARI-PADA PERATURAN MESYUARAT

Timbalan Menteri Penerangan (Dato' Chan Siang Sun): Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga jam 7.00 malam ini.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga jam 7.00 malam ini.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG PERBADANAN PEMBEKALAN LETRIK SARAWAK

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi membuat peruntukan mengenai penubuhan Perbadanan Pembekalan Letrik Sarawak, mengenai fungsi-fungsi Perbadanan dan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dan bersampingan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Tenaga, Telekom dan Pos; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG
LEMBAGA
LETRIK SABAH**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi membuat peruntukan mengenai penubuhan suatu lembaga yang dikenali sebagai Lembaga Letrik Sabah dan mengenai perjalanan dan pelaksanaan oleh Lembaga akan fungsi-fungsi berhubung dengan bekalan letrik dan lain-lain perkara tertentu dan bagi maksud yang berkaitan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Tenaga, Telekom dan Pos; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG
JUMAAH PEMERIKSA
ELEKTRIK**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi membuat peruntukan mengenai pengawalan loji, pemasangan dan kelengkapan elektrik mengenai perkara-perkara berhubung dengan keselamatan orang dan bagi maksud-maksud yang berkaitan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Tenaga, Telekom dan Pos; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG KANUN
KESIKSAAN DAN KANUN
PROSEDUR JENAYAH
(PINDAAN)**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Kanun Kesiksaan dan Kanun Prosedur Jenayah; dibawa dalam Mesyuarat oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG
UNIVERSITI DAN KOLEJ
UNIVERSITI (PINDAAN)**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Universiti dan Kolej Universiti 1971; di bawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG

**RANG UNDANG-UNDANG
PERBEKALAN, 1983**

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1983

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan, 1983 dan Anggaran Pembangunan, 1983 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis." (Hari Kesebelas).

*Majlis bersidang dalam
Jawatankuasa.*

*(Tuan Yang Dipertua mem-
pengerusikan Jawatankuasa)*

Maksud B. 35 (Jadual)—

*Maksud P. 35 (Anggaran
Pembangunan, 1983)—*

Tuan Pengerusi: Saya menjemput Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda.

3.40 ptg.

Tuan Haji Hashim bin Haji Endut (Ulu Muda): Tuan Pengerusi, terima kasih. Sepertimana saya katakan semalam saya ucapkan terima kasih kepada Kementerian kerana di tempat saya semenjak wujudnya Rancangan

Bekalan Air di Kampung-kampung (Mini Hydro Water Supply), tidak adalah penyakit cirit-birit - diarrhoea tidak ada. Saya ucap terima kasih.

Saya ingin merujuk kepada muka surat 355, Butiran 1100, Program (1) Pentadbiran, Program (2) Perkhidmatan Kesihatan, Program (3) Perkhidmatan Rawatan Perubatan, Program (5) Perancangan Tenaga Manusia dan akhirnya Program (6) Farmasi dan Bekalan.

Tuan Pengerusi, Kementerian Kesihatan adalah satu Kementerian yang begitu penting sekali kepada rakyat khususnya rakyat di kawasan pendalaman. Banyak orang menyangka Pembantu-pembantu Hospital adalah doktor kepada mereka. Oleh yang demikian, saya ingin bercakap sedikit sebanyak berkenaan dengan Pembantu Hospital dalam Majlis ini. Saya agak perlu sangat bagi Kementerian menukarkan nama Pembantu Hospital kepada satu nama baru yang lebih sesuai.

Saya suka membawa kembali ingatan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian kepada sidang Parlimen dalam tahun 1977 yang mana Parlimen meluluskan dengan sebulat suara Akta 180, Akta Pembantu Hospital (Pendaftaran) 1977. Dalam sidang Parlimen tersebut ramai daripada Ahli-ahli Yang Berhormat telah menyuarakan supaya nama jawatan Pembantu Hospital itu diubah atau ditukar dengan satu nama yang lebih sesuai lagi dan yang benar-benar dapat mencerminkan tugas kerja dan peranan yang dimainkan oleh Pembantu Hospital, satu jenis pekerjaan yang sangat unik di tanahair kita ini.

Ada di antara Ahli-ahli Yang Berhormat telah mengesyorkan iaitu sekiranya Kementerian Kesihatan sendiri tidak berupaya untuk menggantikan nama Pembantu Hospital itu dengan satu nama yang

benar-benar sesuai maka pihak Kementerian Kesihatan bolehlah mendapatkan bantuan atau nasihat daripada Dewan Bahasa dan Pustaka dalam perkara ini. Tetapi apa yang mendukacitakan ialah 5 tahun sudah berlalu perkara ini mesih belum dapat diselesaikan oleh Kementerian Kesihatan. Saya berharap Kementerian Kesihatan dapat menyelesaikan masalah ini dengan segera yang boleh dan tidak mesti menunggu bertahun-tahun lagi untuk menyelesaikannya.

Tuan Pengerusi, peranan yang dimainkan oleh Pembantu Hospital adalah penting. Kita semua mengetahui hakikat yang sebenarnya bahawa Pembantu Hospital adalah diarah menjalankan tugas sebagai pengganti doktor ataupun, dengan izin, Doctor-Substitute atau Pembantu Doktor ataupun Doctor's Assistant. Ini dapat dibuat khususnya di kawasan luar bandar kerana di Pusat-pusat Kesihatan Kecil dikendalikan oleh Pembantu Hospital setiap hari dan Pegawai Perubatan (doktor) melawat dan mengulangi pesakit-pesakit di Pusat-pusat Kesihatan tersebut hanya sehari sahaja dalam seminggu. Ini disebabkan Kementerian Kesihatan kekurangan doktor maka peranan yang dimainkan oleh Hospital Assistant itu sebagai seorang doktor. Ini bermakna kesihatan rakyat di kawasan-kawasan yang berkenaan itu adalah diletak di tangan dan juga kepada kebijaksanaan Pembantu Hospital. Ini bererti negara mengiktiraf akan kebolehan dan keupayaan setiap Pembantu Hospital. Dari itu janganlah Kementerian Kesihatan mensifatkan Pembantu Hospital ini sebagai akar di mana tidak ada rotan maka akar poun berguna.

Apa yang sungguh mendukacitakan ialah gaji yang diberikan kepada Pembantu Hospital itu adalah sungguh tidak seimbang dengan peranan yang dimainkan dan tugas yang dijalankan.

Memandangkan kepada kebolehan Pembantu Hospital ini maka ianya mestilah diberikan satu skim gaji yang berasingan dan lebih tinggi daripada lain-lain para-medic. Saya harap rayuan saya ini akan dipertimbangkan oleh Kerajaan khususnya Kementerian Kesihatan.

Tuan Pengerusi, mereka ini perlu kepada meningkatkan taraf Sekolah Latihan Pembantu Hospital kepada taraf maktab. Pada hari ini ada sebuah sekolah di Seremban tetapi itu adalah sekolah, bukannya maktab ataupun kolej. Saya seringkali terbaca di akhbar-akhbar tempatan bahawa Pembantu Hospital menuntut supaya taraf Sekolah Latihan Pembantu Hospital yang tunggal di Seremban itu dinaikkan kepada taraf maktab ataupun kolej. Sebagaimana saya nyatakan sebentar tadi bahawa Kerajaan sentiasa menghendaki Pembantu Hospital itu menjalankan perannya sebagai Doctor-substitute ataupun Doctor's Assistant. Ini ialah kerana kita semua mengetahui bahawa bilangan doktor di negara ini telah tidak akan mencukupi walaupun 20 tahun lagi.

Walaupun bilangan doktor akan bertambah dari masa ke semasa, tetapi tambahan bilangan rakyat akan menjadi berlipat ganda pula. Justru itu maka tenaga Pembantu Hospital sentiasa diperlukan dalam apa keadaan sekalipun.

Kita semua mengetahui dan mengakui bahawa bidang perubatan dan rawatan pesakit adalah sentiasa meningkat maju dari masa ke semasa bersaing dengan kemajuan sains dan teknologi. Dengan ini peningkatan ilmu dalam bidang ini mestilah juga ditingkatkan dan diajar kepada Pembantu-pembantu Hospital sebab peranan yang dijalankan oleh Pembantu-pembantu Hospital adalah sungguh berkesan terhadap kesihatan rakyat sebagai pengganti ataupun pembantu doktor. Dari itu sudahlah

sampai masanya Sekolah Latihan Pembantu Hospital itu dinaikkan kepada taraf maktab ataupun kolej demi menjamin supaya rakyat sekalian mendapat faedah besar darinya melalui ilmu pengetahuan yang diberikan kepada Pembantu-pembantu Hospital sekalian.

Saya dapat tahu juga Kementerian memang menggalakkan Pembantu-pembantu Hospital pergi ke universiti tetapi oleh kerana kekurangan doktor maka sukarlah bagi mereka itu hendak ke iuniversiti, cuma kita meninggikan taraf sekolah di Seremban itu kepada maktab supaya pelajaran boleh kita beri kepada mereka lagi.

Mungkin juga Kementerian anggap bahawa masyarakat tidak setuju tetapi untuk pengetahuan Kementerian, di tempat saya memanglah tidak ada doktor pada hari ini, ada Pembantu Hospital. Kepada mereka semuanya dianggap Pembantu Hospital itu sebagai doktor kerana mereka menjalankan tugas yang dijalankan oleh doktor.

Tuan Pengerusi, saya setuju dengan pendapat yang disuarakan oleh wakil dari Arau semalam banyak orang sangka bahawa doktor-doktor terpaksa berhenti kerana tidak cukup gaji. Ini tidaklah sebegitu rupa. Yang sebenarnya mereka ini tidak dapat pengiktirafan ataupun layanan sewajarnya daripada pihak Kerajaan maka sebab itulah mereka keluar kerana boleh dikatakan, dengan izin, "frust", maka terpaksa mereka bertungkus-lumus mencari makan sebagai doktor private.

Yang sebenarnya doktor-doktor dan Pembantu-pembantu Hospital ini boleh dikatakan kerja 24 jam, dengan izin, round-the-clock-work. Ini adalah satu tugas yang penting dan mustahak, maka saya merayulah di masa-masa akan datang pihak Kementerian ini perlulah diberi peruntukan bertambah lagi kerana dengan peruntukan yang

diminta itu begitu sedikit pada pandangan saya kerana rakyat maklumlah, menghadapi banyak masalah dari segi kesihatan sekarang.

Tuan Pengerusi, kesihatan rakyat terancam sekarang. Di Malaysia hari ini kita menghadapi masalah kesihatan yang sedang mengancam di seluruh dunia. Di kalangan pemimpin-pemimpin negara, jabatan-jabatan Kerajaan dan orang-orang yang berada sedang mengidapi penyakit jantung., darah tinggi dan kencing manis dan lain-lain lagi. Ini adalah penyakit moden. Ini mejadi beban seperti mana yang kita dapati Deggi baru-baru ini, banyak penyakit-penyakit baru telah timbul. Di kalangan belia/beliawanis diserang penyakit penyalahgunaan dadah, mereka di antara umur 15-30 tahun. Sejumlah besar dari angka sebanyak 400,000 orang penagih dadah di antaranya 8,000 orang wanita telah terlibat dengan ancaman ini dan sangat membimbangkan akibat penyakit mesyarakat dan ancaman keselamatan kepada seluruh negara. Ini juga jadi tanggungjawab Kementerian Kesihatan atas bahaya penyakit dadah ini.

Di kalangan anak-anak kecil ancaman sakit jantung berlubang sedang berlaku yang telah mengakibatkan 10-13 kanak-kanak telah meninggal dunia. Ini juga jenis penyakit baru.

Di kalangan kaum wanita pula ancaman penyakit barah, sakit kepala, sendi-sendi, anak-anak yang dilahirkan dengan penyakit kuning dan lain-lain lagi. Inilah penyakit-penyakit yang ada kaitan dengan kehidupan moden.

Kesihatan kita sebahagian besarnya adalah ditentukan oleh cara hidup yang moden seperti tidur, makan dan bekerja. Cara hidup yang modenlah yang membuat seseorang itu

merasakan dirinya tidak sempurna, dirinya tidak mencapai taraf hidup yang moden hingga melupakan hidup makan minum secara tradisional. Tarikan hidup yang moden juga telah membuatkan dan menentukan cara orang itu makanan yang diambil, bagaimana ia menghabiskan waktu lapang dan cara ia bergaul sehari-harian. Dengan itu kita dapati mereka yang mengidap penyakit-penyakit moden selalunya terdiri dari golongan elite dan mereka yang memegang jawatan yang tinggi di pejabat-pejabat, terutama sekali di bilik hawa dingin. Dari kita Ahli-ahli Yang Berhormat di sini tidak berkecuali dari jenis penyakit-penyakit seperti mana yang dikatakan oleh doktor di Parlimen ini, banyak Ahli-ahli Parlimen mengidap penyakit darah tinggi.

Orang-orang kampung bertungkus-lumus dengan kerja harian mereka, sentiasa makan ulam, makan lauk yang sehabis senang, daun kayu tetapi jarang benar kita dengar diserang penyakit lemah jantung, darah tinggi dan sebagainya kerana mereka adalah rajin bertugas ataupun exercise lebih.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyatakan mereka kurang bersenam, tidak berpeluh dan menelan pil-pil bila rasa sakit tanpa menyedari yang pil-pil tersebut mengandungi bahan kimia berbahaya. Bahan kimia itu boleh mendatangkan mudarat kepada kesihatan kita. Ini kita minta Kementerian Kesihatan dan pihak yang berkenaan tolong menyiasat ubat-ubat dan makanan yang menjadi bahaya atau tidak. Cara hidup moden amat mempengaruhi kesihatan manusia sekarang.

Kita lihat di negara-negara dunia ketiga sudah menjadi tempat longgokan berbagai jenis makanan, umpamanya, minuman ringan dalam botol, tin-tin yang mengandungi sejenis kimia (acid). Makanan-makanan dalam tin, jeruk-jeruk dan

lain-lain lagi. Makanan-makanan ini dihasilkan oleh perbadanan antarabangsa sebagai makanan-makanan yang moden dan harus diambil oleh semua pengguna. Makanan siap ini bukan sahaja didapati di pasaran-pasaran dan di bandar-bandar tetapi ia juga mudah didapati di kedai-kedai di kawasan luar bandar. Ini membuat orang-orang kampung juga mengambil makanan siap dan tidak lagi menyediakan makanan sendiri.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Tuan Haji Hashim bin Haji Endut: Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Wakil dari Mukah.

3.54 ptg.

Tuan Leo Michael Toyad (Mukah): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menyokong peruntukan Maksud B. 35 dan Maksud P. 35 di bawah Kementerian Kesihatan.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh program perkhidmatan Kesihatan Am dan Perkhidmatan Pergigian kerana banyak telah diperbincangkan mengenai kesihatan rakyat dan perubatan di dalam bandar dan hospital.

Tuan Pengerusi, merujuk kepada Maksud B. 35, butiran 1100, di muka surat 355, peruntukan telah pun dikurangkan sebanyak 65.

Saya menyokong pemotongan ini oleh kerana keadaan ekonomi, akan tetapi saya yakin juga bahawa dari segi perkhidmatan tidak ada perubatan akan berlaku kerana Kementerian Kesihatan sentiasa meninggikan daya pengeluarannya dan menetapkan prestasi-prestasinya pada masa-masa yang lalu. Saya ingin mengambil perhatian kepada aktiviti kesihatan diri. Di bawah aktiviti ini jawatan-jawatan para medic seperti jururawat

dan pembantu hospital akan ditambah lagi. Ini adalah satu langkah yang baik dan wajar dengan perkembangan perkhidmatan kesihatan di luar bandar. Di bawah Program Perkhidmatan Kesihatan Awam, saya ingin juga menyatakan bahawa perkembangan kesihatan di luar bandar tidak semata-mata bergantung kepada adanya bilangan kakitangan kesihatan di luar bandar sahaja.

Tuan Pengerusi, di peringkat kawasan dan kampung penglibatan rakyat dan penduduk itu sendiri adalah faktor yang penting juga. Saya percaya juga bahawa untuk mengadakan pusat kesihatan di semua tempat tidaklah praktikal dalam jangka pendek kerana banyak kawasan-kawasan terpencil dan berpulauan misalnya yang berada di Sarawak. Jadi adakah penduduk-penduduk ini duduk menunggu giliran masa mereka untuk mendapatkan kemudahan asas itu? Tentu tidak.

Di sini saya ingin mencadangkan supaya Kementerian Kesihatan mengkaji dan menggunakan tenaga yang sedia ada dan sumber-sumber tenaga manusia dalam kawasan luar bandar. Penglibatan rakyat dan penduduk-penduduk berkenaan khasnya adalah sumber tenaga tempatan yang saya maksudkan itu. Ahli-ahli perubatan tradisional seperti bomoh, bidan kampung dan manang—satu golongan di Sarawak—boleh dijadikan wakil perubahan (agent of change) dalam masyarakat yang tertentu dan tempatan itu.

Mereka adalah sedia ada dan kalau diberi latihan dalam perubatan rawatan asas mereka dapat menjadi telinga dan mata doktor-doktor yang bertempat di pusat daerah, kerana sekarang pun kita menghadapi masalah kekurangan doktor dan dalam jangka pendek ini kita takkan dapat menempatkan semua doktor di kawasan luar bandar. Di mana ahli-ahli perubatan tradisional ini tidak

ada, pekerja penggalak kesihatan kampung (villager health promoter) boleh dipilih oleh penduduk-penduduk dan diberikan latihan asas oleh Kementerian Kesihatan, misalnya, dalam bidang "first aid" untuk mengawasi wabak demam atau membuat laporan kepada Kementerian Kesihatan di pejabat-pejabat daerah. Pegawai-pegawai Kementerian Kesihatan ataupun jururawat, pembantu hospital dan sebagainya adalah menjadi pengurus dan penyelia program-program kesihatan di luar bandar. Oleh kerana kesihatan diri adalah bergantung kepada faktor-faktor yang lain, misalnya, sosio-ekonomi dan bahan-bahan makanan, agensi kerajaan yang lain boleh juga menggunakan pekerja penggalak kesihatan ini untuk menjalankan program-program seperti pembangunan pertanian dan projek-projek yang menghasilkan pendapatan. Melalui wakil atau agensi ini sebagai "portal of entry" ke dalam masyarakat, semangat berdikari dan bergotong-royong dapat lebih dipergiatkan lagi dalam pembangunan masyarakat di luar bandar kerana kesihatan itu adalah bergantung banyak kepada faktor-faktor yang lain.

Merujuk kepada Butiran 2100 dan 2700 di muka surat 360 dan 367, kita memerhatikan bahawa peruntukan telah dipotong sebanyak 50% bila dibandingkan dengan tahun yang lalu. Saya harap bahawa perkhidmatan bergerak di Sarawak dan di Sabah khususnya tidak akan terjejas, akan tetapi saya percaya bahawa Kementerian Kesihatan sedar bahawa perbelanjaan perkhidmatan di sungai adalah lebih tinggi dari perbelanjaan mengguna jalan raya anggaran dari empat atau enam kali ganda. Di Sarawak dan di mana ada kawasan pendalaman, perkhidmatan bergerak ini adalah asas perkhidmatan kesihatan dan perubatan, khususnya di

kampung tepi sungai-sungai, di rumah panjang di hulu sungai dan di mana belum ada kemudahan jalan raya.

Saya bercadang di sini untuk menjimat perbelanjaan perkhidmatan kesihatan, perkhidmatan pergigian, dan pertanian atau lain-lain agensi boleh berkongsi dan bekerja lebih rapat di peringkat kampung dan daerah; langkah-langkah begini akan juga menggalakkan pembangunan masyarakat yang berintergrasi.

Perutusan Program Pergigian di muka surat 356 telah pun dikurangkan di bawah Butiran 2100 dan 277. Memandangkan peruntukan yang kurang ini, saya mencadangkan supaya klinik pergigian bergerak akan dijalankan bersama pasukan kesihatan bergerak di kawasan luar bandar. Ini adalah penting, kerana pencegahan penyakit gigi harus dimulakan di peringkat kanak-kanak sekolah; dan di luar bandar penyakit gigi adalah masalah yang besar.

Akhirnya, Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Maksud Pembangunan P. 35, Butiran 36, 37 dan 38 di muka surat 378.

Peruntukan yang ada untuk Sarawak bagi rumah-rumah dan tempat kediaman, saya harap akan memperuntukkan kakitangan-kakitangan di kawasan terpencil dan berpendapatan kecil supaya mereka dapat kemudahan yang asas ini sambil berkhidmat di luar bandar.

Di bawah Butiran 37 ini, saya ingin memohon kepada Kementerian Kesihatan agar bot-bot ambulan diadakan di Pusat Kesihatan Kecil di kawasan sungai supaya pesakit-pesakit terutama sekali ibu-ibu yang susah bersalin dapat dihantar ke Hospital Daerah dengan secepat mungkin, lengkap dengan supportive care, dengan izin.

Untuk pengetahuan Kementerian Kesihatan Pusat-pusat Kesihatan Kecil seperti di Balingian, Dalat, Song, Matu dan Simunjan masih belum ada kemudahan ini. Dengan adanya kemudahan-kemudahan ini harapan pesakit yang memerlukan rawatan hospital itu akan bertambah cerah.

Di bawah Butiran 38, Rancangan Latihan, saya ingin mencadangkan agar kakitangan yang ditempatkan di luar bandar diberi latihan dari semasa ke semasa supaya taraf-taraf prestasi mereka akan ditetapkan. Dengan itu saya menyokong peruntukan untuk Kementerian Kesihatan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Pelabuhan Kelang.

4.03 ptg.

Tuan V. Govindaraj (Pelabuhan Kelang): Tuan Pengerusi, ingin saya menyentuh muka surat 360, Maksud Bekalan B. 35, Kod 2100 berkenaan dengan Perkhidmatan dan Bekalan.

Tuan Pengerusi, pihak Kementerian Kesihatan seharusnya memperbaiki taraf perubatan, taraf layanan kepada pesakit, taraf pembekalan ubat-ubat dari segi muta, dan taraf pentadbiran hospital serta lain-lain kemudahan asas yang diperlukan di hospital.

Tuan Pengerusi, bagi pengetahuan Menteri Kesihatan, di benua Asia, Negeri Taiwan dan Negeri India merupakan negara yang amat maju di bidang perubatan setanding dengan negara-negara Eropah. Oleh yang demikian saya merayu kepada pihak Kementerian Kesihatan supaya mengfokuskan pandangan mereka terhadap kedua buah negara tersebut untuk memperolehi teknologi dan kemahiran perubatan. Di segi yang lain kedua buah negara tersebut merupakan pengeluar ubat yang utama berasaskan kepada kualiti yang bermutu berserta dengan harga yang berpatutan di Asia.

Tuan Pengerusi, memandang kepada hal ini dan berasas kepada polisi Kerajaan 2M, saya berharap pihak Kementerian Kesihatan tidak akan menggunakan wang peruntukan secara sewenang-wenangnya bagi pembelian ubat-ubat dari negara Eropah dengan harga yang akan menelankan kita bersama.

Tuan Pengerusi, untuk pengetahuan Yang Berhormat Menteri Kesihatan, kebanyakan minuman arak yang merbahaya kepada kesihatan sedang berleluasan dijual di pasaran. Minuman yang dinyatakan oleh saya adalah seperti "Cap Tiga Kepala", "Cap Orang Tua" dan "Cap Tiga Ular".

Tuan Pengerusi, minuman arak-arak seperti ini boleh dikatakan kualitinya setanding dengan minuman samsu haram. Oleh yang demikian, demi kepentingan masyarakat dari segi kesihatan, saya merayu supaya pihak Kementerian Kesihatan membuat suatu kajian terhadap kualiti minuman-minuman tersebut, serta mengharamkannya jika minuman-minuman ini membahayakan dari segi kesihatan.

Tuan Pengerusi, saya menyokong penuh peruntukan bagi Kementerian Kesihatan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Jerai.

4.07 ptg.

Tuan Ismail bin Arshad (Jerai): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh dalam beberapa perkara di dalam Kementerian Kesihatan yang dibahaskan ini.

Yang pertamanya, saya akan membawa dahulu tentang Maksud B. 35, Butiran 1100, Program (3) Perkhidmatan Rawatan dan Perubatan dan juga muka surat 360 Maksud B. 35 juga, tentang Butiran 2100 Perkhidmatan Kesihatan Awam.

Tuan Pengerusi, daripada kenyataan yang ditunjukkan di dalam peruntukan yang dipohonkan ini membuktikan bahawa pada tahun 1983 banyak sekali potongan dibuat terhadap perkhidmatan rawatan dan perubatan ini. Apa yang saya bimbangkan ialah sudah pasti daripada potongan sebanyak 17.5% kepada perkhidmatan rawatan dan perubatan ini akan menjejaskan tentang terhadnya aktiviti-aktiviti, mungkin hanya akan dapat menggunakan alat-alatan yang lama sahaja dan begitu juga tentang ubat-ubatan daripada stok-stok lama dan mungkin kita tidak dapat melaksanakan program-program aktiviti yang bekehendakkan kajian-kajian yang lebih mendalam ataupun berkehendakkan kepada kos yang lebih tinggi. Dan dengan ini walaupun ditunjukkan dalam Buku Prestasi perkhidmatan yang akan dijalankan daripada belanjawan yang dimohonkan ini sudah pastilah ianya sama ada mahu, tidak mahu kesannya adalah terjejas.

Saya beri misal seperti hospital di Alor setar dengan kekurangan peruntukan ini sudah jelaslah bahawa tidak dapat pertambahan-pertambahan dibuat di dalam perkhidmatan dan rawatan kesihatan. Pada petang semalam wakil dari Arau telah menjelaskan bagaimanakah keadaan yang dialami oleh pihak hospital-hospital dan doktor dengan beberapa masalah kekurangan yang tidak dapat diatasi.

Sukalah saya bawa kenyataan sebagai contohnya di Hospital Besar Alor Setar. Di Hospital Besar Alor Setar hanya terdapat 639 katil. Setiap hari terdapat kira-kira 700 orang pesakit-pesakit luar yang datang mendapat rawatan dan kira-kira 1,000 orang pesakit-pesakit di semua peringkat rawatan termasuklah di dalam bidang-bidang khusus ataupun bidang-bidang yang tertentu dan

daripada 700 pesakit luar ataupun daripada 1,000 pesakit-pesakit yang datang memohon rawatan ini terdapat kira-kira 100 orang yang mesti dimasukkan dalam wad pada setiap hari. Tetapi dengan kerana sebanyak 639 katil sahaja yang ada sudah pasti tidak dapat diberi layanan dan inilah yang memeningkan kepala pihak-pihak perubatan di Alor Setar. Ini sebagai contoh dan mungkin di hospital-hospital yang lain juga menghadapi keadaan yang macam ini, menghadapi keadaan yang tidak dapat diatasi. Doktor-doktor di Alor Setar telah pun merasai susah hati kerana apabila tidak dapat dimasukkan 100 orang pesakit yang perlu dimasukkan ke wad pada setiap hari dengan kerana tidak mencukupi tempat sudah pastilah pesakit-pesakit ini tidak puas hati dan kerap kali Wakil-wakil Rakyat, kepada Menteri Besar telah dibawakan perkara-perkara ini dan apabila dibincangkan dengan pihak hospital, yang sebenarnya masalah ini tidak dapat hendak diselesaikan dan kesannya ini adalah amat berat bagi pihak Kerajaan, bagi pihak Kementerian, bagi pihak hospital dan begitu juga bagi pihak Wakil-wakil rakyat sendiri kerana pesakit-pesakit ini adalah amat perlu mendapat tempat. Oleh yang demikian, saya berharaplah bagi pihak Kerajaan dapat memberi pertimbangan untuk menambahkan peruntukan kepada Kementerian ini, terutama sekali peruntukan di bidang rawatan dan perubatan ini di dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat yang akan dibentangkan kelak, semoga pertambahan ini akan dapat dibuat dan akan dapat menyelesaikan sedikit-sedikit masalah yang dihadapi ini.

Satu lagi, Tuan Pengerusi, yang akan saya sentuh di sini ialah mengenai Butiran 1100, Program (2) (e), Pelajaran Kesihatan.

Sepertimana yang kita semua sedia maklum, di dalam peruntukan ini juga

telah berkurangan sebanyak \$950,000 daripada peruntukan pada tahun 1982. Menurut daripada tujuan dan prestasi yang dicadangkan adalah merupakan sebagai satu harapan yang amat tinggi kerana pencegahan adalah lebih baik daripada rawatan dan dengan ini terpaksa bidang pelajaran kesihatan ini seharusnya berkembang daripada satu masa ke satu masa dengan harapan lebih banyak pengetahuan-pengetahuan kesihatan dapat dibentangkan kepada umum dan dengan harapan supaya matlamat untuk mengurangkan pesakit-pesakit datang ke hospital dengan kesempurnaan, kesihatan dan sebagainya boleh menyelesaikan sedikit sebanyak masalah yang sedang dihadapi. Cuma yang saya ingin bangkitkan di sini ialah dengan kerana kekurangan peruntukan yang diberi sudah tentulah aktivitinya juga terhad.

Satu perkara yang saya mencadangkan di sini bagi menyelesaikan masalah ini Kementerian Kesihatan seharusnya menubuhkan sebuah penal penulisan untuk dapat menulis perkara-perkara yang boleh menjadi pelajaran kepada kesihatan ataupun menulis perkara-perkara yang dapat memberi contoh kepada kesihatan ataupun pencegahan penyakit atau sebagainya dan gunakanlah media-media yang ada sekarang ini di dalam negara kita untuk tujuan perkembangan pelajaran kesihatan untuk masyarakat umum, misalnya menerusi Radio, Television ataupun suratkhbar-suratkhbar di dalam negara kita ini. Saya percaya alat-alat mass media ini sentiasa memberi peluang ruangan-ruangannya untuk penulisan-penulisan yang berhubung dengan bidang-bidang perubatan dan kesihatan yang dapat membawa pelajaran kepada masyarakat umum kerana setakat yang saya memahaminya bagi pihak mass media yang ada kekurangan mendapat bahan-bahan yang seumpama ini untuk dapat

dibentangkan kepada masyarakat umum. Atas harapan saya ini saya harap Kementerian Kesihatan dapat memberi perhatian dan bagi pihak majallah-majallah, suratkhbar-suratkhbar, Radio, Television dan sebagainya saya percaya akan dapat memberi ruangnya untuk dapat menyampaikan pengetahuan dan pelajaran kesihatan yang diharapkan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Saya meminta Timbalan Menteri yang berkenaan menjawab.

4.15 ptg.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bangun memberi beberapa cadangan mengenai perkhidmatan kesihatan di bawah Kementerian saya dan juga memberi simpati yang banyak saya nampak terhadap potongan peruntukan yang begitu teruk di bawah Kementerian saya.

Beberapa Ahli Yang Berhormat termasuk Ahli-ahli dari Arau, Lambir, Menglembu, Ulu Muda dan lain-lain telah membangkitkan perkara kekurangan peruntukan belanjawan di bawah Kepala Perbelanjaan Mengurus Kementerian Kesihatan. Mereka telah merasa bimbang bahawa Kementerian mungkin tidak dapat menjalankan beberapa kegiatan atau memperluaskan perkhidmatan kesihatan dan rawatan seperti yang dihasratkan oleh rakyat jelata.

Saya memang mengakui bahawa potongan yang dilakukan ke atas peruntukan belanjawan Kementerian adalah terlalu banyak, tetapi dalam perkara ini Kementerian saya mungkin akan menghadapi kerumitan yang lebih daripada agensi-agensi lain.

Kita tidak dapat mengelakkan daripada kemerosotan kewangan negara akibat keadaan ekonomi dunia dan negara yang lembab.

Pada amnya peruntukan belanjawan Kementerian bagi tahun 1983 telah dikurangkan sebanyak 24% jika dibandingkan dengan tahun 1982. Tetapi Kementerian akan berusaha sedaya upaya dan juga telah menyediakan tindakan-tindakan untuk mengekalkan perkhidmatan-perkhidmatan yang terdapat sekarang dan juga di mana yang boleh meluaskan lagi liputan perkhidmatan yang perlu. Dalam bidang pembangunan semestinya setengah projek yang dirancangan telah terpaksa ditangguhkan buat sementara waktu.

Secara am saya dapat mengatakan bahawa kebolehan Kementerian Kesihatan menjalankan semua kegiatan yang dianggap mustahak tidak akan terjejas. Langkah-langkah jimat cermat akan diambil seperti berikut:

- (1) Mengesan bidang-bidang di mana pengurangan perbelanjaan boleh dilakukan tanpa menjejaskan perkhidmatan kesihatan seperti mengeluarkan prescripsi perubatan untuk ubat-ubat yang terdapat dalam simpanan Kementerian sahaja.
- (2) Meningkatkan produktiviti kakitangan Kementerian dengan mengadakan langkah-langkah seperti menjalankan tugas-tugas harian tanpa bekerja lebih masa dan memperkenalkan sistem giliran (shift duty).
- (3) Arahan-arahan atas perkara specific telah juga dikeluarkan kepada semua Ketua-ketua

Jabatan Perubatan iaitu arahan-arahan tentang:

- (a) kawalan penggunaan telefon rasmi;
- (b) kawalan perjalanan dan pengangkutan;
- (c) perkara-perkara pelbagai seperti mengurangkan perbelanjaan ke atas makanan dengan mengadakan sistem pilihan makanan di mana pesakit-pesakit yang memerlukan makanan hospital sahaja dibekalkan.

Panduan telah diberi kepada Pegawai peringkat Negeri dan Daerah supaya dapat mengurangkan perbelanjaan tanpa menjejaskan rawatan yang diberikan, umpamanya, menyediakan jadual senarai ubat-ubat untuk digunakan di hospital-hospital dan di klinik-klinik. Prescripsi yang diberikan akan berpandu kepada jenis ubat yang terkandung dalam senarai itu. Ini akan mengurangkan perbelanjaan pembelian tempatan bagi ubat-ubat yang mahal.

Buku Panduan juga telah disediakan yang menerangkan fungsi-fungsi kawalan makanan Pegawai Penyelia dengan jelas supaya kawalan yang lebih rapi dapat diadakan terutama sekali dalam keadaan sekarang.

Pegawai Kanan di Kementerian saya juga telah membuat lawatan ke Negeri-negeri dan membincangkan dengan semua Pegawai Penyelia Negeri yang terlibat termasuk juga Doktor-doktor Pakar supaya mereka berusaha mengambil tindakan untuk menjimatkan perbelanjaan. Di dalam lawatan tersebut kesempatan juga telah diambil untuk berjumpa dengan Yang Amat Berhormat Menteri-menteri Besar dan Setiausaha-setiausaha Kerajaan Negeri untuk berunding beberapa perkara tentang

bukan sahaja kempen jimat cermat di hospital-hospital, tetapi juga tentang kemudahan-kemudahan kesihatan di Negeri itu, masalah kakitangan, projek pembangunan supaya dapat memahami keadaan kekurangan peruntukan yang dihadapi oleh Jabatan Perubatan di Negeri tersebut.

Sebenarnya hasil dari lawatan itu juga menunjukkan kesan yang baik kerana menurut laporan-laporan yang diterima dari Pejabat Perubatan di peringkat Negeri dan daerah adalah nyata perbelanjaan pada amnya boleh dikurang ke tahap sejajar dengan sejumlah wang belanjawan yang diperuntukkan.

Dalam beberapa bidang ini langkah-langkah jimat cermat pada hemat saya akan menghasilkan mutu perkhidmatan yang lebih tinggi, pengurusan yang lebih cekap dan kita boleh harap setiap ringgit yang akan dibelanjakan itu akan membawa hasil yang lebih berkesan, misalnya ubat-ubat yang dibeli secara tender akan menjimatkan sehingga 50% perbelanjaan secara local purchase atau belian tempatan dari kedai-kedai biasa. Tetapi sememangnya di hospital-hospital kes-kes yang lebih segera dan mendesak akan diselenggarakan lebih awal dan dalam beberapa keadaan, penyakit-penyakit yang tidak begitu segera akan terpaksa menunggu sedikit lama lagi. Tetapi semua pesakit yang datang ke hospital akan diuruskan dan diberi perhatian yang sewajarnya.

Di dalam bidang pembangunan projek-projek akan terus dijalankan jika:

- (1) projek-projek yang kontraknya telah ditandatangani dan kerja-kerja ke atasnya telahpun bermula;
- (2) projek-projek yang dibiayai oleh wang pelaburan asing dan di mana perjanjian-perjanjian telahpun ditandatangani;

- (3) projek-projek yang menjadi tanggungan Kerajaan-yang jelas (Government commitment)
- (4) kerja-kerja melengkapkan projek yang telahpun siap supaya projek itu dapat digunakan.

Di bawah commitment ini peruntukan sejumlah \$178,342,227 telahpun dicadangkan untuk tahun 1983 dan dicerminkan dalam Belanjawan tahun ini. Di bidang perawatan, sebanyak lima buah hospital baru akan dijalankan iaitu Hospital Besar Kuala Terengganu, Hospital-hospital Daerah di Kuala Berang, Teluk Intan, Sabak Bernam dan di Jengka. Di antara lain kerja-kerja pembinaan Hospital Besar di Kelang akan terus dijalankan untuk disiapkan pada penghujung tahun 1984. Pembinaan Hospital Besar di Kubang Krian dan Hospital Daerah baru di Tumpat, kedua-duanya di Negeri Kelantan dijangka siap pada tahun 1983 juga. Hospital-hospital Daerah yang baru di Sik, di Pasir Mas dan Tanah Merah adalah diharap selesai pembinaannya pada tahun 1984. Kerja-kerja tapak bagi Hospital Besar yang baru di Kuantan dan Hospital Kanak-kanak di Kuala Lumpur adalah juga dapat dimulakan pada tahun 1983. Selain daripada itu sejumlah \$45 juta adalah juga diuntukkan bagi menyempurnakan pembinaan sebanyak 225 projek kesihatan luar bandar dan meneruskan pembinaan sebanyak 65 lagi kesihatan luar bandar di Semenanjung Malaysia pada tahun hadapan. Sebanyak 18 buah pusat kesihatan yang baru akan dapat disempurnakan dan kerja-kerja pembinaan 35 buah pusat kesihatan lagi diteruskan pada tahun hadapan.

Di Sarawak sebuah Pusat Kesihatan dan 11 klinik desa akan disempurnakan dan kerja-kerja pembinaan diteruskan di pusat kesihatan Daerah Kanowit dan di empat buah lagi klinik desa.

Pembinaan 2 wad yang baru di Hospital Besar, Miri dan juga Complex Pesakit Luar dan Kesihatan Ibu dan Kanak-kanak akan disiapkan. Unit Bersalin di Hospital Besar Kuching dan Unit X-Ray di Binatang dan Poliklinik di Kapit akan dalam proses pembinaan.

Di Sabah pula empat buah Dispensari luar bandar dan tiga Village Group Sub-Centres akan dapat disiapkan pada tahun 1983. Extension kepada Hospital Besar di Kota Kinabalu akan juga dijalankan.

Segalanya ini, Tuan Pengerusi, jelas menunjukkan bahawa perkhidmatan Kementerian akan giat maju pada tahun hadapan, walaupun kita menghadapi kerumitan peruntukan. Jadi, Ahli Yang Berhormat dari Jelutong tidaklah tepat dalam hujah-hujah apabila beliau mengatakan bahawa perkhidmatan kesihatan telah merosot dengan langkah-langkah jimat cermat ini. Beliau, saya tidak tahu sama ada buta atau pekak ataupun dengan sengaja membuat hujah-hujah untuk menakutkan orang ramai apabila mengatakan bahawa orang ramai sedang takut mencari rawatan di Hospital Kerajaan.

Angka-angka kegunaan Hospital jelas menunjukkan bahawa pada tahun yang lalu seramai 14 juta rawatan telah dibuat oleh pesakit-pesakit kepada Jabatan Pesakit Luar kita. Hampir satu juta pesakit-pesakit telah juga diberi rawatan sebagai out-patient. Angka-angka tahun ini menunjukkan bahawa rawatan pesakit-pesakit di Hospital Kerajaan sedang meningkat sekurang-kurangnya 20% pada amnya. Ini adalah tanda kepercayaan dan bukan sikap bimbang atau takut tentang rawatan di Hospital-hospital kita.

Beliau telah juga menyatakan bahawa di bawah langkah jimat cermat kita sedang membekalkan ubat-ubat generic sahaja yang

bermutu rendah yang boleh membahayakan nyawa dan akan membangkitkan tuduhan negligence atau cuai di atas Kerajaan. Beliau menuduh bahawa kita tidak mengamalkan apa-apa kawalan mutu atau ujian di atas ubat-ubatan yang dibeli.

Segala tuduhan ini, Tuan Pengerusi, adalah tidak berasas dan menunjukkan sikap tidak bertanggungjawabnya. Beliau tidak sepatutnya menggunakan kemudahan dan keistimewaan Dewan ini untuk melemparkan tuduhan-tuduhan liar seperti ini.

Mengenai ubat-ubat standard list yang digunakan itu adalah satu senarai yang lengkap dan disediakan oleh satu Pasukan Pakar-pakar Perubatan dan Ahli-ahli Farmasi. Kerja ini tidak dibuat secara ringan dan perhatian adalah diberi untuk menentukan bahawa dengan izin, "a range of drugs" sedia terdapat untuk setiap jenis penyakit dan cukup untuk lebih kurang semua penyakit yang biasa dirawat di hospital-hospital kita. Tambahan lagi tiap-tiap hospital boleh juga membeli dari pasaran tempatan ubat-ubat di luar daripada senarai ini jika dianggap perlu untuk menyelamatkan nyawa atau rawatan yang rumit. Umpamanya, standard list kita ini mengandungi 26 jenis psychotherapeutic drug substances, 21 jenis anti-inflammatory, analgesic atau anti pyretic drug substances, dan 24 jenis antibiotic drugs substances. Dalam senarai ini juga terdapat ubat-ubat yang generic dan proprietary mengikut keperluan rawatan.

(Timbalan Yang Dipertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Senarai seragam ubat-ubat bukanlah satu yang baru ataupun terdapat hanya di Malaysia. Senarai seperti ini, yang lebih terhad, adalah dicadangkan oleh WHO dan digunakan di beberapa negara yang maju dan juga mundur.

Pada amnya, sekarang ini terdapat sebanyak 750 persediaan ubat-ubat (medicinal substances) yang digunakan di hospital-hospital. Apa yang kita cuba membuat dengan mewujudkan standard list ialah mengurangkan senarai ini kepada lebih kurang 500 persediaan ubat-ubat. Ini, jika dipandang dari segi "dosage forms" yang diberi, akan bermakna lebih daripada 1000—merupakan tablet, injections dan lain-lain.

Ahli Yang Berhormat juga telah membangkitkan perkara "generic drugs" dan mengatakan bahawa "generic drugs" ini adalah bermutu rendah dan bahaya. Saya fikir Ahli ini tidak memahami apanya "generic drugs" itu. Pembelian ubat-ubat dengan trade mark dan proprietary (brand) names sebenarnya membiayai perbelanjaan yang dibuat oleh syarikat-syarikat untuk penyelidikan, pengiklanan dan lain-lain yang dikutip balik oleh syarikat itu semasa perlindungan patentnya. Biasanya syarikat-syarikat ini tidak menurunkan harga ubat-ubat itu selepas tempoh perlindungan patentnya.

Standard list yang digunakan memang mengandungi beberapa proprietary drugs ini, tetapi dalam beberapa kes yang lain kita akan membeli persediaan ubat-ubat yang sama yang mempunyai nama-nama yang lain. Dalam semua pembelian kita, generic ataupun proprietary, kita sentiasa menjalankan ujian kawalan mutu di Makmal Kawalan Kimia Ubat Kebangsaan di Petaling Jaya. Kita telah memulakan kawalan mutu ini pada tahun 1979 dan pada tahun ini kita telah menguji sebanyak 1,867 contoh ubat-ubat. Pada 9 bulan pertama tahun ini sahaja kita telah menjalankan sebanyak 11,300 ujian. Pihak yang membuat tender-tender hendaklah juga menunjukkan bukti documentary bahawa ubat-ubat itu telah diuji untuk membuktikan keselamatan dan efficacy clinicalnya di

lain-lain negara. Punca-punca pembekalan ubat-ubat itu hendaklah juga dikenali baik dan pembekalannya terjamin dalam masa yang ditentukan.

Untuk makluman Dewan ini, Makmal-makmal Farmasi Kementerian Kesihatan sendiri sedang menyediakan sebanyak 166 penyediaan ubat-ubatan, termasuk ubat biji, ubat suntik, dan lain-lain daripada bahan-bahan mentah yang bermutu. Kita sekarang ini sedang membuat sebanyak 85% daripada permintaan untuk ubat biji (tablets) di Hospital-hospital kita. Yang baki itu ialah tablet yang lebih specialised. Sebenarnya, penyediaan ubat-ubat sendiri kita itu, telah didapati lebih bermutu jika dibandingkan dengan proprietary drugs yang terdapat di pasaran kita. Kita dapat juga menjimatkan lebih kurang \$20 juta melalui cara ini. Hasrat kita ialah untuk memperluaskan lagi kemudahan Makmal Farmasi kita untuk penyediaan seperti ini.

Kerana kawalan mutu yang kita jalankan itulah, maka orang ramai selalu meminta ubat-ubat dengan cap "KK" atau "Kementerian Kesihatan"!

Ahli Yang Berhormat itu tidak boleh mengatakan bahawa kita tidak mementingkan kawalan mutu. Kita hanya tidak mahu mengiklankan dan memajukan syarikat-syarikat ubat-ubat seperti dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Jika Ahli Yang Berhormat itu hendak tahu, beliau haruslah meninjau keadaan pasaran di rantau ini. Semua negara ASEAN telah mula membeli ubat-ubat generic beberapa tahun dahulu. Kita hanya bermula pada 3 ataupun 4 tahun dahulu apabila makmal Kawalan Kimia Ubat kita telah siap. Jadi pembelian "generic" ini bukanlah satu yang dimulakan kerana keadaan kewangan kita. Pembelian itu adalah satu kebiasaan dan wajar.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong telah membangkitkan beberapa perkara.

Pertamanya ialah mengenai mewujudkan Medical School yang keempat. Saya suka menerangkan di sini bahawa angka-angka yang disebutkan oleh beliau sebagai justifikasi cadangannya adalah silap "way out". Saya tidak tahu punca angka-angka itu

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, angka yang saya sebutkan kelmarin ialah daripada Yang Berhormat Menteri Kesihatan sendiri.

Dato' K. Pathmanaban: Saya rasa itu Menteri Kesihatan dari lain negara kerana Menteri Kesihatan di Dewan ini memberikan angka-angka yang akan saya sebutkan nanti. Barangkali Ahli Yang Berhormat itu tidak hadir dalam sidang itu. Saya tidak tahu punca angka-angka itu atau Menteri yang disebutkannya. Sebenarnya angka-angka ini adalah diberikan beberapa kali di Dewan ini. Pada masa ini, kita mendapat, dan jika Ahli Yang Berhormat dengar dengan baik beliau akan tahu kesilapannya, kita mendapat pegawai-pegawai Perubatan dari tiga punca:

Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan dan dari Luar Negeri.

Lebih kurang 220 orang Pegawai Perubatan sedang mendaftar dengan Kementerian pada setiap tahun dan bukan seratus seperti dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat. Jika kita anggap angka ini sebagai 200 pukol rata pada masa depan, adalah dianggarkan bahawa dengan kemajuan Universiti-universiti tempatan, dan pengeluaran Pegawai-pegawai Perubatan daripada Universiti Sains Malaysia, mulai dari tahun 1987, kita akan mempunyai bekalan seramai lebih kurang 640 orang pada setiap tahun pada tahun 1990 dan bukan 400 seperti yang difikirkan oleh Ahli Yang Berhormat

itu. Ini adalah berbanding dengan 445 orang pada tahun 1983. Ini bermakna bahawa kita akan dapat mengadakan seorang Pegawai Perubatan untuk setiap 2,300 orang penduduk pada 1990.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, adalah ini untuk penjelasan?

Dr Tan Seng Giaw: Ya. Bagaimanakah Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh memastikan doktor-doktor dari seberang laut yang kembali ke negara ini akan mendapat angka 200 yang lebih. Saya mengatakan sekurang-kurangnya 100 orang doktor sahaja yang kembali dari seberang laut. Bagaimanakah beliau hendak memastikan yang kembali ke sini lebih daripada 200 tiap-tiap tahun?

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Pengerusi, saya rasa saya tidak payah jawab pertanyaan itu, kerana saya telah menyatakan bahawa sejak beberapa tahun ini pada setiap tahun seramai 220 orang sedang datang balik dan mendaftar dengan Medical Council kita. Jadi, untuk kira-kira masa depan saya buat angka 200 sahaja bukan 220. Jika dia mahu halau orang ini daripada negeri ini, itu suka dialah. Tetapi mereka datang dan terus akan datang. Matlamat ratio doktor-doktor penduduk pada tahun 1990 itu akan lebih kurang tercapai. Asas dan justifikasi Ahli Yang Berhormat tadi untuk mewujudkan Medical Kolej yang Keempat, saya tidak nampak dari segi itu.

Ahli itu juga telah menyentuh perkara penukaran, kenaikan pangkat dan pemberian hadiah biasiswa latihan ijazah lanjutan dan mencadangkan bahawa semua ini dilakukan secara adil, tertakluk kepada kebolehan dan bukan kepada kaum. Sukalah saya memberitahu bahawa segala ini telah dijalankan mengikut keperluan Kementerian. Mengenai pemberian

biasiswa untuk Pegawai-pegawai Perubatan, pada tahun 1980 sebanyak 34 Biasiswa telah diberi dan 11 daripadanya adalah untuk Pegawai Bumiputera. Daripada 35 Biasiswa pada 1981, seramai 15 adalah kepada Pegawai Bumiputera. Pada tahun ini, daripada 65 Biasiswa yang diberi, 42 adalah untuk Pegawai bukan Bumiputera. Kita akan terus berusaha mengendalikannya perkara-perkara ini mengikut keperluan perkhidmatan kita.

Yang Berhormat dari Kepong itu juga ada menyatakan mengenai perbincangan yang telah diadakan di antara Kementerian Kesihatan dengan pihak MMA dalam bulan Jun yang lepas. Hasil dari perjumpaan tersebut, Kementerian telah pun memperakukan dan mengemukakan cadangan-cadangan untuk memperbaiki lagi syarat-syarat perkhidmatan Pegawai Perubatan Pakar-pakar dan juga elaan-elaun yang diterima kepada agensi-agens pusat bagi mendapat kelulusan. Saya percaya perkara-perkara tersebut akan mendapat pertimbangan yang sympathetic dan kelulusan yang menggalakkan.

Mengenai pengambilan doktor-doktor wanita warganegara asing yang bersuami kepada warganegara Malaysia untuk menampung kekosongan pegawai-pegawai perubatan, sukacita saya memberitahu seperti dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan di Dewan ini pada 4hb November, 1982 yang lalu bahawa setakat ini 29 orang telah pun menahut seruan Yang Berhormat Menteri di Dewan ini dan mengemukakan butir-butir yang dikehendaki. Kementerian sedang menguruskan pengambilan mereka, dengan mewujudkan tambahan jawatan-jawatan Houseman dan lain-lain. Saya harap perkara ini akan dapat diselesaikan tidak lama lagi.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong juga telah membangkitkan mengenai perkhidmatan di Universiti Hospital

yang tidak diiktiraf sebagai perkhidmatan wajib yang diperlukan di bawah Akta Perubatan 1971. Perkara ini telah pun saya jelaskan dalam jawapan saya pada soalan beliau pada 25hb Oktober, 1982. Seperti yang telah saya terangkan bahawa perkhidmatan di Universiti Hospital itu adalah merupakan untuk memperolehi kelayakan lepasan ijazah dalam bidang kepakaran. Kebanyakan daripada mereka di Universiti Hospital itu telah memohon dan dapat lantikan di Hospital itu secara sendiri dan tidak ditempatkan di situ oleh Ketua Pengarah Kesihatan. Akta Perubatan memperuntukkan bahawa Ketua Pengarahlah yang akan menempatkan Pegawai ini untuk memenuhi syarat perkhidmatan wajib itu.

Berkaitan dengan sekim pensyarah pelatih di Fakulti-fakulti Perubatan Universiti-universiti Tempatan di mana perkhidmatannya dikira sebagai perkhidmatan wajib, ini adalah untuk menarik lebih ramai pegawai-pegawai perubatan menceburkan diri untuk menjadi Pensyarah di Universiti-universiti tersebut. Tenaga pengajar sebagai Pensyarah-pensyarah di Fakulti-fakulti Perubatan Universiti-universiti Tempatan adalah sangat berkurangan dan adalah perlu untuk dipenuhi. Walau bagaimanapun, Kementerian sedang mengkaji perkara kedudukan doktor-doktor di Universiti Hospital itu untuk membuat satu keputusan.

Ahli Yang Berhormat dari Petaling telah menumpukan ucapannya kepada perkara latihan Ijazah lanjutan (Post Graduate Training) untuk Pegawai-pegawai Perubatan di negara kita.

Dalam perkara ini, pada peringkat ini, saya hanya dapat mengatakan bahawa soal kepentingan mengadakan latihan untuk Ijazah Lanjutan di Malaysia juga adalah diterima oleh semua pihak. Soal-soal mengenai rupa-bentuk latihan itu lokasinya dan

bidang-bidang yang harus diutamakan dan sebagainya, belum lagi diputuskan secara muktamad. Tetapi saya boleh menerangkan di sini bahawa Kerajaan memang berhasrat untuk menentukan bahawa ketiga-tiga pihak, iaitu Kerajaan, Profesion Perubatan dan Universiti-universiti, adalah terlibat dalam menentukan soal-soal ini. Sukarlah bagi saya untuk memberi jaminan bahawa rancangan latihan ini, ataupun sebarang rancangan yang lain, akan dapat persetujuan sebulat suara (unanimous). Ini akan tertakluk kepada pandangan dan pendirian satu-satu pihak. Kita tidak boleh mengatakan bahawa sesuatu rancangan itu tidak akan bermula jika tidak ada persetujuan sebulat suara seperti dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Mengenai Persidangan MASEAN/REIHAD di Universiti Mahidol, Bangkok saya diberitahu bahawa Kementerian Kesihatan tidak menerima apa-apa jemputan untuk mengahdirinya.

Tuan Yeoh Poh San: Tuan Pengerusi, penjelasan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat minta apa?

Tuan Yeoh Poh San: Penjelasan. Kalau tidak salah fahaman saya Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi menyatakan dalam program Latihan Ijazah Lanjutan Perubatan ini tiga pihak yang berkenaan akan terlibat, tetapi bukan ketiga-tiga pihak akan diberi peranan yang sama. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi penerangan?

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Pengerusi, itu saya rasa adalah soal theoretical. Saya telah mengatakan bahawa ketiga-tiga pihak akan menyertai dalam memutuskan perkara-perkara ini, sama ada seorang berat atau seorang ringan saya tidak dapat sahkanlah. Saya harap Yang

Berhormat itu puas hati. Mengenai Persidangan MASEAN/REIHAD tadi, hanya dua orang pegawai Kementerian telah dijemput oleh MMA secara individu, tetapi malangnya kedua-dua Pegawai ini tidak dapat melapangkan masa untuk pergi ke Bangkok.

Ahli Yang Berhormat dari Arau telah mencadangkan beberapa langkah jimat cermat. Sukacita saya memaklumkan bahawa cadangan-cadangan itu sedang diamalkan.

Beliau juga telah mencadangkan bahawa tenaga Pengawal-pengawal, khususnya Pakar-pakar sektor swasta, digunakan oleh Kerajaan.

Kementerian saya memang sedar tentang cadangan seperti ini. Kami bersetuju bahawa, dengan perkembangan perubatan sektor swasta, adalah wajar bagi perhatian diberi kepada soal ini. Kerajaan sedang memberi perhatian kepadanya, termasuk cadangan mengadakan skim insuran perubatan; tetapi adalah terlalu awal bagi saya menjelaskan fikiran-fikiran ini dengan lebih lanjut pada masa ini. Sumbangan-sumbangan daripada penderma-penderma terhadap perkhidmatan-perkhidmatan khas memang dialu-alukan pada masa ini juga, seumpamanya untuk Neurological Foundation, Heart Foundation, Urological Foundation dan sebagainya. Badan-badan amal seperti BAKTI dan Rotary sedang juga memberi sumbangan kelengkapan dan sebagainya.

Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas telah menyentuh perkara Hospital Daerah di Grik. Adalah sukar bagi kita membekalkan perkhidmatan kepakaran ke semua Hospital Daerah. Polisi adalah untuk mewujudkan perkhidmatan kepakaran di beberapa Hospital yang tertentu sahaja. Aliran ini juga didapati di negara-negara yang lain. Seramai 4 orang doktor adalah

ditempatkan di Hospital Grik pada masa ini, di mana terdapat 75 buah katil di hospital itu dengan kadar kegunaan (occupancy) 48% sahaja. Penempatan Pegawai-pegawai Perubatan seperti dinyatakan tadi adalah dianggap mencukupi pada masa ini. Walau bagaimanapun, Kementerian sedang memikirkan sistem-sistem untuk mengendalikan kes-kes kecemasan, termasuk pembedahan, dengan cara yang lebih memuaskan di Hospital-hospital Daerah.

Mengenai cadangan mengadakan Pusat Kesihatan di Sauk, sukacita saya memaklumkan bahawa projek ini telah pun diluluskan dan tawaran pembinaan akan dibuat semula dan pembinaan dijangka akan mula pada awal tahun 1983.

Ahli Yang Berhormat dari Lambir telah membangkitkan perkara kekurangan pakar perubatan di Hospital Besar Kuching. Kementerian sedang mengambil langkah-langkah untuk menyediakan Pakar ENT di Kuching pada awal tahun depan. Walaupun tidak ada Pakar Orthopaedik di situ, saya difahamkan bahawa Pakar Bedah Umum di situ boleh menguruskan kes-kes orthopaedik dengan memuaskan. Mengenai Unit Radiotherapy, kakitangan untuk memulakan perkhidmatan ini akan disediakan tidak lama lagi.

Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani telah menyentuh kedudukan Hospital Daerah di Sungai Petani. Sukacita saya memberitahu bahawa projek blok wad empat tingkat itu telah pun siap dan dua tingkat dari blok baru itu sedang digunakan kerana Pegawai Perubatan yang menjaga Hospital Daerah Sungai Petani telah dapat memperolehi kelengkapan-kelengkapan itu melalui redeployment dari lain-lain unit dan dalam tahun 1983 sudah pun dicadangkan dalam

anggaran Pembangunan untuk memperolehi kelengkapan-kelengkapan yang lain.

Mengenai cadangan beliau mewujudkan satu poliklinik di Tikam Batu sukacita saya memberitahu bahawa perkara ini akan diberi pertimbangan dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat.

Tuan Pengerusi: Adakah banyak lagi Yang Berhormat?

Dato' K. Pathmanaban: Empat minit lagi. Yang Berhormat dari Batu Gajah telah menyentuh kedudukan kawasan Batu Gajah dan menyatakan tidak ada apa-apa rancangan di situ. Pada masa ini terdapat sebuah Hospital Daerah dengan 320 buah katil di mana sebuah klinik kesihatan ibu dan kanak-kanak sedang juga berjalan dan beberapa cadangan telah dibuat untuk projek-projek yang baharu bagi daerah Batu Gajah dalam Rancangan Malaysia Keempat. Tetapi kebanyakannya tidak dapat dijalankan pada masa ini kerana kekurangan peruntukan dan kita akan berusaha sedaya upaya untuk menjalankan beberapa projek itu seperti bilik bersalin di Hospital Daerah, Jabatan Pesakit Luar yang baharu di hospital itu dan lain-lain kemudahan sesudah sahaja kita dapat peruntukan kewangan yang cukup. Cadangan beliau untuk sebuah poliklinik di Kampung Mambang Di Awan jika saya tidak silap, akan dapat juga diberi pertimbangan dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat.

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mas telah menyentuh perkara flying doctor service dan memohon supaya perkhidmatan ini diperluaskan. Sebenarnya perkhidmatan pada masa ini telah diberi kepada 248 lokasi pedalaman dan lebih kurang 113,000 orang penduduk sedang dapat menikmati perkhidmatan ini, dan perkhidmatan ini akan diteruskan.

Tetapi kerana kemerosotan ekonomi kini tidak dapat diperluaskan pada masa ini. Kementerian sentiasa akan mengkaji perkhidmatan ini untuk meninggikan kesannya dalam masa-masa yang akan datang.

Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas juga telah menyebutkan mengenai kedudukan ambulan di Pusat Kesihatan Besar Lenggong. Saya diberi tahu bahawa sebuah ambulan sahaja dikhaskan di Pusat Kesihatan ini. Kerana kenderaan itu rosak melalui satu kemalangan jalan raya, sebuah ambulan baharu sudah diperolehi di situ dan di situ juga terdapat sebuah jeep dan sebuah land cruiser untuk membantu dalam perkhidmatan di pusat tersebut. Saya diberi tahu doktor yang ditempatkan di situ tidak menggunakan ambulan.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas dan Menglembu telah menyentuh mengenai keadaan denggi dan mengatakan bahawa Kementerian tidak mengambil perhatian tentang perkara ini awal-awal dan hanya mengambil tindakan apabila wabak itu sudah merebak.

Saya rasa perkara ini tidak perlu dijawab dengan lebih lanjut kerana beberapa kali kita sudah menjawabnya perkara ini di sini dan baharu-baharu ini, pada hari semalam, satu jawapan secara bertulis telah diberi kepada Ahli Yang Berhormat dari Batang Padang dan saya harap jawapan itu akan menunjukkan dengan jelasnya bahawa Kementerian telah menyedari tentang keadaan wabak denggi ini dan mengambil tindakan-tindakan yang perlu untuk bersedia menghadapi wabak itu. Dan kejayaan kita pada akhir-akhir ini adalah kerana kesedaran kita dan kerjasama daripada semua pihak dalam perkara itu.

Pada akhirnya, saya ingin menyentuh kepada Ahli Yang Berhormat dari Sungei Besi yang telah

membangkitkan dua perkara kecil, satu mengenai layanan buruk di hospital-hospital daripada kakitangan-kakitangannya. Beliau telah mencadangkan bahawa "peti cadangan" diletakkan di hospital-hospital.

Benarkan saya, Tuan Pengerusi, mencadangkan bahawa jika Ahli-ahli Yang Berhormat mempunyai bukti-bukti ataupun laporan-laporan mengenai layanan buruk dan sikap kasar dan lain-lain, seperti juga Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam, harap laporan itu dapat diberi kepada Kementerian—kepada Pegawai Perubatan yang menjaga hospital itu ataupun ke pada Lembaga Pelawat Hospital. Peti cadangan itu adalah satu cadangan yang baik dan kita juga telah memberi satu arahan kepada semua hospital-hospital untuk mengadakan peti seperti itu. Tetapi malangnya sambutan daripada orang ramai terhadap peti cadangan itu tidaklah begitu menggalakkan. Kadangkala peti cadangan telah disalahgunakan, misalnya, benda-benda seperti rokok dan kacang putih dan sebagainya telah dibuang ke dalam peti cadangan. Juga ada beberapa cadangan yang membina telah diterima dan sebahagiannya telah dapat dilaksanakan.

Mengenai acupuncture, perkara ini sudah pun dijawab di Dewan ini dan perkara ini adalah masih dalam kajian dan belum lagi dapat satu keputusan.

Akhirnya Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda yang telah mencadangkan mengenai pertukaran nama dan penetapan satu peranan yang baharu bagi Pembantu-pembantu Hospital.

Perkara ini, Tuan Pengerusi, sudah pun dikaji oleh Kementerian dan pada masa ini Kementerian tidak bersetuju supaya nama golongan pegawai ini ditukarkan kepada Pembantu Perubatan ataupun lain-lain, kerana

nama yang digunakan sekarang adalah difikirkan sesuai. Ada beberapa golongan pegawai yang lain yang juga membantu Pegawai-pegawai Perubatan. Bukan sahaja Pembantu Perubatan (Hospital Assistants). Kita sedang mengambil tindakan untuk menentukan satu peranan yang aktif untuk Pembantu-pembantu Hospital ini, khasnya dalam rawatan accident/emergency dan latihan post-basic kepada mereka untuk menjalankan tugas-tugas ini. Saya harap mereka juga dapat bersama-sama golongan pegawai yang lain dapat membantu dalam satu perkhidmatan kesihatan yang lebih cekap dan memuaskan.

Tuan Pengerusi, itulah sahaja dan saya suka mengatakan bahawa beberapa cadangan yang membina yang dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain diambil perhatian. Saya mengucapkan terima kasih kepada semua Yang Berhormat mengambil bahagian.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$856,126,000 untuk Maksud B. 35 di bawah Kementerian Kesihatan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$856,126,000 untuk Maksud B. 35 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$178,342,227 yang disebutkan dalam Maksud P. 35 dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1983 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$178,342,227 untuk Maksud P. 35 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1983.

Maksud B. 36, B. 37, B. 38, B.39, B.40, B. 41, B. 42, B. 43 dan B. 44 (Jadual)—

Maksud P. 36, P. 37, P. 38, P. 41, P. 42 dan P. 43 (Anggaran Pembangunan, 1983)

Tuan Pengerusi: Kepala Perbekalan B. 36 sehingga B. 44 dan Kepala Pembangunan P. 36, 37, 38, P. 41, P. 42 dan P. 43 di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Kota Melaka.

4.49 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Kota Melaka): Tuan Pengerusi, saya ada memberi notis dan sekarang saya mencadangkan satu pindaan yang berbunyi:

“Dengan syarat dikurangkan sebanyak sepuluh ringgit daripada Maksud Bekalan 37 (Polis di Raja Malaysia), Butiran (Kod) 1100 berkait dengan Gaji dan Upahan.”

Tuan Pengerusi, pada 29hb Oktober, 1982 seorang penghuni Thein Teik Estate, di Pulau Pinang, Puan Tan Siew Lee yang berumur 33 tahun terbunuh apabila ditembak di bahagian lehernya oleh pihak Polis dalam satu pergelutan di antara penghuni-penghuni Thean Teik Estate dan pekerja-pekerja pemaju Thean Teik Estate, Perumahan Farlim, ketika pekerja-pekerja berkenaan hendak merobohkan reban ayam salah seorang dari penghuni tersebut. Seorang penghuni lain, Chuah Teoh Huat, yang berdiri jauh dari kejadian tersebut tertembak di bahagian pinggang kira oleh pihak polis.

Selepas peristiwa tembakan-menembak yang dilakukan oleh pihak polis, Ketua Polis Negeri, SAC Haji Zaman Khan telah memberitahu para pemberita bahawa penembakan Puan Tan dan Chuan oleh pihak polis adalah tidak sengaja. Akbar *New*

Straits Times bertarikh 30hb Oktober melaporkan beliau sebagai berkata bahawa seseorang konstabel polis telah diserang oleh seorang semasa perkelahian itu berlaku di antara lebih kurang 100 orang penghuni berkenaan dengan 30 orang pekerja dan beliau berkata dengan izin: He fired three shots at the attacker. All the shots went wide. Unfortunately, two of the shots hit Tan and Chuah who were some distance from the constable.

Tuan Pegerusi, Parlimen hendaklah memandang berat akan kejadian penembakan yang tidak sengaja ataupun kerana panik yang dilakukan oleh pihak poils apabila menghadapi kumpulan orang ramai yang menyebabkan kehilangan nyawa atau kecederaan diri kerana peranan pihak polis ialah untuk melindungi nyawa manusia dan hartabenda dan bukan menjdai ancaman kepada nyawa manusia dan hartabenda dengan kecenderungan mereka untuk menembak secara tidak sengaja atau kerana panik.

Inilah sebabnya mengapa saya mengambil langkah yang serius ini dengan mencadang pemetongan sebanyak \$10 dari peruntukan Belanjawan untuk Pasukan Polis bagi tahun hadapan untuk menggambarkan betapa perlunya diadakan satu ulang kaji yang menyeluruh dalam latihan mengawal kumpulan atau crowd control tranning tanpa pihak polis menjadi ancaman kepada orang ramai sendiri, peranan polis dalam pertikaian persendirian yang melibatkan hartabenda serta menurunkan garis-garis panduan yang wajar dalam mengendalikan kes-kes yang melibatkan penembakan orang ramai oleh pihak polis supaya dapat memulihkan keyakinan orang ramai bahawa pihak berkuasa tidak akan membiarkan jenayah-jenayah yang dilakukan oleh pihak polis ataupun menyapu peristiwa-peristiwa seumpama itu di bawah permaidani.

Pertama, Pasukan Polis hendaklah menjadi pasukan yang berkecuali dan tidak berat sebelah di mana peranan mereka ialah untuk mempertahankan undang-undang dan ketenteraman serta melindungi nyawa manusia dan hartabenda. Pasukan Polis tidaklah boleh dalam apa-apa keadaan sekalipun menyebelahi mana-mana pihak dalam pertikaian persendirian yang melibatkan hartabenda walaupun salah satu daripada pihak yang terlibat itu terdiri dari orang-orang ternama yang mempunyai hubungan dengan pihak politik atasan ataupun mereka dari orang-orang yang kaya-raya. Di sini pihak polis Pulau Pinang telah gagal menyelesaikan pertikaian yang melibatkan Thean Teik Estate yang mana lebih kurang 10,000 orang telah menetap dan mencari nafkah hidup zaman berzaman dengan menanam sayur-sayuran, menternak babi dan ayam menghadapi pengusiran oleh pemaju perumahan yang berkenaan Perumahan Farlim.

Dalam pertikaian yang lama ini di antara penghuni-penghuni Thean Teik Estate dan Perumahan Farlim, pihak polis telah melalui tindak-tanduk mereka memberi alasan yang lebih dari mencukupi kepada penghuni-penghuni berkenaan yang pihak polis menyebelahi Perumahan Farlim, terutama sekali dengan kejadian yang begitu banyak yang melibatkan pihak polis yang campur tangan bagi pihak Perumahan Farlim termasuk peristiwa yang berlaku pada 23 hb Oktober di mana pihak polis telah menembak gas-gas pemedih mata untuk menghalang penghuni-penghuni yang tidak bersenjata itu daripada melindungi hartabenda mereka dari pekerja-pekerja Perumahan Farlim. Malah, pemaju perumahan berkenaan Perumahan Farlim tidak mempunyai apa-apa perintah mahkamah yang membolehkannya memasuki rumah rumah individu di Thean Teik Estate

untuk mengusir penghuni berkenaan serta merobohkan rumah-rumah dan reban-reban ayam mereka.

Kegagalan pihak polis untuk memprojekkan sikap pengecualian dan tidak berat sebelah dalam pertikaian hartabenda persendirian ini serta membuktikan bahawa peranannya adalah untuk melindungi nyawa manusia dan hartabenda mungkin menjadi satu alasan penting mengapa penghuni-penghuni Thean Teik Estate tidak mempercayai pihak polis bahawa telah menjadi talibarut kepada Perumahan Farlim dengan memberikan sokongan back-up kepada pemaju Perumahan Farlim untuk merobohkan rumah dan hartabenda di Thean Teik Estate.

Kini saya beralih kepada isu kedua dalam peristiwa penembakan polis di Thean Teik Estate yang sungguh malang itu, iaitu pada 29 Oktober. Alasan yang diberi oleh pihak polis bahawa penembakan tersebut adalah tidak sengaja tidak boleh diterima sama sekali, kerana tidak bolehlah dibenarkan ruang untuk penembakan tidak sengaja dalam keadaan yang melibatkan police crowd control.

Adalah sesuatu yang tidak kena dengan cara dan teknik yang digunakan oleh pihak polis dalam latihan recruitment di mana Pasukan Polis Malaysia begitu cenderung melakukan penembakan yang tidak sengaja atau kerana panik. Hanya terdapat 100 orang penghuni di Thean Teik Estate pada 29hb Oktober iaitu pada hari yang malang itu. Apakah akan terjadi sekiranya terdapat 1,000 orang atau 10,000 orang? Apakah pihak polis akan membunuh secara massacre, ramai-ramai orang-orang awam kerana pihak polis berpanik dan disebabkan itu melakukan satu orgy penembakan yang tidak sengaja.

Disebabkan terlalu banyak diperkatakan tentang dasar Pandang ke Timur, maka adalah penting untuk

membandingkan cara-cara dan teknik-teknik polis kita dengan cara yang digunakan oleh polis Jepun dalam Crowd control atau menghadapi demonstrasi yang melibatkan berpuluh-puluh ribu orang yang militan. Apakah polis Jepun juga akan melakukan penembakan-penembakan yang tidak sengaja?

Malah essence strategy polis rusuhan Jepun ialah untuk mengurangkan bahaya kecederaan, mendapat sokongan orang ramai serta mengurangkan ancaman yang dihadapi daripada resistors itu. Polis Jepun menggunakan budibicara mereka dengan cara-cara yang paling baik sekali demi mengekalkan sokongan orang ramai. Mereka tidak cepat menangkap sesiapa sekiranya tindakan mereka itu tidak mendapat sokongan orang ramai.

Di Malaysia nampaknya kita membuat yang sebaliknya pula di mana apabila pihak polis menghadapi sekumpulan orang (crowds) atau para penunjuk perasaan, pihak polis bertindak tanpa memperhitungkan perlunya dikurangkan bahaya kecederaan serta melayani sokongan dan pendapat orang ramai dengan hina. Apabila peguam-peguam kita berdemonstrasi terhadap Rang Undang-undang Pertubuhan (Pindaan) tahun lalu, mereka ditangkap dan dihadapkan ke mahkamah. Tetapi apabila pemimpin-pemimpin Pemuda UMNO, MCA dan MIC menganjurkan satu tunjuk perasaan terhadap tujuh orang peguam asing yang melawat Malaysia untuk mengkaji keadaan hak-hak asasi manusia di negara ini pihak polis telah bertindak sebagai traffic warden para penunjuk perasaan berkenaan. Sampai sekarang, tidak ada sebarang percubaan untuk menghormati pendapat umum dengan menunjukkan bahawa Kerajaan tidak akan mengenakan double standards dengan mendakwa peguam-peguam kita yang menunjuk perasaan terhadap Rang

Undang-undang Pertubuhan (Pindaan), sementara pemimpin-pemimpin dan ahli-ahli Pemuda UMNO, MCA dan MIC yang menganjurkan demonstrasi yang haram yang sama itu dilepaskan begitu sahaja.

Berbalik pula kepada contoh yang diamalkan oleh Polis Rusuhan Jepun, adalah perlu untuk memerhatikan bahawa apabila menghadapi demonstrasi-demonstrasi raksaksa para pelajar, polis rusuhan lazimnya menggunakan "shields" yang besar untuk menolak ke belakang para penunjuk perasaan yang menghalang sesuatu kawasan. Maka disebabkan mereka menggunakan shields yang besar, mereka tidaklah ditimpa barang-barang yang dilontarkan ke atas mereka dan juga tidaklah bertindak semata-mata kerana cemas dan takut. Dengan cara yang sistematik, mereka menghuraikan mereka yang menghalang sesuatu kawasan.

Di Negeri Jepun, oleh kerana kawalan tegas dikenakan ke atas senjatapi kerana pihak polis adalah dilatih dengan handal dalam cara hand-to-hand combat kerana mereka selalunya mengumpulkan begitu ramai anggota polis untuk menghadapi para penunjuk perasaan, pihak polis tidak berkemungkinan untuk menyerang mana-mana suspect atau penunjuk perasaan semata-mata kerana takut dan cemas.

Berbanding pula dengan Malaysia di mana walaupun kawalan ketat dikenakan ke atas senjatapi, pihak polis juga nampaknya begitu takut dengan orang ramai terutama sekali crowds dan disebabkan pihak polis mendapati tidaklah penting untuk mendapatkan sokongan orang ramai atas tindakan mereka, maka terdapatlah kecenderungan yang lebih dalam erikata fear responses dalam keadaan-keadaan yang melibatkan kumpulan crowds, yang menyebabkan

reaksi-reaksi berpanik seperti penembakan kerana panik atau tidak sengaja.

Di Malaysia pula, pihak polis telah menjadi asing kepada keadaan ramai (crowd situations). Rapat-rapat umum telah diharamkan sejak tahun 1974 atas sebab-sebab politik dan crowds yang Pasukan Polis menghadapi hanya crowds yang sangat timid

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, sila tumpukan percakapan kepada apa yang berlaku sahaja di Thean Teik Estate. Bukan menyentuh atas dasar pada amnya.

Tuan Lim Kit Siang: Saya sebut dalam dasar am kerana training (latihan) polis, itulah dasar-dasar

Tuan Pengerusi: Ini sudah jadi dasar, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Bukan dasar polis, dasar training. Tentu kita mesti bersangkutan. Dan Pasukan Polis yang menghadapi hanya crowd yang timid yang berbaris untuk menyambut dan mengalu-alukan kedatangan Menteri-menteri.

Polis tidak sepatutnya takut dengan rakyat dan sebaliknya menggalakkan penghormatan dan muhibbah dua hala. Peristiwa penembakan secara tidak sengaja di Thean Teik Estate menunjukkan betapa perlunya diadakan overhaul yang menyeluruh dalam teknik-teknik dan cara-cara yang digunakan dalam latihan polis supaya pihak polis tidak akan takut dengan crowds dan rakyat dan dalam perkara-perkara yang melibatkan pengawalan demonstrasi atau kumpulan ramai, penembakan-penembakan yang tidak sengaja atau kerana panik tidak wujud sama sekali dalam kamus polis.

Sebenarnya tidak ada sebab mengapa pihak polis harus lengkapi dengan senjata-senjata yang lethal

pada hari Oktober 29 itu. Apa yang mereka harus mempunyai ialah water cannons atau menggunakan peluru-peluru getah. Inilah sebabnya mengapa peristiwa tersebut betapa perlunya falsafah latihan polis pada keseluruhannya dikaji semula.

Saya dengan ini menggesa pihak-pihak berkuasa dalam pasukan Polis supaya mengkaji semula seluruh falsafah Polis untuk memastikan bahawa pengesanan mereka bergantung kepada disiplin sendiri pihak Polis, profesionalisma Polis yang lebih baik yang tidak akan membenarkan ruang untuk berlakunya penambahan "tidak sengaja" atau kerana "panik dan juga pihak Polis hendaklah pandang berat untuk menerima sokongan orang awam terhadap tindakan-tindakan itu.

Sekarang saya beralih kepada isu ketiga dalam peristiwa penembakan di Thean Teik Estate. Pada mulanya, Ketua Polis Negeri, Pulau Pinang, telah mengumumkan bahawa Polis Pulau Pinang akan menjalankan suatu siasatan ke dalam peristiwa penembakan di Than Teik Estate. Ini pasti akan dipandang hina oleh orang ramai kerana ia seolah-olah bermakna si tuduh itu menjalankan siasatan ke dalam kesnya sendiri. Sungguhpun Ibu Pejabat Polis di Bukit Aman telah mengambilalih siasatan tersebut, orang awam mengesyaki bahawa tidak akan berlakunya suatu siasatan yang berkecuali dan menyeluruh dan syak ini tidaklah boleh tidak diindahkan kerana apa yang berlaku sekarang ialah pihak Polis sedang memainkan berbagai peranan sebagai Hakim, Pembela dan Pendakwa.

Mengapakah pihak Polis begitu takut untuk mengadakan suatu siasatan yang berkecuali dan tidak berat sebelah ke dalam peristiwa di Thean Teik Estate yang mana siasatan tersebut akan dijalankan oleh orang-orang yang tidak bersangkutan dengan pihak Polis. Siasatan

seumpama itu akan menyebabkan kredibiliti yang lebih kepada pasukan Polis daripada siasatan yang dijalankan sendiri oleh pihak Polis.

Saya menyeru Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri supaya menimbang merangka satu garis panduan yang baru dalam mengadakan siasatan-siasatan ke dalam kematian atau kecederaan yang disebabkan oleh pihak Polis sendiri, baik pun ianya dilakukan dengan sengaja atau tidak supaya siasatan-siasatan seumpama itu akan dapat keyakinan orang ramai berhubung dengan impartialitynya, dan ini hanya boleh dilakukan kiranya siasatan-siasatan seumpama itu dijalankan oleh orang-orang yang tidak bersangkutan dengan pasukan Polis itu.

Kedua, apabila pihak Polis telah menembak dan membunuh dengan tidak sengaja seorang awam yang tidak bersalah, seperti diakui oleh Ketua Polis Negeri Pulau Pinang berkait dengan pembunuhan Puan Tan Siew Lee, maka Kerajaan hendaklah bersedia membayar pampasan ex-gratia dengan serta merta kepada mangsa-mangsa keluarga yang terlibat dan Kerajaan tidaklah seharusnya stand on legal formalities yang menghalang pembayaran seumpama itu.

Adakah Kerajaan sedia membayar bayaran ex-gratia sebagai pampasan kepada keluarga Puan Tan Siew Lee tanpa mengikatkan Kerajaan dalam mana-mana liability dari segi undang-undang sebagai satu petanda ikhlas Kerajaan yang mengesalkan penembakan yang "tidak sengaja" itu?

Saya telah membangkitkan perkara ini dengan cara memotong \$10 dari peruntukan bagi pasukan Polis bukan kerana saya tidak menghargai kerja penting yang dijalankan oleh pasukan Polis dalam memelihara ketenteraman

awam serta mempertahankan undang-undang tetapi kerana di mana berlaku begitu banyak infractions atau percanggahan undang-undang iaitu oleh pihak Polis, peristiwa-peristiwa hendaklah digambarkan supaya ia dapat diperbaiki dan keyakinan orang ramai dalam pasukan Polis kita akan bertambah.

Sesiapa yang ingin memutarbelitkan tujuan saya ini adalah orang-orang yang saya boleh sifatkan fools and knaves dan saya tidak berhajat untuk menghabiskan masa ke atas mereka walaupun mereka berbuat demikian selepas ucapan saya ini.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya sekarang ini atas usul yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka berbunyi "Dengan syarat dikurangkan sebanyak sepuluh ringgit daripada Maksud Bekalan 37 Polis Di raja Malaysia, Butiran (Kod) 1100 berkaitan dengan Gaji dan Upah", terbuka untuk dibahas. Saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh. Ini tidak perlu penyokong di bawah peringkat Jawatankuasa.

5.14 ptg.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed (Pasir Puteh): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menentang dengan sekeras-kerasnya cadangan yang dibawa oleh wakil dari Kota Melaka untuk memotong \$10 daripada peruntukan Polis Diraja Malaysia. Sebenarnya, selama yang kita tahu dan kita lihat bahawa perkhidmatan Polis adalah perkhidmatan yang cemerlang dan sekiranya tanpa Polis negara kita telah pun menjadi huru-hara dan saya rasa Parlimen dan juga Pembangkang tidak akan berada di dalam Dewan ini.

Kalau sekiranya pihak wakil Kota Melaka menuduh Polis merupakan talibarut kepada tokeh, maka tidak

salah bagi saya menuduh DAP merupakan talibarut kepada pengkhianat.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, saya minta satu ruling, dia sebut perkataan "pengkhianat" boleh digunakan, sama ada parliamentary atau tidak parliamentary?

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, sila jangan gunakan perkataan itu lagi.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Tuan Pengerusi

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, saya mahu satu ruling mengenai perkataan "pengkhianat" sama ada parliamentary atau tidak parliamentary. Dan kalau tidak parliamentary, saya meminta bahawa Wakil Pasir Puteh tarik balik perkataan "pengkhianat". Kalau "pengkhianat" boleh digunakan, saya sebut dia sebagai pengkhianat yang terbesar, yang maha besar. Saya minta satu rulling bolehkah "pengkhianat" digunakan atau tidak boleh digunakan?

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka juga telah menggunakan perkataan "pengkhianat".

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, saya mahu tahu satu ruling, bolehkah atau tak boleh. Kalau boleh saya sebut tuduh dia pengkhianat maha besar.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, pada pendapat saya perkataan "pengkhianat" itu tidak parliamentary. Oleh kerana itu, saya mintalah kedua-dua Ahli Yang Berhormat menarik balik perkataan itu.

Tuan Lim Kit Siang: Kalau saya ada kata unparliamentary, saya tarik balik, tetapi saya mahu dia tarik balik.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat—
Kepada Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad) sila tarik balik.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Saya minta Wakil dari Kota Melaka tarik balik perkataan “binatang” yang digunakan dalam Dewan ini. Kalau tidak, saya tidak akan tarik balik perkataan “pengkhianat” itu. *(Tepuk)*.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, saya mahu tahu satu ruling perkataan “pengkhianat” itu sama ada dia mahu tarik balik atau tidak mahu tarik balik. Kalau dia tidak mahu tarik balik, saya minta Tuan Pengerusi menggunakan kuasa tatatertib, halau dia daripada Dewan ini *(Tepuk)*.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Ini adalah merupakan suatu yang disyaratkan, tetapi saya beri syarat, saya akan tarik balik perkataan “pengkhianat” jika sekiranya Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka menarik balik perkataan “binatang” yang digunakan dalam Dewan ini.

Tuan Lim Kit Siang: dia tidak layak membuat syarat. Saya mahu dia tarik balik.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, sila duduk! Ahli Yang Berhormat dari Pasir Putih, saya minta tarik balik perkataan “pengkhianat”.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Tuan Pengerusi, jadi tadi dia tarik balik, dan untuk sementara waktu saya tarik balik, kerana perkataan itu bukan saya tujukan kepada sesiapa dalam Dewan ini, tetapi perkataan “binatang” dia kena tarik balik juga.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, saya minta satu tarik balik tidak bersyarat.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, tarik balik perkataan itu!

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Saya tarik balik, Tuan Pengerusi. Tetapi ini adalah merupakan talibarut yang dia menuduh kepada Polis, tetapi DAP merupakan talibarut kepada peneroka tanah-tanah haram dan orang-orang yang telah melanggar peraturan dan undang-undang dalam negara ini yang saya anggapkan sebagai pengkhianat. Tuan Pengerusi, kita tahu perkhidmatan Polis yang begitu cemerlang dan juga apa yang berlaku; yang disebutkan tadi adalah merupakan suatu yang tidak boleh kita merupakan suatu yang tidak boleh kita menilaikan Polis secara keseluruhannya. Jadi apa yang merupakan insiden yang kita anggapkan perkara ini di dalam siasatan Polis dan perkara itu di bawah satu penyiasatan dan orang yang terlibat sudah tentu tidak akan terlepas daripada peraturan dan undang-undang yang ada. Apakah sebabnya kita begitu gelojoh menuduh talibarut dan sebagainya seolah-olah dalam negara ini perkhidmatan Polis tidak dinilai langsung. Inilah suatu tuduhan yang tidak bertanggungjawab daripada orang yang kita anggap berfikiran waras tetapi tidak sewaras sebagaimana yang dikehendaki.

Tuan Pengerusi, jangan kita menuduh sesuatu itu dengan tuduhan membuat-tuduh kerana sesuatu itu kalau kita tuduh dengan membuat-tuduh sudah tentu sesuatu itu akan seolah-olah kita membuat suatu perkara yang tidak baik, yang tidak sepatutnya dilakukan oleh seorang yang berpengetahuan. Kita juga jangan mendengar berita-berita atau terus menerima apa-apa laporan itu boleh dibuat; tetapi kita orang beritahu dan sebagainya. Semua laporan itu boleh dibuat, tetapi kita hendaklah tahu bahawa perkara ini pihak Polis akan menyiasat. Jadi apakah perlunya kita hendak menjatuhkan imej satu Jabatan Polis yang selama ini telah berkhidmat dengan begitu setia dan telah memberi

segala kebaikan dan nikmat yang kita dapat hidup dengan aman sekarang ini? Jadi kalau kita menuduh yang bukan-bukan seperti itu, saya rasa ini adalah tuduhan daripada orang yang tidak bertanggungjawab.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu, saya suka juga hendak menyatakan bahawa cara yang dibuat oleh Pembangkang dan membawa usul seperti ini adalah seolah-olah mereka itu hendak mencari publisiti murah, kerana dengan membawa usul seperti ini, seolah-olah mereka ini akan disanjung dan seolah-olah mereka ini membela kepada orang yang telah melakukan sesuatu kesalahan dalam undang-undang negara ini. Dan kita tahu banyak peneroka-peneroka tanah-tanah haram, banyak orang-orang yang melanggar peraturan dan undang-undang dan banyak orang yang telah melakukan jenayah.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, tumpukan kepada perkara asal, jangan keluar daripada ini.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: ya, saya tumpu ini. (*Ketawa*). Tuan Pengerusi, minta maaf. Saya tumpu ini kerana yang disebut tadi terlampau menyeluruh, disebut semua Polis, seolah-olah Polis ini tidak ada yang baik. Jadi seolah-olah tidak menghargai langsung perkhidmatan yang dijalankan oleh Polis selama ini. Jadi apa yang

Tuan Lim Kit Siang: On a point of order.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, on a point of order.

Tuan Lim Kit Siang: On a point of order, di bawah Peraturan Mesyuarat 36 (6) bahawa tidak boleh impute improper motive. Yang Berhormat ada impute improper motives—mengatakan bahawa saya mahu

mendapat cheap publicity—sebenarnya dia sendiri mahu—dan saya bercakap bahawa semua Polis tidak baik, tetapi di akhir ucapan saya, saya ada mengatakan saya menghargai kerja Polis, tetapi di mana ada salah, patutlah Parlimen ambil perhatian dan janganlah memutarbelitkan.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Tuan Pengerusi, wakil Kota Melaka telah memutarbelitkan kenyataan

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, sila duduk! Saya ingat apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Pasir Puteh mengenai publisiti ini tidak bersangkutan dengan improper motives. Yang Berhormat, sila menyambung.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Terima kasih, Tuan Pengerusi, cuma dia hendak menghalang saya bercakap.

Tuan Pengerusi, sebenarnya, apa yang dibuat oleh Polis selama ini telah tidak dihargai, walaupun apa yang berlaku ini benar, tetapi itu merupakan sebab nila setitik rosak susu sebelanga. Jadi kalau inilah tuduhan-tuduhan yang dibuat adalah merupakan satu pendapat atau pemikiran yang paling rendah, yang tidak boleh dinilai, yang tidak sepatutnya dikeluarkan begitu gelojoh di dalam Dewan ini, seolah-olah sesuatu itu tidak dinilai langsung.

Jadi dengan ini, saya menentang sekeras-kerasnya apa yang di bangkitkan oleh pihak Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka yang mengatakan bahawa Polis ini merupakan talibarut kepada taukeh-taukeh, tetapi DAP adalah merupakan talibarut kepada orang-orang yang melanggar undang-undang dan peraturan di dalam negara ini.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Matang.

5.25 ptg.

Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid (Matang): Tuan Pengerusi, saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana telah memberi peluang kepada saya untuk berucap dan membahaskan peruntukan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, sekarang kita sedang berbahas di atas usul yang dibawa oleh Ahli dari Kota Melaka.

Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid: Memotong \$10, maafkan saya. Tuan Pengerusi, dalam masalah apa yang dibangkitakan oleh Ketua Pembangkang untuk memotong \$10 itu saya menentang sekeras-kerasnya oleh kerana apa yang diperkatakan oleh wakil dari Pasir Puteh tadi memang benar, kerana dalam kehidupan kita seharian, kita patut bersyukur ke hkadrat Allah s.w.t. kerana dengan berkat kerjasama daripada anggota-anggota Polis inilah maka pada hari ini sama ada di peringkat atas sampai ke peringkat bawah dapat kita hidup dalam aman dan bahagia.

Jadi dalam masalah ini, saya menentang sekeras-kerasnya pemotongan \$10 yang dicadangkan oleh wakil dari Kota Melaka tadi. Sekian, terima kasih.

5.27 ptg.

Tuan Gooi Hock Seng (Bukit Bendera): Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong usul dari Ketua Pembangkang dan Ahli dari Kota Melaka, bahawa Dewan ini memotong sebanyak \$10 dari peruntukan untuk Pasukan Polis Di Raja Malaysia, dalam Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Saya menyokong kerana kepercayaan dan keyakinan orang ramai terhadap Pasukan Polis Di Raja

Malaysia seluruh negara telah lumpuh dan hilang sama sekali. Hilangnya kepercayaan orang ramai terhadap Pasukan Polis Di Raja terutamanya berlaku di negeri Pulau Pinang dan kehilangan keyakinan orang ramai kepada Pasukan Polis Pulau Pinang bukanlah tanpa bersebab ataupun ianya tidak disangka. Semasa beberapa minggu di Pulau Pinang pihak Polis dalam beberapa incident telah menunjukkan sikap tidak menghormati undang-undang yang mana sepatutnya mereka mengawasi orang supaya mengikuti dan menghormati undang-undang. Pasukan Polis Pulau Pinang telah dalam beberapa peristiwa menyalahgunakan kuasa-kuasa yang telah diamanahkan kepada mereka dengan melakukan tindakan-tindakan yang kejam dan tidak berperikemanusiaan. Salah satu dari peristiwa yang amat dikesalkan ialah incident di mana seorang suri rumahtangga yang tidak berdosa telah terbunuh oleh anggota Polis di kawasan Thean Teik Estate pada 29hb yang lalu. Peristiwa ini amat dikesalkan kerana kematian suri rumahtangga tersebut mungkin tidak berlaku jika sekiranya pihak Pasukan Polis mengambil tindakan yang waspada dan fikiran yang waras dalam mengendalikan partikaian antara penduduk-penduduk Thean Teik Estate dan Pemaju Perumahan Farlim Sdn Bhd Pihak Polis sepatutnya sedar selepas peristiwa buruk pada 23hb yang lalu di mana Polis telah menembak gas pemedih mata ke arah demonstrasi aman oleh penghuni Thean Teik Estate. Terdahulu dari itu pihak Polis seharusnya sedar bahawa keadaan emosi yang tinggi di kawasan tersebut dan pihak Polis sepatutnya mengarahkan pemaju perumahan tersebut menghentikan kerja-kerja pembinaan pada ketika itu. Pihak Polis yang sepatutnya mengambil langkah berjaga-jaga dan berwaspada sebaliknya telah mengambil tindakan dengan menghantar pada 20hb lalu sekumpulan lebih kurang 50 orang

anggota Polis bersenjata ke Thean Teik Estate, mendedahkan kepada pergaduhan dengan penduduk-penduduk Thean Teik Estate. Pihak Polis seolah-olah datang ke kawasan Thean Teik Estate dengan tujuan untuk memberi satu pengajaran yang tidak akan dilupakan oleh penduduk-penduduk Thean Teik Estate.

Hasrat dan tujuan untuk memberi pengajaran secara membabi buta kepada penduduk Thean Teik Estate itu telah mengakibatkan kehilangan satu nyawa yang tidak berdosa. Pembunuhan kejam ke atas suri rumahtangga Puan Tan Siew Lee itu tidak akan dilupakan dan dimaafkan oleh rakyat Pulau Pinang dan akan terus menjadi satu tanda hitam dalam sejarah Pasukan Polis Pulau Pinang.

Tuan Pengerusi, tidak sampai sehari selepas kejadian tembak menembak di Thean Teik Estate pihak Polis sekali lagi melakukan satu tindakan melanggar undang-undang terhadap dua orang awam. Pada hari Jumaat, 20hb November di Jalan Ong Yiew How di Butterworth dua orang mata-mata memandu kereta ronda Polis, bernombor WY 2030, tanpa usul periksa dan sebarang sebab melanggar sebuah motosikal yang dipandu oleh seorang yang bernama Yong Teik Yeng dengan membawa seorang pembonceng Lim Chin Huat semasa mereka mulai perlahan apabila mendengar bunyi hon kereta peronda Polis tersebut. Kedua-dua mereka, pemandu dan juga pembonceng motosikal tersebut tidak melakukan sebarang kesalahan ataupun cuba lari dari undang-undang semasa motosikal yang mereka tunggangi itu dilanggar oleh kereta Polis tersebut, nasib baik bagi penunggang dan pembonceng motosikal tersebut mereka tidak mendapat sebarang kecederaan yang serius. Kerana kelakuan kedua-dua anggota Polis tersebut boleh menyebabkan terbunuh seorang atau kedua-dua mereka. Tindakan kedua-dua anggota Polis tersebut

menunjukkan mereka tidak menghargai dan menghormati nyawa dan keselamatan orang ramai. Kelakuan yang langsung tidak menunjukkan tata tertib dan disiplin ini mestilah dikecam sekeras-kerasnya.

Tuan Pengerusi, lebih kurang seminggu selepas kejadian di Butterworth itu, Polis Bukit Mertajam dalam satu incident pula, menunjukkan bahawa undang-undang telah diketepikan di mana seorang bapa dan anak perempuannya telah dipukul dengan kejam oleh seorang pegawai Polis di dalam kawasan rumah mereka sendiri tanpa sebarang sebab. Pada 7hb

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, sila tumpu kepada peristiwa yang berlaku pada hari itu, bukan apa yang mengikuti selepas peristiwa di Thean Teik Estate.

Tuan Gooi Hock Seng: Ini ada lagi satu insiden.

Tuan Pengerusi: Tetapi itu selepas peristiwa pada hari itu.

Tuan Gooi Hock Seng: Berkenaan dengan Polis, kelakuan Polis.

Tuan Pengerusi: Hari yang sama?

Tuan Gooi Hock Seng: Tidak, 7hb November.

Tuan Pengerusi: Ini tidak berkait dengan peristiwa asal yang berlaku pada hari yang berkenaan, Yang Berhormat, oleh kerana usul yang dibawa oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka adalah menuju kepada peristiwa yang berlaku pada hari itu.

Tuan Gooi Hock Seng: Saya faham, Tuan Pengerusi. Keadaan di Thean Teik Estate ialah satu insiden dan saya akan membangkitkan lepas

Tuan Pengerusi: Memang benar tetapi apa yang berlaku selepas peristiwa asal itu tidak berkait dengan apa yang dibawa dalam usul ini, Yang Berhormat.

Tuan Gooi Hock Seng: Usulnya, Tuan Pengerusi, berkenaan memotong \$10, bukan Thean Teik Estate sahaja.

Tuan Pengerusi: Tetapi usul semacam Yang Berhormat itu adalah berkaitan dengan apa yang berlaku pada hari itu.

Tuan Gooi Hock Seng: Bukan sahaja pada hari itu, Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka bangkitkan

Tuan Pengerusi: Oleh kerana ini adalah satu perbahasan atas satu usul

Tuan Daud bin Haji Taha: (*Bangun*).

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, apa itu?

Tuan Daud bin Dato' Haji Taha: Tuan Pengerusi, Tertib Mesyuarat 42,

“Sekiranya Tuan Speaker berucap hendaklah Ahli Yang Berhormat duduk”.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, seberapa yang boleh meringkaskan, hanya menyentuh apa yang ada menyentuh secara langsung kepada peristiwa yang berlaku pada hari itu sahaja, jangan membawa kisah-kisah yang baru walaupun kisah-kisah yang baru ini berlaku di Thean Teik Estate, mungkin besok pun berlaku peristiwa yang baru, minggu depan, bila kita mahu habis?

Tuan Gooi Hock Seng: Tuan Pengerusi, dengan izin, ya memang, saya tadi bukan merujuk kepada perkara yang bukan jadi lagi tetapi semua perkara yang tersebut sudah jadi, oleh sebab itu saya menyokong usul Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka.

Tuan Pengerusi: Menyokong boleh, Yang Berhormat.

Tuan Gooi Hock Seng: Bolehkah saya teruskan?

Tuan Pengerusi: Hendak menyambung lagi? Ini kisah apa sekarang (*Ketawa*), kisah baru atau kisah yang ada berkait dengan secara langsung kepada perkara yang berlaku pada hari itu—tidak!

Yang Berhormat dari Rantau Panjang.

5.33 *ptg*.

Tuan Hassan bin Haji Mohamed (Rantau Panjang): Tuan Pengerusi, oleh sebab saya juga daripada pihak Pembangkang, tetapi dalam masalah cadangan yang dikemukakan oleh Ketua Parti Pembangkang, rasa saya adalah wajar saya memberi pendapat dalam masalah cadangan ini. Walaupun cadangan itu berupa potongan \$10 sahaja terhadap peruntukan Polis tetapi ini merupakan satu simbol untuk menyatakan rasa ketidakpersetujuan pihak Pembangkang terhadap kejadian yang berlaku di Pulau Pinang tidak lama dahulu, tetapi Polis bukanlah malaikat yang tidak melakukan kesalahan dan kesilapan.

Sungguhpun begitu, saya menganggap apa yang berlaku di Pulau Pinang itu hanya sebagai satu insiden, satu kejadian malang yang menyedihkan yang saya rasa bukan menjadi niat pihak Polis hendak melakukan penganiayaan kepada rakyat dan apa lagi pula negara kita sendiri sebagai negara undang-undang, negara hukum, maka peristiwa malang itu dalam penyiasatan pihak Polis. Sebab itu walaupun saya datang daripada pihak Pembangkang, saya tidak bersama dengan Ketua Pembangkang dalam masalah ini (*Tepuk*).

Tuan Pengerusi: Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab.

5.35 ptg.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed): Tuan Pengerusi, terlebih dahulu izinkan saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh, Matang dan juga Rantau Panjang yang mana telah menzahirkan penentangan mereka terhadap usul yang dibawa oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka sekejap tadi.

Sukalah saya menyatakan bahawa dalam soal penembakan di Thean Teik Estate ini, pihak Polis sedang menjalankan siasatan terhadap penembakan itu. Memang telah menjadi tugas Polis menyasat bila berlakunya sesuatu perbuatan yang boleh dianggap sebagai kesalahan jenayah atau jika sesuatu kematian mengejut berlaku. Selepas siasatan itu kertas siasatan yang berkenaan akan dikemukakan kepada Timbalan Pendakwa Raya untuk memutuskan sama ada seseorang itu patut didakwa atas apa-apa kesalahan. Sebaliknya, jikalau tiada mungkin satu inquest akan diadakan untuk menentukan sebab-sebab kematian dan juga untuk mengesahkan penjenayah yang berkenaan. Setakat ini pihak Polis dan saya sendiri tidak dapat memberi maklumat-maklumat yang mendalam atas penembakan itu sehingga siasatan yang sekarang ini dijalankan oleh Pegawai-pegawai Polis daripada Ibu Pejabat Bukit Aman tamat atau selesai. Jika saya membuat apa-apa teguran ataupun kenyataan, berkemungkinan juga kenyataan itu dianggap sebagai bertentangan dengan prinsip *sub judice*. Apa-apa kenyataan dibuat oleh saya mungkin akan prejudice siasatan Polis dan juga apa-apa perbicaraan mahkamah, sama ada kes jenayah atau sivil kelak.

Tuan Pengerusi, dalam kejadian seperti ini hanya pihak Polis sahaja boleh menjalankan siasatan kerana

merekalah sebagai pegawai-pegawai yang mempunyai kuasa dan kelayakan untuk menyasatnya.

Tuan Pengerusi, sukalah saya nyatakan di sini pepatah Melayu: seberat-berat mata memandang, berat lagi bahu memikul. Pihak Polis bertanggungjawab untuk menjaga keselamatan seluruh rakyat di Malaysia ini, lebih-lebih lagi rakyat yang mematuhi undang-undang negara. Tugas ini dikendalikan siang malam tanpa menghirau penat-lelah dengan penuh kegigihan, cermat dan berhati-hati. Tiap-tiap seorang anggota Polis ada mempunyai aturan-aturan tertentu sebagai pelaksanaan tugas masing-masing. Kerap kali benar kursus-kursus, seminar-seminar dan perjumpaan-perjumpaan yang lain-lain yang dianjurkan bagi menambahkan lagi kecekapan dan menyedari mereka akan tanggungjawab mereka terhadap negara. Para-para Menteri, Ketua Polis Negara dan Pegawai-pegawai Polis Kanan yang lain tidak berhenti-henti memberi nasihat, ingatan dan amaran semoga anggota-anggota Polis menjalankan tugas dengan secepat-cekapnya.

Sekarang, Tuan Pengerusi, semua anggota Polis diarah menyelenggarakan tugas dengan berasaskan cogan kata 2M, iaitu bersih, cekap dan amanah. Pada hari ini juga para-para Menteri dan Ketua Polis Negara, juga Pegawai-pegawai Kanan Polis yang lain menekankan soal-soal profesionalisme. Mengenai masalah ini tiap-tiap seorang Polis yang lebih senior bertanggungjawab untuk mengajar dan menegur kesalahan-kesalahan yang telah dilakukan oleh anggota-anggota Polis yang junior secara "on the spot".

Tuan Pengerusi, saya suka mengingatkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka dan juga dari Bukit Bendera supaya mereka berdua meletakkan kepentingan

negara di atas lain-lain kepentingan (*Tepuk*). Orang yang benar-benar cintakan negara ini sudah sewajarnya akan memberi priority kepada kepentingan negara, lebih-lebih lagi kalau difikir bagaimana rumitnya soal-soal yang berhubung dengan keselamatan negara dan ketenteraman awam.

Sebagai negara yang sedang membangun seperti Malaysia ini yang rakyatnya benar-benar dahagakan pembangunan, suatu langkah yang lebih menasabah perlu diambil oleh tiap-tiap rakyat dalam negara ini walau apapun anutan parti politiknya. Mereka hendaklah memainkan peranan masing-masing untuk memelihara keselamatan negara dan ketenteraman awam.

Tuan Pengerusi, oleh yang demikian saya sukalah sarankan bahawa pemotongan \$10 ini memang tidak perlu dan tidak menasabah.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul atas nama Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang iaitu:

“Dengan syarat dikurangkan sebanyak sepuluh ringgit daripada Maksud Bekalan 37 (Polis Diraja Malaysia), Butiran (Kod) 1100 berkait dengan Gaji dan Upahan”,

disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujui.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Jawatankuasa sekarang menyambung semula pertimbangan atas Kepala Bekalan B. 36 hingga B. 44 dan Anggaran Pembangunan di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Ahli Yang Berhormat dari Jerai.

5.41 ptg.

Tuan Ismail bin Arshad (Jerai): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh berkenaan dengan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri di bawah Maksud B. 36, Butiran 1100 di bawah Program (4) Tapisan Filem dan Penerbitan.

Tuan Pengerusi, tujuan utama tentang Program ini ialah untuk menapis filem-filem dan penerbitan-penerbitan. Daripada belanjawan yang diminta pada tahun ini nampaknya pertambahan berlebihan daripada tahun 1982 dan dengan ini saya yakin bahawa program dan prestasi di bawah perkara ini akan dapat berjalan dengan lebih baik daripada apa yang telah berlaku selama ini. Di dalam aktiviti-aktiviti yang akan dijalankan oleh Penapisan Filem dan Penerbitan ini, terdapatlah beberapa kegiatan-kegiatan yang dapat dibahagikan kepada 4 pecahan:

- (1) Penapisan filem dan video;
- (2) Penapisan bahan-bahan publisiti filem;
- (3) Penguatkuasaan undang-undang Akta Filem (Wayang Gambar dan Penapisan), tahun 1952; dan
- (4) Pendakwaan.

Apa yang menarik perhatian saya di dalam tugas dan fungsi Penapisan Filem dan Penerbitan ini ialah tentang beberapa keadaan yang begitu ketara sekarang ini terutama sekali dengan melimpah-limpahnya pengedaran video-video yang mana keadaan ini sudah pastilah merupakan sebagai suatu peringkat komunikasi yang akan membawa kepada berbagai-bagai gejala buruk terhadap negara ini. Ianya juga akan menyentuh di bidang mentality, di bidang moral dan di bidang-bidang yang lain yang tidak membawa kebaikan kepada negara seandainya pihak Penapisan Filem tidak begitu berhati-hati dan

mengawal dengan sepenuh-penuhnya terhadap perkembangan dan pengimportan berbagai-bagai bentuk video dan filem-filem ke negara kita.

Sekarang ini terdapat pusat-pusat video terutama sekali di bandar-bandar besar seperti Kuala Lumpur ini dan juga terdapatnya pengedaran filem-filem video ataupun video tapes yang tidak terkawal dan ada setengah daripada setengahnya yang diseludup masuk ke dalam negara ini. Di hotel-hotel juga terdapat televisyen dan video yang banyak gambar-gambarnya tidak seharusnya ditayang tetapi telah berleluasa ditayangkan dan ini membuktikan bahawa pihak Penapisan Filem sudah tidak dapat mengikuti ataupun mengesan filem-filem yang tidak sepatutnya ditayangkan ataupun dimasukkan ke negara ini telahpun ada di merata-rata tempat.

Saya tidak tahulah sejauh manakah penguatkuasaan undang-undang di bawah Akta Filem (Wayang Gambar dan Penapisan) tahun 1952 ini dapat dikuatkuasakan. Mungkin penguatkuasaannya ada, tetapi sejauh manakah tindakan untuk mengesan kerana kalau tidak dapat mengesan dengan sepenuhnya maka berertilah penguatkuasaan di bawah Akta ini tidak dapat diambil sebarang tindakan pendakwaan sepertimana salah satu fungsi di bawah tugas-tugas Penapisan Filem ini.

Satu lagi perkara yang amat menakutkan kita di negara kita ini ialah seperti yang telah saya sebutkan semasa perbahasan dasar Belanjawan ini dahulu iaitu tentang peranan komunikasi menerusi media-media ataupun filem-filem. Peranan komunikasi yang berlangsung menerusi media-media ataupun filem-filem ataupun penerbitan-penerbitan sekiranya tidak dikawal, ianya banyak membawa gejala-gejala mempe-

ngaruhi keadaan-keadaan yang kelak akan dapat membawa satu kesan yang tidak baik terhadap perkembangan masyarakat di negara kita ini dan ini haruslah diberi perhatian yang seriusnya. Kalau sekiranya ini tidak diambil perhatian yang seriusnya bererti tidak berertilah segala pengawasan yang menjadi harapan untuk membawa satu ketenteraman dan keamanan negara pada keseluruhannya.

Perkembangan di bidang penerbitan juga haruslah mendapat perhatian yang serius kerana kadangkala penerbit-penerbit menerbitkan sesuatu rencana yang kadang-kadang tidak menguntungkan kepentingan perpaduan, kepentingan keselamatan negara dan ini banyak bersangkutan dengan soal-soal semasa sungguhpun keadaan-keadaan soal semasa itu perlu dihebahkan kepada umum tetapi di segi keselamatan adalah tidak menguntungkan. Saya berharap sangat kepada pihak Penapisan Filem dan Penerbitan ini mengambil perhatian serius agar ianya dapat memberi kesan kepada matlamat yang sebenarnya.

Selain daripada itu, suka juga saya hendak menyentuh di sini, iaitu sekiranya terdapat keadaan-keadaan atau gejala-gejala yang begitu meluas dengan adanya filem-filem yang dibawa masuk ataupun daripada video tapes yang dibawa masuk dan juga penerbitan-penerbitan yang masuk ke dalam negara kita ini yang mungkin membawa suatu gejala yang tidak baik dan selama ini tidak dapat dikawal, maka seharusnya bagi pihak Penapisan Filem dan Penerbitan dan di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri ini sendiri mengambil tindakan untuk dapat melantik suatu badan yang khusus hanya merupakan sebagai satu badan tunggal di dalam pengedaran dan pengimportan filem-filem ataupun penerbitan-penerbitan luar.

Misalnya, kita mempunyai Filem Negara yang berada di bawah Kementerian Penerangan dan kalau perlu bolehlah pihak Penapisan Filem dan Penerbitan ini memikirkan apakah perlu mewujudkan Filem Negara itu sebagai suatu agensi tunggal di dalam pengedaran dan mengambil peranan tentang masalah penerbitan filem-filem dan video tapes ini. Harapan saya ialah untuk dapat membawa satu kawalan yang lebih terjamin dan menjamin bahawa Penapisan Filem dan Penerbitan ini juga membawa kesan yang menyeluruh. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Lumut.

5.50 ptg.

Tuan Ng Cheng Kuai (Lumut): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk berucap tentang Maksud Bekalan 38—Jabatan Imigeresen.

Tuan Pengerusi, setiap pasport antarabangsa keluaran Jabatan Imigeresen Malaysia bersyarat dan menghadkan pemegangnya melawat antara lain Albania, China, Cuba, German Democratic Republic (German Timur) Korea Utara dan Vietnam.

Memanglah ada betulnya bagi Jabatan Imigeresen menyekat warganegara Malaysia dari mendekati dan melawat negeri-negeri Komunis. Nampaknya kawalan ini adalah untuk mengelakkan warganegara Malaysia dari terpengaruh oleh pemikiran komunisma yang bertentangan dengan amalan sistem Parlimen yang terdapat di negara kita.

Pada hemat saya, masalahnya ialah segelintir rakyat Malaysia yang berkhayal dengan kebaikan sistem komunisma. Satu cara yang berkesan untuk menentang khayalan komunisma ialah melalui kelonggaran permohonan-permohonan untuk melawat negeri-negeri Komunis.

Dengan kelonggaran ini, warganegara Malaysia boleh dengan mata kepala sendiri meninjau, meneliti dan membanding baik buruknya kehidupan dalam sistem Komunis.

Jadi, saya mencadang kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri supaya bagi peringkat permulaan kelonggaran ini dibuka kepada pemuda pemudi yang disyaki terpengaruh kepada khayalan komunisma. Saya percaya bakal pelawat-pelawat ke negeri Komunis akan mencium tanah Malaysia sebaik sahaja mereka kembali ke negara kita.

Tuan Pengerusi, perkara kedua yang ingin saya sebutkan iaitu bilangan muka surat pasport antarabangsa yang terdapat sekarang. Pasport sekarang hanya ada 30 muka surat yang saya dapati tidak cukup digunakan bagi tempoh lima tahun. Sebagai contoh, pasport saya yang dikeluarkan pada bulan Ogos, 1981, sehingga hari ini sudah habis digunakan sampai muka surat 19, bakinya ialah hanya 11 muka surat yang mempunyai ruangan sesuai untuk cap-cap yang berkenaan. Akibatnya pembaharuan-pembaharuan seumpamanya tentulah akan melibatkan kerja tambahan bagi pentadbiran Imigeresen. Jadi, saya berharap buku Pasport yang lebih tebal muka suratnya akan diperkenalkan oleh Jabatan Imigeresen.

Tuan Pengerusi, saya sekarang beralih kepada Maksud Bekalan 40—Jabatan Pendaftaran Negara, muka surat 408.

Tuan Pengerusi, sehingga hari ini kad-kad pengenalan yang dikeluarkan bercatatan dengan tulisan tangan, yang kadang-kadang kurang terang dan mudah cemar. Saya percaya masanya sudah sampai bagi Jabatan Pendaftaran Negara mengeluarkan kad-kad pengenalan yang catatannya bercorak mesintaip, serupa dengan pasport-pasport antarabangsa.

Tuan Pengerusi, pada akhirnya saya menyokong belanja Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dengan sepenuhnya.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

5.55 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Pengerusi, pertama suka merujuk kepada Maksud Bekalan B. 36 muka surat 385, Program (7) iaitu berkenaan Urusetia Dadah.

Bercakap tentang Urusetia Dadah, saya ingin tahu daripada Timbalan Menteri berkenaan apakah kegiatan yang telah dijalankan selama ini oleh Urusetia Dadah dalam memerangi masalah dadah. Walaupun saya menghargai hakikat sebuah Urusetia Narkotik telah ditubuhkan dalam Kementerian untuk meneliti masalah-masalah dadah akan tetapi pada pandangan saya bahawa dengan adanya memiliki sebuah Urusetia sahaja tidak mencukupi. Inilah masanya bagi Kerajaan meningkatkan Urusetia ini menjadi sebuah Jabatan Narkotik dengan dikendalikan sepenuhnya oleh kakitangan yang layak untuk membentaras masalah dadah.

Masalah dadah nampaknya semakin bertambah atau meningkat. Jika langkah-langkah yang lebih tegas tidak diambil segera untuk membentaras masalah ini pasti ianya akan bertambah buruk lagi. Dalam masa soal jawab di Dewan ini Timbalan Menteri memberi tahu saya bahawa di antara tempoh 1hb Januari, 1982 hingga 30hb September, 1982 sejumlah 7,860 orang telah ditangkap yang ada hubungan dengan kesalahan dadah. Daripada jumlah itu 7,773 ialah rakyat Malaysia dan bakinya 87 ialah orang asing. Dewan ini juga telah diberi tahu bahawa Kerajaan mengambil satu pandangan serius

mengenai masalah dadah ini dan sentiasa mengkaji dari masa ke semasa terhadap peruntukan undang-undang yang ada sekarang yang berhubung masalah ini. Kami juga diberi tahu bahawa Kerajaan pada masa ini sudah menjalankan satu kajian yang komprehensif ke atas Akta Dadah Merbahaya 1952 dengan tujuan mengadakan pindaan-pindaan bagi membolehkannya mengatasi masalah dadah dengan lebih berkesan lagi.

Saya ingin menyatakan di sini bahawa masalah dadah yang semakin buruk dalam negara ini menghendaki tindakan segera dari Kerajaan untuk menyemak semula undang-undang yang terdapat sekarang yang mengendali ancaman dadah dan memperkenalkan satu undang-undang baru yang boleh mengatasi masalah ini dengan cara berkesan. Adalah satu hakikat bahawa ada lebih kurang 70,000 orang penagih dadah yang dapat dikesan dalam negara ini dan kebanyakan mereka bertumpu di bandar-bandar besar seperti Kuala Lumpur, Johor Bahru, dan Ipoh. Memandangkan masalah dadah yang terdapat dalam negara ini sekarang adalah serius maka Kerajaan hendaklah bertindak menurut langkah-langkah yang berikut:

- (1) menimbang untuk mengadakan peruntukan undang-undang yang membolehkan harta benda orang-orang yang terlibat dalam kegiatan dadah dirampas;
- (2) menggubah undang-undang yang memperuntukan penahanan, pencegahan ke atas pengedar-pengedar dadah, pembuat dan pembekal kewangan;
- (3) menarik balik dokumen-dokumen perjalanan kepunyaan mereka yang terlibat dengan kegiatan pengedaran dadah; dan

- (4) memperkenalkan satu program rawatan dan pemulihan wajib ke atas penagih-penagih dadah.

Tuan Pengerusi, perkara kedua yang saya ingin bangkit ialah berkenaan dengan Maksud Bekalan B. 40 - Jabatan Pendaftaran Negara.

Saya ingin sentuh mengenai aktiviti (3) Kad Pengenalan dan (4) Kewarganegaraan di bawah Butiran (Kod) 1100—Gaji dan Upahan.

Sebagai memberi keadilan kepada Kementerian, saya ingin menyatakan di sini bahawa beberapa perubahan ke arah kebaikan dan peningkatan telah dicapai sejak Jabatan Pendaftaran Negara berpindah ke bangunan baru. Pertamanya saya ingin mengucapkan syabas kepada Bahagian Kad Pengenalan kerana kecekapannya mengendalikan kerja terutama yang berhubung dengan pengeluaran kad pengenalan kepada pemohon-pemohon yang layak.

Berhubung dengan Bahagian Kewarganegaraan pula, saya harap bahawa perubahan ke arah peningkatan kerja haruslah dilakukan terutamanya berhubung dengan memproses permohonan kewarganegaraan di bawah Pendaftaran iaitu di bawah Borang "A" dan Borang "E". Adalah jelas kepada orang ramai bahawa jangka masa yang diambil oleh Bahagian ini untuk memproses permohonan yang memakan masa di antara 2 - 6 tahun adalah terlalu lama. Saya berharap ini boleh dipercepatkan menerusi peningkatan kecekapan bekerja.

Jabatan ini biasanya menyatakan bahawa proses ini lewat kerana dia gagal untuk berhubung dengan si pemohon yang telah bertukar alamat surat menyurat tanpa memberitahu jabatan yang berkenaan. Barangkali ini benar kepada setengah-setengah si pemohon tetapi sebab ini tidaklah boleh dipakai kepada semua si pemohon yang lain. Ada banyak

pemohon yang saya ketahui tidak pernah menukar alamat pos dan mereka ini boleh dihubungi dengan alamat yang ada tetapi terpaksa menunggu masa begitu lama untuk memproses permohonan mereka. Apa yang lebih mendukacitakan dan lebih mengecewakan ialah si pemohon-pemohon yang memohon dengan cara kemasukan di bawah Perkara 19 (a) (i) Perlembagaan iaitu di bawah Borang G yang mana kelulusan akhir dibuat sendiri oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Banyak permohonan Borang G yang terpendam dalam Kementerian selama bertahun-tahun, ada yang sampai tujuh hingga sepuluh tahun menunggukan keputusan Yang Berhormat Menteri. Selepas menunggu begitu lama akhirnya mereka diberitahu bahawa permohonan mereka ditolak oleh Menteri kerana tidak mempunyai kelayakan yang cukup. Mereka inilah golongan yang kurang bernasib baik dan saya suka menggesa Kementerian yang berkenaan supaya bersikap flexible dan bersimpati kepada mereka ini yang seharusnya dikelaskan sebagai berikut: pertama, pemohon-pemohon yang sebenarnya lahir di luar negeri; dan kedua, pemohon-pemohon yang benar-benar lahir di negara ini tetapi tidak dapat membuktikan kelahiran mereka kerana sijil beranak mereka yang hilang itu tidak boleh dikesan.

Saya faham mengapa pihak Kerajaan begitu berhati-hati dengan si pemohon-pemohon yang lahir di luar negeri. Tetapi bagi mereka yang lahir di negara ini maka Kementerian hendaklah membantu mereka dalam mendapatkan kewarganegaraan kerana mereka tidak ada kerakyatan (Stateless) dan tidak ada negara yang mereka boleh tinggal.

Kerajaan hendaklah jangan menggunakan syarat-syarat politik dan keselamatan dalam menimbangkan semua permohonan kewarganegaraan. Semua permohonan hendaklah ditimbangkan menurut merit

pemohon-pemohon dan jika mereka layak dalam semua syarat maka mereka hendaklah diberikan taraf kewarganegaraan.

Yang akhir yang saya ingin timbulkan di sini ialah berkenaan dengan masalah pentadbiran. Saya ingin bercakap mengenai perkara kehendak Polis meminta notis dua minggu dikemukakan terlebih dahulu oleh semua Persatuan Tarian Singa sebelum permit Polis dipertimbangkan jika mereka hendak mengajurkan apa juga pertunjukan Tarian Singa berkenaan dengan perayaan ulang tahun persatuan mereka atau yang ada kaitan dengan upacara agama atau lain-lain perayaan. Kehendak Polis itu ada berikutan dengan satu perintah atau peraturan yang dikeluarkan oleh Kementerian.

Saya ingin mengambil peluang ini untuk menggesa Timbalan Menteri supaya mengamalkan satu pendekatan yang flexible dalam menimbangkan permohonan kebenaran atau permit untuk mengadakan Tarian Singa yang ada kaitan dengan upacara-upacara yang saya ada sebutkan tadi. Jika pertunjukan Tarian Singa dibuat dengan cara bergerak seperti pertunjukkan semasa menyambut Tahun Baru Cina maka saya bersetuju ada perlu permit Polis dipohon. Akan tetapi jika pertunjukan Tarian Singa itu hanya untuk ahli-ahli persatuan ataupun tetamu jemputan dan diadakan di dalam sebuah bangunan misalnya dalam sebuah restoran atau di dalam bangunan Dewan Perhimpunan Cina misalnya bagi tujuan menyambut ulang tahun persatuan, saya suka mencadangkan kepada Kementerian supaya membatalkan perintah yang menghendaki mereka memohon permit Polis dan tertakluk kepada syarat yang tidak perlu seperti mengadakan satu bond berjumlah \$500. Kehendak-kehendak itu hendaklah dibatalkan juga kerana pertunjukan Tarian Singa hanya

dimaksudkan kepada ahli-ahli mereka dan para tetamu jemputan sesuatu persatuan dan pertunjukan Tarian Singa diadakan dalam bangunan dan tidak langsung boleh menyebabkan kesusahan kepada orang ramai.

Berhubung dengan pertunjukan Tarian Singa yang diadakan untuk memberi semangat rumah dan lain-lain majlis, seperti upacara pembukaan bangunan perniagaan baru, saya juga suka menggesa Kementerian supaya membatalkan perintah ke atas pemohon mendapat permit daripada Polis. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Matang.

6.05 ptg.

Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid (Matang): Tuan Pengerusi, di sini saya ingin menyentuh sedikit sebanyak dari Maksud Bekalan B. 36, 37, 38, 39 dan 40.

Tuan Pengerusi, yang pertamanya, mengenai kemasukan pelawat dari luar negeri dengan kapal. Saya mendengar dari orang-orang utara di Semenanjung ini bahawa terdapat kononnya pelancang-pelancang dari negara-negara asing yang datang ke negara ini menaiki kapal laut secara penumpang deck. Ada di antara mereka yang tidak memiliki perbelanjaan yang mencukupi untuk menampung masa pelancungan mereka di negara ini. Adalah dikhuatirkan bahawa pelancang-pelancang kategori ini bukan bertujuan untuk melancang dan membawa keuntungan pertukaran asing ke negara ini tetapi sebaliknya mungkin bertujuan untuk mencari pendapatan di negara ini dengan apa cara jua pun. Saya mencadangkan supaya peraturan diperketatkan terhadap golongan pelancang-pelancang seperti ini bagi menjamin

supaya perkara-perkara tidak diingini ini tidak akan berlaku dan mereka tidak akan tercicir di negara ini.

Ada saya terbaca di dalam akhbar-akhbar tempatan mengenai kes penyeludupan bayi dari negara asing ke negara ini oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. Perkara ini tidak seharusnya dibiarkan berlaku oleh kerana ia menimbulkan berbagai implikasi dan masalah berhubung dengan taraf pemastautinan. Saya mencadangkan supaya tindakan sewajarnya diambil untuk mencegah kejadian ini yang mungkin berlaku di kawasan-kawasan sama ada utara ataupun di pantai barat Semenanjung khususnya.

Mengenai laporan kehilangan Pasport Malaysia saya mendapat tahu bahawa terdapat di mana pemegang pasport Malaysia ini akan melaporkan kehilangan pasport mereka mungkin ada di antara laporan-laporan ini yang merupakan tidak benar. Oleh itu pihak yang terlibat berbuat demikian mungkin untuk tujuan yang tidak baik. Oleh yang demikian saya mencadangkan supaya pihak Kerajaan meneliti sepenuhnya setiap permohonan untuk mendapatkan Pasport Malaysia supaya mereka yang benar-benar yang memerlukannya sahaja akan mendapatkannya. Saya menyokong tindakan yang diambil oleh Kerajaan sekarang.

Mengenai sijil lahir bagi orang yang telah meninggal dunia, saya khuatir bahawa sijil lahir bagi orang-orang yang meninggal dunia akan digunakan semula oleh orang-orang lain yang masih hidup untuk tujuan-tujuan tertentu.

Di bawah undang-undang Imigresen atau perkara-perkara berkenaan dengan kewarganegaraan saya mencadangkan agar Jabatan Pendaftaran Negara mengambil tindakan untuk melaksanakan satu sistem yang boleh mencegah perbuatan yang saya sebutkan tadi.

Mengenai Lembaga Penapis Filem, dari siaran akhbar tempatan baru-baru ini saya dapati bahawa seolah-olah makalah yang diterbitkan dengan cara penapisan filem menunjukkan bahawa rancangan itu untuk kepentingan syarikat-syarikat tertentu sahaja. Pada hakikatnya kita dapati bahawa kebanyakan Video Centre telah ditubuhkan oleh rakyat negara ini dengan tujuan menjalankan perniagaan. Oleh yang demikian, saya menyokong dasar yang dijalankan oleh Kerajaan sekarang iaitu menapis filem atau apa jua bahan sedemikian rupa di atas dasar "first come, first served" demi menjaga kepentingan semua pihak yang terlibat tanpa mana-mana pihak yang tertentu.

Mengenai mengutuk musuh negara. Menyentuh soalan keselamatan negara, saya amat dukacita oleh kerana terdapat sebilangan rakyat yang sanggup menyuarakan secara lantang hasrat penentangan mereka terhadap Kerajaan. Andainya kejadian-kejadian yang tidak sengaja berlaku iaitu melibatkan kecederaan ataupun kemalangan ke atas penduduk awam di negara ini seperti yang pernah di Mengkarak dalam bulan Mac 1981. Tetapi sebaliknya apabila pihak penganas komunis membunuh atau melakukan sesuatu kekejaman terhadap anggota keselamatan atau penduduk awam, saya tidak terdapat kutukan selantang suara yang menentang Kerajaan ini. Ini jelas kelihatan peristiwa yang berlaku di Kerbau negeri Pahang baru-baru ini.

Tuan Pengerusi, saya mendapat tahu bahawa sebahagian daripada kad pengenalan merah atau yang ditakrifkan sebagai penduduk tetap di negara ini adalah terdiri daripada mereka yang tidak dilahirkan di negara ini. Sebahagian daripada mereka ini menjadi penduduk tetap negara ini setelah berada di sini untuk beberapa ketika sama ada sebagai pegawai Kerajaan, bekerja dengan

syarikat swasta dan sebagainya. Memandangkan kepada keadaan ini, saya mencadangkan supaya syarat untuk menjadi pemastautin tetap sama ada lelaki atau perempuan hendaklah diperketatkan.

Tuan Pengerusi, dalam masalah ISA, berhubung dengan ISA saya menyokong penuh kepada Kementerian ini supaya ISA ini diteruskan sehingga suatu masa yang sesuai dengan keadaan. Ini memandangkan bahawa keselamatan sesebuah negara itu terjamin keselamatannya dari ancaman musuh negara iaitu terutama daripada anasir-anasir subversif, anti nasional dan anasir subversif, anti-nasional dan belahkan perpaduan rakyat di negara ini. Kita sedia maklum bahawa boleh dikatakan semua negara-negara di dunia mempunyai sistem atau cara tersendiri bagi menjamin keutuhan dan kestabilan serta keselamatan negara-negara mereka, agar negara-negara itu tidak tergugat oleh pihak-pihak yang tertentu di dalam negara-negara yang berkenaan. Negara-negara yang telah maju dan bertamadun sendiri pun mempunyai sistem keselamatan mereka sendiri inikan pula seperti negara Malaysia yang mana penduduk-penduduknya terdiri daripada berbilang kaum yang mana seandainya pemimpin sesuatu kaum itu cuba hendak menghasut atau memecah-belahkan keharmonian penduduk-penduduk dalam negara ini, maka pemimpin-pemimpin tersebut harus ditangkap dan ditahan di bawah seksyen ISA demi untuk menjamin keselamatan, kestabilan dan perpaduan di negara ini.

Tuan Pengerusi, maka dengan ini saya menyokong peruntukan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri yang berjumlah \$1,600,567,940 bagi tahun 1983. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Rantau Panjang.

6.13 ptg.

Tuan Hassan bin Haji Mohamed (Rantau Panjang): Tuan Pengerusi, saya ingin bercakap mengenai B. 36, Butiran 1100, Program (4) mengenai hal Penerbitan.

Saya suka menyarankan dalam Dewan yang mulia ini kepada pihak Kementerian yang berkenaan supaya meninjau kembali kedudukan KDN—Lesen Kebenaran kepada penerbit-penerbit yang sekarang ini bagi pihak penerbit-penerbit terpaksa memperbaharui lesennya saban tahun ataupun tiap-tiap tahun. Keadaan yang seperti ini menjadi amat sulit kepada pihak penerbit-penerbit terutama penerbit-penerbit akhbar dan majallah-majallah. Saya suka kalau pihak Kementerian Dalam Negeri dapat meninjau kembali tentang dasar KDN ini dengan memberi lesen itu untuk tempoh tiga tahun, kemudian diperbaharui ataupun lebih daripada itu, kerana nasib penerbit-penerbit boleh dikatakan nafasnya sentiasa sesak, semput terutama sekali waktu akhir tahun, kerana tiap-tiap akhir tahun mereka terpaksa memperbaharui lesen KDN sedangkan penerbitan itu hendak diterbitkan besoknya juga. Kelambatan kelulusan KDN ini menjadi beban kepada pihak penerbit-penerbit dan beberapa buah surat-khabar surat-khabar mingguan dalam negara kita yang telah menempuh nafasnya pendek hanya hidup beberapa tahun sahaja walaupun mendapat sambutan yang baik daripada masyarakat, kerana tidak diberi lesen KDN lagi ataupun diperlambatkan KDN itu.

Tuan Pengerusi, negara kita negara demokrasi. Dalam Parlimen ini ada pihak Pemerintah, ada pihak Pembangkang. Dengan adanya Pembangkang maka keadaan dalam Parlimen ini hidup, suasananya meriah. Begitu juga dalam negara kita kalau penerbitan, kalau surat-khabar

hanya diterbitkan membawa suara pemerintah sahaja, memuji dan memuja pemerintah sahaja tidak ada suara yang mengkritik dan menegur Kerajaan di atas apa-apa hal yang tidak sesuai ataupun kesalahan yang telah dilakukan oleh Kerajaan, tidak mendapat teguran, tidak dapat kecaman, tidak mendapat kritik daripada pihak akhbar-akhbar maka negara kita sudah menjadi satu negara yang tertutup (closed society) tidak merupakan open society. Kita biarkan akhbar-akhbar dalam negara kita ini bebas memberi teguran kepada Kerajaan kerana dengan cara yang demikian, rakyat dapat menilai apakah benar teguran ataupun tidak betul teguran itu.

Jadi, untuk melapangkan sedikit perasaan penerbit-penerbit suratkhbar, majallah-majallah ataupun mingguan-mingguan maka pihak KDN janganlah terlalu ketat dalam soal untuk memberikan pembaharuan lesen. Kita sudah berpengalaman suratkhbar "Suara Merdeka", "Suara rakyat", "Majallah Sarina" begitu juga "Majallah Dian" sebuah majallah pengetahuan umum pernah tertahan kerana hanya satu cerpen dikeluarkan oleh majallah itu. Hanya cerpen yang tidak ada apa-apapun tetapi oleh sebab KDN menganggap bahawa ini telah mengancam kedudukan masyarakat dalam negara ini maka KDN majallah itu hampir ditahan. Bagi pihak penerbit-penerbit bukan sedikit modal yang dicurahkan untuk menerbitkan suratkhbar ataupun mingguan-mingguan. Jadi, sebab itu, saya minta pihak Kementerian Dalam Negeri membuat tinjauan kembali masalah KDN ini jangan jadi negara kita ini seperti negara jiran sebelah yang kalau kita baca suratkhbar-suratkhbar di sana hanya tawar macam gulai tidak ada garam sebab tidak ada suara-suara yang boleh mengkritik dan mengecam Kerajaan dalam bidang-bidang yang tertentu.

Jadi, Tuan Pengerusi, itu sebagai saranan saya mengenai perbekalan ini, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Jelutong.

6.18 ptg.

Tuan Karpal Singh (Jelutong): Tuan Pengerusi, saya sentuh kepada Maksud B. 37, muka 390, Butiran 1100, Program (1) (a).

Tuan Pengerusi, adalah suatu perkara mustahak bagi pihak Polis Di Raja Malaysia menunjukkan imej yang baik. Tidak jarang pegawai-pegawai polis dituduh dalam kes-kes serius seperti kes-kes kesalahan merompak. Apa yang berlaku ini adalah menjatuhkan maruah Polis Di Raja Malaysia.

Pasukan Polis hendaklah menjadi suatu tauladan yang baik. Yang Berhormat Ketua Polis Negara mesti mengawal dengan lebih rapi orang-orang beliau supaya dapat menentukan mereka tidak terlibat dalam hal-hal rasuah. Yang Berhormat Ketua Polis Negara telah mengeluarkan suatu arahan bertarikh 23hb Oktober, tahun ini yang meminta pegawai-pegawai polis yang berpangkat Inspektor dan berpangkat lebih tinggi hendaklah mengumumkan nilai harta-benda mereka. Terdapatnya laporan bahawa 5,000 pegawai termasuk 3,000 Inspektor akan terlibat dalam tindakan ini. Ini adalah selaras dengan suatu pentadbiran bersih, cekap dan amanah. Tetapi hanya dengan mengadakan tindakan menyatakan harta-benda pegawai-pegawai polis sahaja tidak mencukupi untuk mengekalkan suatu pasukan polis yang mempunyai sikap bertanggungjawab.

Yang Berhormat Ketua Polis Negara dalam bulan Julai tahun lalu menyatakan suatu pasukan penyiasat diketuai oleh Pengarah Ketenteraman dan Hal Keselamatan

Dalam Negeri, Datuk Mahmud Yunus akan siasat tuduhan-tuduhan seorang Susan Yap Loh Yong dalam kes pembunuhan calon Inspektor Tiow Yock Hwa di dalam suatu "mess" di Choo Cheng Kay Flats dalam bulan Mei tahun lalu. Susan Yap telah membuat tuduhan-tuduhan itu dalam preliminary inquiry itu bahawa pegawai-pegawai polis tertinggi selalunya melawat mess itu untuk menonton filem-filem lucah dan juga untuk mendapat sex percuma dari perempuan-perempuan lucah di situ. Kes ini juga diberi keputusan di Mahkamah Tinggi, Kuala Lumpur pada 17hb Mei tahun ini. Si penuduh Kok Oon Min *alias* Ah Meng yang saya wakulkan sebagai peguam telah pun dipenjarakan selama lima tahun selepas dia mengaku kesalahan pembunuhan yang tak disengajakan. Inspektor berkenaan di masa itu sedang menjalankan tugas dan bersenjatakan sepucuk revolver pada ketika peristiwa itu berlaku.

Adalah bererti Tuan Hakim Mohamed Azmi bin Datuk Haji Kamaruddin menyatakan bahawa dalam menjatuhkan hukuman, Tuan Hakim telah pun mengambil perhatian atas perkara pengakuan kesalahan oleh Kok Oon Min. Tuan Hakim mengatakan, Timbalan Pendakwa Raya itu buatlah apa yang patut untuk meringankan tuduhan yang asal. Tuan Hakim mengatakan:

"Dengan sebab Kok mengaku kesalahan itu telah pun mendapat peluang mengelakkan keadaan membasuh kain kotor di hadapan orang ramai (washing dirty linen in public). Saya juga suka menganggap kelakuan Inspektor itu sebagai satu perkara yang jarang-jarang berlaku dalam golongan pegawai polis."

Tuan Pengerusi, adalah suatu yang menghairankan sehingga ke hari ini Ketua Polis Negara mendiamkan diri sahaja atas soal penyiasatan yang diarahkan oleh beliau dalam bulan

Julai tahun lalu. Sungguhpun sudah habis satu tahun, Ketua Polis Negara tidak mengumumkan hasil kajian jawatankuasa siasatan hingga ke hari ini. Nampaknya kelambatan mengeluarkan hasil kajian itu memperlihatkan ada perkara yang benar dalam tuduhan-tuduhan Susan Yap. Saya menyeru Ketua Polis Negara memberitahu dengan sertamerta kedudukan beliau dalam hal ini. Orang ramai mesti diberitahu apa yang betul-betul berlaku dalam mess itu malam itu.

Tuan Pengerusi, sekarang saya sentuh kepada Maksud Bekalan B. 41, muka 412, Butiran 1100, Aktiviti (1), (2), (3) dan (4).

Tuan Pengerusi, Ketua Pengarah Penjara mestilah menyiasat keadaan banduan-banduan di semua penjara di negara ini. Penguasa-penguasa Penjara di seluruh negara adalah penjaga-penjaga bagi banduan-banduan yang diserahkan kepada jagaan mereka. Siapa yang melanggar undang-undang, walaupun dia seorang ternama mesti dikenakan hukuman tanpa sebarang pengecualian. Tetapi itu bukan bererti banduan itu dikenakan penderitaan.

Tuan Pengerusi, pegawai-pegawai mesti menunjukkan sikap kemanusiaan mereka. Bukan semua orang dalam penjara itu penjenayah yang teruk. Siapapun boleh membuat kesilapan-to err-is human. Ada juga pegawai-pegawai penjara yang faham masalah banduan-banduan itu. Banduan-banduan ada memberitahu saya, satu contoh ialah Encik Nik Ariffin bin Haji Omar, Penguasa Penjara Taiping. Encik Nik Ariffin dihormati oleh banduan-banduan di Taiping. Encik Nik sentiasa membantu peguam-peguam tepat dengan kebolehan beliau. Saya berharap pegawai-pegawai lain akan mengikut tugas-tugas mereka dengan banduan-banduan secara perikemanusiaan. Ada juga pegawai

dari warden-warden yang menyeksa banduan-banduan. Ada juga kes-kes banduan dikenakan pukul oleh pegawai-pegawai di Penjara Pudu dan Pulau Pinang.

Tuan Pengerusi, saya harap Penguasa-penguasa Penjara di seluruh negara kita akan mengawal dengan lebih rapi pegawai-pegawai yang ada perhubungan terus dengan banduan-banduan setiap hari. Keadaan dalam bilik-bilik penjara hendaklah diperbesarkan. Bilik-bilik itu dimuatkan lebih banduan daripada yang sepatutnya. Ini disebabkan dengan ramai penagih-penagih dadah yang dimasukkan dalam penjara.

Tuan Pengerusi, penagih-penagih dadah tidak sepatutnya ditahan dalam penjara tetapi mesti ditahan di tempat lain. Cara-cara moden harus dikenakan bagi memulihkan penagih-penagih dadah seperti di negara-negara Barat. Kerajaan mesti menimbang dengan lebih serius penyertaan banduan-banduan yang dikenakan hukuman ringan dalam skim-skim kemajuan tanah tanpa ditahan dalam penjara. Ini ialah untuk kebaikan banduan dan negara.

Tuan Pengerusi, dalam penggantungan hukuman gantung semenjak tahun 1980 telahpun berlaku penggantungan yang tidak dibuat dengan cara baik. Ramai keluarga mendiang mengatakan mayat berdarah dari lehernya. Ini adalah "traumatic experience" bagi keluarga mendiang itu. Sistem hukuman gantung ada juga dilakukan di negara ini tetapi penggantungan itu hendaklah dibuat secara berperikemanusiaan. Penggantungan tidaklah boleh dibuat secara kasar.

Tuan Pengerusi, Ketua Pengarah Penjara, Datuk Ibrahim bin Haji Mohamed ada mengumumkan semalam bahawa banduan-banduan mesti dipasang dengan gari kaki apabila dibawa ke mahkamah ataupun

hospital. Gari kaki tidak boleh digunakan bagi banduan apa jenis juga.

Hukuman menggari kaki itu sepatutnya dikenakan pada banduan yang melakukan sesuatu yang dahsyat. Mereka yang dibawa ke mahkamah belum lagi berkesempatan untuk menghabiskan peluang-peluang mereka untuk bantuan guaman di bawah undang-undang. Tuan Pengerusi, mereka sepatutnya tidak dihinakan.

Datuk Ibrahim mengatakan banduan yang dibawa ke mahkamah hendaklah memegang rantai sepanjang satu meter dan kaki diikat dengan rantai apabila banduan itu juga digari oleh seorang warden. Tetapi banduan itu berada di dalam mahkamah, gari sahaja digunakan. Sistem ini dikenakan di seluruh negara pada awal bulan depan. Sistem gari kaki dikenalkan sebelum Perang Dunia Kedua tetapi dimansuhkan dalam tahun 1953 apabila Akta Penjara dikuatkuasakan. Pengenal sistem lama itu hanya membawa kita kemunduran dari sistem pemulihan modern. Effect psychology bagi mereka yang akan dikenakan hukuman oleh mahkamah tertinggi dalam negara ini menjadi teruk, khususnya jikalau orang itu dibebaskan.

Tuan Pengerusi, saya harap Ketua Pengarah Penjara akan timbangkan semula pengenalan sistem yang tidak dipakai lagi dan sistem mana tiada lagi dilangsungkan selama berapa tahun dalam negara kita.

Tuan Pengerusi: Saya menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab.

6.28 ptg.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed): Tuan Pengerusi, terlebih dahulu izinkan saya menghulurkan ucapan ribuan terima kasih kepada

Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menunjukkan minatnya terhadap isu-isu, masalah-masalah yang berkaitan dengan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dengan mengemukakan pandangan-pandangan, cadangan-cadangan dan teguran-teguran.

Tuan Pengerusi, suka saya mengambil kesempatan ini untuk memberi ulasan dan penjelasan-penjelasan terhadap perkara-perkara yang telah dibangkitkan itu.

Tuan Pengerusi, yang Berhormat dari Jerai telah menyentuh masalah penapisan filem dan penerbitan serta mencadangkan supaya diadakan kawalan yang lebih ketat.

Tuan Pengerusi, pihak Kementerian sentiasa mengambil tindakan yang serius dan bersungguh-sungguh untuk menapis dan menyekat keinasukan dan pedaran filem video dan lain-lain bahkan percetakan. Tindakan undang-undang telah dan akan diambil. Sebagai contoh 22 kes tayangan filem dan video yang tidak ditapis telah didakwa. 51 kes telah didakwa kerana pedaran dan penerbitan yang diharamkan pada tahun 1981 dan 1982.

Mengenai cadangan-cadangan Yang Berhormat bagi mengadakan satu badan yang dipertanggungjawabkan untuk menyediakan, mengimport dan mengedarkan filem dan video, ini suka saya dinyatakan, adalah bertentangan dengan konsep dasar ekonomi bebas kita. Kementerian akan terus mengambil berat dalam hal penapisan dan akan terus bertindak mengikut undang-undang.

Ahli Yang Berhormat dari Matang telah menyentuh soal-soal keselamatan dan perlunya ISA dikekalkan. Suka saya menyatakan di sini bahawa kita sepatutnya bersyukur kepada Allah kerana dapat kita berbincang dengan penuh minat dan bertanggungjawab di Dewan yang mulia ini. Kita juga telah diberikan

perlindungan oleh Allah semasa di dalam dan di luar Dewan ini atau dalam perjalanan kita pergi dan balik dari kawasan kita masing-masing ke Dewan ini dalam keadaan yang aman dan tenteram. Nikmat ini dapat kita kecap kerana terkawalnyanya keadaan keselamatan negara kita pada masa ini. Persefahaman dan kerjasama di antara Ahli-ahli Yang Berhormat dengan pihak pegawai dan kakitangan Kerajaan serta rakyat jelata di semua peringkat merupakan faktor penting ke arah melahirkan suasana itu. Keadaan ketenteraman awam dan keamanan dalam negara ini tidak wujud tanpa usaha gigih daripada semua pihak, terutama sekali pihak Pasukan Keselamatan kita yang sentiasa bertungkus-lumus dengan mengorbankan tenaga dan jiwa raga mereka mempertahankan negara kita Malaysia yang dicintai ini. Dengan lain-lain perkataan, kita dapat berada dalam keadaan yang aman dan tenteram pada hari ini di Dewan yang mulia ini dan juga di luar Dewan adalah berpunca dari wujudnya pada masa yang sama sejumlah anggota Pasukan Keselamatan kita yang terpaksa merentas belantara, mendaki bukit, mengharungi sungai demi memburu musuh-musuh yang berusaha untuk menimbulkan angkara di negara kita andainya kita tidak berjaga-jaga dan senantiasa berwaspada. Di samping itu, Tuan Pengerusi, sebilangan lagi anggota Pasukan Keselamatan sentiasa menjalankan tugas mereka di kawasan bandar dan di perkampungan tanpa mengira komposisi penduduk, untuk membentasi kegiatan anasir-anasir jenayah dan kumpulan anti nasional yang lain yang juga bercita-cita untuk melakukan sesuatu yang bertentangan dengan undang-undang yang diluluskan oleh Dewan yang mulia ini.

Tuan Pengerusi, dengan adanya pengembelian usaha yang gigih daripada semua peringkat Pasukan Keselamatan serta kerjasama daripada

semua pihak dalam negara ini, maka suasana keselamatan di negara kita pada ketika ini adalah terkawal. Namun demikian, kita tidak boleh berpuas hati dengan apa yang kita perolehi sekarang. Sebaliknya, kita perlulah sentiasa berusaha berterusan demi menjamin keadaan yang kita nikmati hari ini akan dapat dikekalkan. Bagi tujuan ini pihak Kementerian saya akan terus berusaha dengan sepenuh tenaga dan segala kemudahan yang ada di semua peringkat dan setiap masa. Dalam pada itu, saya juga berharap agar Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian akan dapat memberikan sumbangan positif ke arah pencapaian matlamat ini di dalam berbagai lapangan, baik di luar mahu pun di dalam Dewan yang mulia ini.

Di antara usaha yang saya ingin merayu kepada Ahli-ahli Yang Berhormat ialah supaya tidak menambahkan lagi bahan-bahan propaganda yang telah digunakan oleh pihak musuh negara ini untuk menjejaskan keadaan ketenteraman awam dan keselamatan negara. Seperti yang kita sedia maklum, satu golongan musuh yang kita hadapi adalah terdiri dari anasir subversif dan anti nasional yang sentiasa membesarkan pertentangan yang terdapat di kalangan rakyat di samping menyalah-tafsirkan juga menyalah-ertikan dasar-dasar dan maklumat-maklumat Kerajaan.

Sekiranya kita latah dalam tingkahlaku ataupun percakapan kita, maka dengan sendirinya dan secara tidak sedar kita akan menjadi alat kepada usaha propaganda musuh negara. Oleh yang demikian, dengan kurangnya isu-isu yang boleh digunakan oleh pihak musuh terhadap Kerajaan serta wujudnya perpaduan dan persefahaman di antara Kerajaan dengan rakyat dan juga rakyat sesama rakyat, maka muncullah satu kekuatan bagi Kerajaan untuk digunakan bagi melemahkan musuh. Tetapi

sebaliknya, jika keadaan yang saya sebutkan itu tidak wujud ia akan menimbulkan kelemahan kepada Kerajaan dan ia akan memperkuatkan daya musuh. Keadaan ini tidak seharusnya dibenarkan berlaku atau tidak sewajarnya diri kita diperalatkan untuk ianya berlaku.

Ahli Yang Berhormat dari Matang tadi telah juga menyentuh soal-soal ISA yang mana saranan beliau supaya ISA itu dikekalkan. Tuan Pengerusi, bagi sebuah negara yang membangun yang mana rakyat jelata benar-benar dahagakan pembangunan iaitu sama ada pembangunan fizikal atau rohani, keselamatan negara dan ketenteraman awam adalah soal pokok. Tanpa ketenteraman negara segala projek pembangunan sebagaimana umum mengetahui tidak dapat dilaksanakan dengan sempurna. Projek-projek itu sudah barang tentu akan terkandas. Terbantutnya projek-projek pembangunan membawa erti terगतnya usaha-usaha kita ke arah pembangunan. Kita sadar akan hasrat komunis dan anasir-anasirnya. Mereka tidak ingin melihat rakyat berada dalam suasana bahagian dan aman damai. Oleh yang demikian, kita jangan sekali-kali hidup di dalam khayalan. Kita tidak boleh lalai walau sesaatpun di dalam perjuangan kita menghadapi komunis dan anasir subversif. Mereka bermati-matian untuk menggulingkan Kerajaan yang sah dan berparlimen ini secara kekerasan. Kita mesti faham tabii komunis iaitu mereka berundur apakala kita mara ke depan, mereka bersikap sepi apabila kita handal, mereka sanggup berbincang mengenai kedamaian pada masa mereka bersiap sedia untuk menentang. Dengan demikian Akta Keselamatan Dalam Negeri tidak boleh dimansuhkan. Sekiranya kita memahami sebahagian yang diperkatakan tadi dengan sedalam-dalamnya keselamatan negara dan ketenteraman awam tidak sekali-kali boleh dikorbankan kerana

sesuatu yang difikirkan ideal. Kita mesti mengkaji dengan teliti dari sudut realiti. Norma-norma kita, sebagai rakyat yang taat setia kepada negara ini, hendaklah diselaraskan dengan hakikat alam sekitar. Dari sudut perikemanusiaan suka saya tegaskan bahawa adalah benar-benar berperikemanusiaan sekiranya kita renung sejenak terhadap mangsa-mangsa orang-orang yang tidak bertanggungjawab seumpama komunis dan anasir-anasir subversif serta mereka yang menentang Sekyen 57, Akta Keselamatan Dalam Negeri. Mangsa-mangsa itu adalah terdiri daripada mereka yang kehilangan kaki, tangan, mata, di samping mereka yang terkorban dengan meninggalkan balu-balu, anak-anak yatim yang bersekolah dan belum bersekolah, yang mana masa depan mereka adalah gelap sekali, mungkin mereka tidak dapat di suatu masa nanti, memainkan peranan yang sepenuhnya dalam masyarakat.

Inilah, Tuan Pengerusi, sebabnya kita tidak ingin memansuhkan Akta Keselamatan Dalam Negeri dan saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang memberikan sokongan yang penuh, oleh sebab soal-soal keselamatan adalah soal yang transcend soal-soal politik, soal-soal sosial dan sebagainya.

Ahli Yang Berhormat dari Lumut telah menyentuh soal berkaitan dengan mukasurat Pasport. Sebenarnya mukasurat naskah Pasport kita pada hari ini bukan berjumlah 30 tetapi 32 dan Kerajaan bercadang untuk menambahkan mukasurat itu sekali ganda lagi yang mana satu masa nanti akan menjadi 64 mukasurat.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar meminta supaya tempoh dua minggu untuk mendapatkan permit dibatalkan bagi mengadakan Tarian Singa. Beliau menggesa Kerajaan mewujudkan

pendekatan baru supaya meluluskan permit Tarian Singa yang tak bergerak di upacara-upacara yang berupa memberi semangat rumah. Tuan Pengerusi, di dalam soal ini Kerajaan pada masa ini sedang mengkaji perkara yang tersebut dan apabila kajian itu tamat nanti, pihak Kerajaan akan mengumumkan keputusannya.

Yang Berhormat dari Rantau Panjang mencadangkan supaya Kementerian tidak terlalu ketat mengenakan syarat apabila mengeluarkan KDN.

Tuan Pengerusi, Kementerian tidak bercadang mengeluarkan permit penerbitan untuk tempoh 3 tahun, Kementerian tidak melambatkan pengeluaran KDN, tetapi kelambatan pernah timbul disebabkan oleh penerbit-penerbit sendiri.

Kementerian memberi kebebasan kepada akhbar, tetapi ini tertakluk kepada syarat-syarat bahawa ianya tidak bertentangan dengan nilai-nilai, norma-norma akhlak, keselamatan dan sosial negara ini.

Yang Berhormat dari Matang telah jua membangkitkan dua perkara lagi:

Pertama, pelawat-pelawat yang datang dengan kapal. Jadi, suka saya mengatakan bahawa pelawat-pelawat yang datang dengan menaiki deck; sememangnya tidak dibenarkan masuk atau mendarat. Pelawat-pelawat seperti ini hanya akan dibenarkan masuk ke negara ini jika telah membuat permohonan serta diluluskan terlebih dahulu.

Yang kedua, selain daripada soalan ISA tadi ialah mengenai penyeludupan bayi. Jabatan Imigresen bersama-sama agensi-agensi lain seperti Polis adalah sentiasa mengawasi keadaan ini. Sehingga ini kegiatan ini telah dapat dibenteras.

Tuan Pengerusi, oleh sebab Yang Berhormat dari Lumut tadi ada membangkitkan, selain daripada pasport 30 muka, soal-soal pasport yang tidak membenarkan pemegangnya melawat negara-negara komunis.

Tuan Pengerusi, syarat-syarat tidak membenarkan pemegang pasport melawat ke negara-negara komunis yang dicatatkan dalam Pasport Malaysia, adalah merupakan keperluan keselamatan. Mungkin Ahli Yang Berhormat sendiri tidak tertarik kepada sistem dan keadaan yang terdapat di negara-negara komunis yang pernah dilawatnya, itu, tetapi ada ramai pula orang-orang lain, dari rakyat Malaysia, yang mungkin tertarik atau terpengaruh dengan sistem komunis itu; di samping itu, mungkin akan terdedah kepada eksploitasi pihak komunis.

Tuan Pengerusi, juga berhubung dengan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Lumut iaitu mengenai Jabatan Pendaftaran yang mana katanya, buat masa ini, menggunakan tulisan tangan dalam kad pengenalan. Beliau mencadangkan supaya Jabatan Pendaftaran Negara menggunakan mesin taip untuk mencatat butir-butir dalam kad pengenalan. Tuan Pengerusi, penggunaan tulisan tangan dalam mencatat butir-butir dalam kad pengenalan adalah disebabkan kad pengenalan perlu disalut yang mana ianya menggunakan photospray yang berkimia yang mungkin merosakkan tulisan yang dicatat dengan mesin taip. Namun demikian, cadangan yang tersebut itu akan dipertimbangkan.

Tuan Pengerusi, saya tidaklah bercadang untuk memberi penjelasan kepada tiap-tiap teguran dan pandangan yang telah dibangkitkan dalam masa yang begini terbatas. Walau bagaimanapun, segala syor-syor dan pandangan-pandangan yang diutarakan oleh Ahli-ahli Yang

Berhormat itu akan diteliti dengan secermat-cermatnya dan tindakan yang sewajarnya akan diambil.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, soalnya ialah bahawa wang sejumlah \$51,658,600 untuk Maksud B. 36; \$801,155,000 untuk Maksud B. 37; \$33,115,900 untuk Maksud B. 38; \$1,822,100 untuk Maksud B. 39; \$21,968,500 untuk Maksud B. 40; \$55,543,000 untuk Maksud B. 41; \$20,775,500 untuk Maksud B. 42; \$25,224,000 untuk Maksud B. 43 dan \$2,343,600 untuk Maksud B. 44 di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$51,658,600 untuk Maksud B. 36; \$801,155,000 untuk Maksud B. 37; \$33,115,900 untuk Maksud B. 38; \$1,822,100 untuk Maksud B. 39; \$21,968,500 untuk Maksud B. 40; \$55,543,000 untuk Maksud B. 41; \$20,775,500 untuk Maksud B. 42; \$25,224,000 untuk Maksud B. 43 dan \$2,343,600 untuk Maksud B. 44 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Begitu juga soalnya ialah perbelanjaan sebanyak \$2,150,000 yang disebutkan dalam Maksud P. 36; \$528,729,010 untuk Maksud P. 37; \$7,827,325 untuk Maksud P. 38; \$44,805,625 untuk Maksud P. 41; \$8,600,000 untuk Maksud P. 42 dan \$1,849,779 untuk Maksud P. 43 dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1983 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$2,150,000 untuk Maksud P. 36; \$528,729,000 untuk Maksud P. 37; \$7,827,325 untuk Maksud P. 38; \$44,805,626 untuk Maksud P. 41; \$8,600,000 untuk

Maksud P. 42 dan \$1,849,779 untuk Maksud P. 43 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1983.

Maksud B. 45 B. 46 dan B. 47 (Jadual)—

Maksud P. 45, P. 46 dan P. 47 (Anggaran Pembangunan, 1983)—

Tuan Pengerusi: Kepala B. 45, B. 46, B. 47 dan Kepala Pembangunan P. 45, P. 46, P. 47 di bawah Kementerian Penerangan terbuka untuk dibahas.

Ahli Yang Berhormat dari Jerai.

6.48 ptg.

Tuan Ismail bin Arshad (Jerai): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk turut membincang di atas Kementerian Penerangan di dalam B. 46 Jabatan Penyiaran, di bawah Butiran 1100, Program (2) Rancangan dan juga di bawah Butiran 2100, muka surat 445 di bawah Program (2) iaitu program yang sama.

Tuan Pengerusi, pada tahun ini nampaknya di dalam Jabatan Penyiaran peruntukan yang dimohon telah berkurangan daripada tahun 1982. Saya menyakini bahawa kedudukan kewangan dan ekonomi negaralah yang membawa keadaan begini, tetapi satu perkara yang harus menarik perhatian Kerajaan di dalam bidang Jabatan Penyiaran ini ialah sama ada mahu tidak mahu bahawa di bidang Penyiaran ini terpaksa ianya berjalan sepertimana yang dirancangan dan tidak mungkin semua program-program dan perancangannya direntikan dan mengurangkan masa penyiaran sepertimana yang telah diperuntukan. Sekarang ini terdapat banyak komplin-komplin ataupun hasrat-hasrat bagi membawa perubahan-perubahan di dalam bidang penyiaran sama ada menerusi radio dan televisyen untuk membawa kesesuaian berdasarkan kepada selera dan

kehendak masyarakat. Apa yang saya dapati di sini, soalnya bukanlah masalah tidak dapat membawa kepada kehendak-kehendak yang dikehendaki semata-mata kerana tidak ingin mewujudkan ataupun menyempurnakan kehendak-kehendak ramai. Jelasnya di sini ialah tentang sejauh manakah kemampuan dan peruntukan yang diberi untuk dapat mencapai segala program, segala perancangan-perancangan dan program berdasarkan Buku Prestasi yang dibentangkan di Dewan ini. Ini termasuklah di dalam berbagai-bagai bidang, misalnya pada hari ini kita kedatangan banyak komplek mengatakan bahawa Radio dan Televisyen kita tidak banyak mempunyai rancangan-rancangan yang menarik menurut selera penonton-penonton dan pendengar-pendengar dan kadangkala kita kedatangan juga kebanyakan filem-filem yang ditayang adalah merupakan filem-filem yang diimport ataupun filem-filem yang kadangkala sudah ketinggalan zaman, tetapi jelas seperti saya katakan tadi sejauh manakah kesedaran Kerajaan meletakkan Jabatan Penyiaran ini dengan kemampuan-kemampuannya. Saya percaya sekiranya diberi perhatian dan diberikan kemudahan-kemudahan untuk kemampuan, maka pastilah program-program dan perancangan-perancangan ini akan dapat dibaiki daripada masa ke masa.

Misalnya kedatangan pada hari ini tuduhan-tuduhan mengatakan sudah ketandusan ataupun kekurangan bahan-bahan penyiaran, termasuklah di dalam bidang cerita-cerita hiburan, cerita-cerita berbentuk akhlak dan masyarakat, moral serta juga cerita-cerita yang dapat membangkitkan imej dan membangunkan sikap perpaduan masyarakat di negara ini dan sebagainya. Perkara ini saya rasa dapat dilaksanakan sekiranya peluang-peluang untuk memberikan kemampuan kepada Jabatan ini

melaksanakannya. Misalnya, di negara kita ini banyak kedapatan cerita-cerita yang boleh ditulis skripnya dan dapat dilakukan untuk tayangan ataupun disiarkan menerusi Televisyen dan sebagainya, tetapi sejauh manakah kemampuan yang ada diberikan.

Dari itu saya sukalah menarik perhatian Kementerian ini, khasnya kepada Jabatan Penyiaran supaya dapat mewujudkan segera ura-ura penubuhan Jabatan Panel Penulisan Skrip yang berharapan untuk dapat membanyakkan skrip-skrip dan penulisan-penulisan cerita yang boleh disiarkan untuk pembangunan masyarakat, untuk membawa nilai-nilai moral dan sebagainya sepertimana yang kita kehendaki, tetapi kalau sekiranya kita tidak mewujudkan segera panel yang seumpama ini sudah tentulah kita kekurangan mendapat skrip-skrip ataupun cerita-cerita yang sesuai yang boleh ditunjukkan menerusi Televisyen yang dapat membangkitkan sikap-sikap perpaduan, moral, pembentukan pembangunan ekonomi dan pembangunan negara pada keseluruhannya.

Tuan Pengerusi, satu lagi yang saya ingin sentuh di sini ialah tentang Maksud B. 47, Jabatan Penerangan, iaitu di bawah Butiran 1100, Program (2) Perkhidmatan Luar Sivik dan Masyarakat.

Tuan Pengerusi, program ini juga adalah merupakan sebagai satu program yang amat penting kerana dalam perbahasan Dasar Belanjawan yang lalu saya telah menyentuh banyak tentang peranan komunikasi yang boleh dimainkan menerusi Kementerian Penerangan dan khasnya menerusi Jabatan Penerangan ini kerana peranan yang dapat dimainkan menerusi Perkhidmatan Luar, Sivik dan Masyarakat ini amat luas dan inilah yang diharapkan di dalam kehendak komunikasi yang perlu

wujud untuk menerapkan semua nilai-nilai yang dirancangkan di dalam polisi dan dasar Kerajaan.

Apa yang harus di ambil perhatian, khasnya Jabatan Penerangan ini ialah sejauh manakah prestasi Pegawai-pegawai Penerangan di peringkat Daerah-daerah dan Negeri dan juga tentang peranan-peranan sivik yang dapat dilaksanakan, terutama sekali bagi tahun 1983. Di negara kita ini kedapatan banyak bidang-bidang mass media, terutamanya akhbar-akhbar, majallah-majallah dan sebagainya yang kalau hendak dibilang kadangkala tidak teringat kerana banyaknya majallah-majallah dan akhbar-akhbar yang diterbitkan pada setiap hari dan begitu juga perkembangan yang ada di dalam negara kita ini pada masa ini bukanlah merupakan di zaman tahun-tahun 50an atau 60 an dahulu di mana kita kedapatan banyak masyarakat-masyarakat di luar bandar yang masih buta huruf. Sekarang ini kita kedapatan ramai mesyarakat-masyarakat kita walaupun di luar bandar terdapat mereka yang dapat mengikuti perkembangan-perkembangan semasa menerusi media-media. Oleh itu adalah merupakan sebagai satu tanggungjawab yang amat berat kepada Pegawai-pegawai Penerangan Khas ataupun Pegawai-pegawai Penerangan di Daerah-daerah untuk mengambil perhatian yang sesungguhnya tentang peningkatan prestasi yang dapat dimainkan oleh pihak-pihak yang bertanggungjawab ini.

Suatu yang mendukacitakan kita kerana pegawai-pegawai di peringkat daerah-daerah kadangkala merupakan pegawai-pegawai yang diambil secara kontrak dan kadangkala peringkat umur ataupun peringkat kematangannya dengan kelulusan pelajaran ataupun kelulusan akademiknya kalau tidak dipertingkatkan kemampuan dan

kebolehan pada semasa mungkin ianya tidak dapat menjadikan satu alat komunikasi di dalam penyampaian kehendak-kehendak yang seharusnya disampaikan.

Oleh itu, saya sukalah mencadangkan di sini supaya pihak Jabatan Penerangan ini, khasnya Kementerian Penerangan mengkaji semula tentang apakah perlunya diberikan peluang-peluang kepada pegawai-pegawai yang berada di peringkat negeri dan peringkat daerah untuk mempertingkatkan kemampuan pengetahuan dan juga perkara-perkara semasa yang boleh mereka jadikan pandangan-pandangan ataupun jadikan isu-isu yang dapat diketengahkan kepada masyarakat yang ada di setempat. Kalau sekiranya tidak diberikan peningkatan kepada pengetahuan dan kemampuannya mungkin pegawai-pegawai ini sendiri tidak dapat menghadapi keadaan masyarakat semasa, terutama masyarakat-masyarakat di kawasan bandar sendiri yang mempunyai kedudukan dan masalah-masalah yang amat sukar untuk diberi penjelasan dan penerangan di dalam sesuatu bidang ataupun masalah.

Selain daripada itu, perlu juga pihak Jabatan Penerangan ini mengambil perhatian tentang bahan-bahan semasa yang boleh disampaikan kepada pegawai-pegawai tempatan untuk dapat disampaikan kepada masyarakat dan kadangkala bahan-bahan ini kelewatan diterima dan apabila kelewatan diterima berertilah pegawai-pegawai di tempatan itu juga tidak memahami kedudukan yang sebenar daripada sesuatu polisi

ataupun dasar ataupun daripada sesuatu kenyataan yang mungkin menjadi masalah untuk mendapat penjelasan di kalangan masyarakat.

Saya juga berharap kemungkinan Jabatan Penerangan dapat mewujudkan selalu perjumpaan-perjumpaan di antara pegawai-pegawai, sama ada merupakan perjumpaan-perjumpaan arahan ataupun perjumpaan-perjumpaan merupakan seminar bagi membincangkan sesuatu untuk meningkatkan kedudukan kemampuan dan prestasi pergerakan yang boleh dimainkan oleh kalangan pegawai-pegawai di tempatan. Masyarakat kita sekarang ini amat memerlukan perhubungan komunikasi yang langsung. Kalau sekiranya ini tidak dapat diwujudkan menerusi Pegawai-pegawai Penerangan yang diharapkan untuk dapat mencapai matlamat "3T" seperti yang dirancangan oleh Yang Berhormat Mantri Penerangan, iaitu "terang, terima dan terap", maka kemungkinan harapan itu merupakan sebagai satu teori yang berada di Kementerian itu sahaja dan ianya tidak akan dapat dicapai matlamatnya.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, masa sudah cukup. Yang Berhormat boleh sambung esok.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Timbalan Yang Dipertua: Majlis ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.00 malam.